

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh:

PERKAMPUNGAN PORTUGIS:
SATU TINJAUAN KE ATAS ETNISITI DAN PERANAN WANITA

Oleh

WONG WOEI WOEI

No. Matrik: 059809

Latihan Ilmiah
bagi memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

DISEMBER 1993

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kerana telah berjaya menamatkan latihan ilmiah ini dalam masa yang ditetapkan. Hal ini tidak mungkin termakbul tanpa bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh pihak yang terlibat.

Sepanjang usaha kerja penyelidikan dan penulisan latihan ilmiah ini, saya telah diberi dorongan dan bimbingan yang luas dari pihak pensyarah-pensyarah yang terlibat. Terutama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tingginya penghargaan terhadap Dr. Tan Chee Beng, iaitu penyelia saya bagi latihan ilmiah ini. Dr. Tan bukan sahaja telah mengaturkan bantuan kewangan untuk kerja lapangan saya, bahkan beliau telah menghulurkan petunjuk dan garis panduan serta bersikap cekap dan cergas dalam membantu menjayakan usaha penulisan saya. Selain itu, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dr. Azizah Kassim yang telah sudi datang ke tempat kajian untuk memastikan kelancaran kerja-kerja penyelidikan.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Institut Pengajian Tinggi bagi membiayai kos perbelanjaan saya di bawah Projek Kajian Hubungan Etnik semasa menjalankan kerja lapangan di Melaka selama dua bulan.

(i)

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu, kakak serta kawan karib saya yang telah sekian lama memberi sokongan moral dan bersikap sabar terhadap saya.

Yours sincerely,

Yusof bin Yusoff
Universiti Malaysia Sabah
Faculty of Engineering and Technology
Department of Civil Engineering

SINOPSIS

Tesis ini adalah bertujuan mengkaji secara khususnya peranan wanita Serani Portugis dalam pembangunan komuniti di Perkampungan Portugis. Peninjauan yang selanjutnya juga akan didalami dalam mengaitkan hubungan di antara peranan wanita Serani Portugis dengan aspek etnisiti. Latihan ilmiah ini terdiri dari enam bab.

Dalam bab pertama, satu pendahuluan akan dikeutarakan bagi menjelaskan tujuan serta skop kajian latihan ilmiah ini. Selain itu, metodologi juga akan disampaikan dan diringi oleh masalah-masalah kajian semasa kerja-kerja penyelidikan dilakukan. Satu diskripsi yang ringkas terhadap tempat kajian juga telah diadakan bagi mempermudahkan pemahaman latihan ilmiah ini.

Dalam bab kedua, satu pengenalan akan diberikan terhadap Perkampungan Portugis dari segi sejarah dan masa kini. Keadaan-keadaan sosio-ekonomi pada masa kini akan dikeutarakan untuk memberi satu latarbelakang bagi pembentangan pelbagai aspek dalam bab-bab yang seterusnya. Peninjauan aspek-aspek sosio-ekonomi disini adalah penting kerana ia akan merupakan garis panduan kepada perbincangan topik etnisiti secara mendalam.

Bab tiga akan ditumpukan kepada topik peranan wanita secara domestik dan juga dalam pembangunan ekonomi komuniti mereka. Wujud perhubungan yang ketat di antara kedua-dua aspek ini kerana walaupun kaum wanita Serani Portugis dilihat sebagai lebih berdedikasi dalam pekerjaan domestik, namun mereka juga giat dalam aktiviti ekonomi yang dianggap suatu kegemaran dalam masa lapang.

Dalam baba keempat, perbincangan tentang pendidikan dan aktiviti-aktiviti sosial kaum wanita Serani Portugis akan dihuraikan. Ia akan menunjukkan sejauhmana kaum wanita telah melibatkan diri ke dalam aktiviti sosial dan juga setakat mana pendidikan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan mereka.

Bab kelima akan memberi tumpuan khas kepada pembentangan soal etnisiti. Adalah penting untuk melibatkan semua aspek berkaitan dengan etnisiti, bermula dari perbincangan rupa bentuk fizikal kepada corak interaksi sosial. Peranan wanita akan terdiri daripada sebahagian bab ini untuk meninjau aspek-aspek obligasi dan tanggungjawab dalam menanam nilai-nilai budaya dan identiti Serani Portugis ke dalam komuniti mereka.

Bab keenam adalah kesimpulan yang dibuat hasil daripada keseluruhan penyelidikan. Bab ini akan menyimpulkan peranan

wanita secara keseluruhannya dalam pembangunan Perkampungan Portugis. Selain itu, suatu kesimpulan tentang masalah-masalah yang berkait dengan aspek etnisiti perkampungan komuniti ini juga akan disampaikan. Bab ini juga merupakan satu saluran bagi kaum Serani Portugis untuk mengeluarkan pendapat serta harapan semoga masalah-masalah mereka dapat menarik perhatian orang ramai serta pihak-pihak berkuasa yang berkenaan supaya pertolongan akan dihulurkan.

BAB 7 : PENEMUAN

7.1. PENEMUAN MELAKA

7.1.1. TAHUN KASTIL

7.1.2. METODIK

7.1.3. PENEMUAN MELAKA

BAB 8 : PERKAMPUNGAN PORTUGIS MELAKA PERKEMBANGAN DARI 1500 KINI

8.1. PERKAMPUNGAN MELAKA PADA SAHABAT

8.1.1. SIRI MELAKA

8.1.2. SIRI PORTUGIS

8.1.3. SIRI JERMAN

8.1.4. SIRI SPANISH

8.1.5. SIRI CHINIAH

8.1.6. SIRI INDIAH

8.1.7. SIRI ARAB

8.1.8. SIRI CHINESE

8.1.9. SIRI INDIAN

8.1.10. SIRI THAI

8.1.11. SIRI JAPANESE

8.1.12. SIRI KOREAN

8.1.13. SIRI THAI

KANDUNGAN

Halaman

PENGHARGAAN.....	I-III
DEDIKASI.....	IV
SINOPSIS.....	V-VII
KANDUNGAN.....	VIII-X
SENARAI KANDUNGAN GAMBAR.....	XI
LAMPIRAN PETA.....	XII
BAB I : PENGENALAN	1-16
1.1 : SKOP KAJIAN.....	2
1.2 : TEMPAT KAJIAN.....	7
1.3 : METODOLOGI.....	9
1.4 : MASALAH KAJIAN.....	13
BAB II : PERKAMPUNGAN PORTUGIS: SEJARAH PERKEMBANGAN DAN MASA KINI	17-38
2.1 : ASAL USUL PERKAMPUNGAN PORTUGIS.....	17
2.2 : PERKAMPUNGAN PORTUGIS: MASA KINI.....	20
2.2.1 Demografi	20
2.2.2 Pekerjaan	21
2.2.3 Pendapatan	23
2.2.4 Pendidikan	25
2.2.5 Bahasa Pertuturan	27
2.2.6 Pengamalan Agama	28
2.2.7 Budaya Perayaan	29
2.2.8 Struktur Pentadbiran	32
2.2.9 Taraf Hidup	33
2.3 : RUMUSAN.....	35

BAB III : PERANAN WANITA DALAM AKTIVITI-AKTIVITI DOMESTIK DAN EKONOMI	39-65
3.1 : PENGENALAN.....	39
3.2 : AKTIVITI-AKTIVITI DOMESTIK SEBAGAI DOMAIN KAUM WANITA.....	40
3.2.1 Autonomi Dalam Hal Rumahtangga	48
3.3 : PERANAN WANITA DALAM AKTIVITI EKONOMI.....	51
3.3.1 Aktiviti-Aktiviti Ekonomi Turun Temurun	54
3.3.2 Aktiviti-Aktiviti Ekonomi Komersial	57
3.3.3 Aktiviti-Aktiviti Ekonomi Lain	61
3.4 : RUMUSAN.....	62
BAB IV : AKTIVITI-AKTIVITI SOSIAL DAN PENDIDIKAN	66-86
4.1 : PENGENALAN.....	66
4.2 : PERANAN WANITA DALAM AKTIVITI-AKTIVITI SOSIAL.....	67
4.2.1 Persatuan Ibu-Ibu Kristian	67
4.2.2 Persatuan Charismatic	71
4.2.3 Kumpulan Liturgi	72
4.2.4 Sesi Dinamik	73
4.2.5 Persatuan Pengebumian	74
4.3 : PERANAN WANITA DALAM AKTIVITI-AKTIVITI PENDIDIKAN.....	76
4.3.1 Klas Murid-Murid Lembap	81
4.4 : RUMUSAN.....	84
BAB V : ETNISITI, BUDAYA DAN BAHASA	87-116
5.1 : PENGENALAN.....	87
5.2 : ETNISITI.....	87
5.2.1 Coral Interaksi di Peringkat Lokal dan Supra Lokal	91
5.2.2 Perkahwinan-Perkahwinan Campur	95

5.2.3	Kepentingan Agama	103
5.3	: CORAK KEBUDAYAAN DAN PERAYAAN.....	104
5.3.1	Budaya Kehidupan Kekeluargaan	109
5.4	: BAHASA.....	111
5.5	: RUMUSAN.....	115
BAB VI	: KESIMPULAN.....	117-130
LAMPIRAN GAMBARAJAH.....		131-140
BIBLIOGRAFI		
Bahan-Bahan Yang Diterbitkan.....		141
Bahan-Bahan Yang Tidak Diterbitkan.....		143

(x)

KANDUNGAN GAMBAR

Gambar	Halaman
1 Suasana Perkampungan Portugis	131
2 Contoh Rumah Perkampungan Portugis	131
3 Sebuah rumah kedai makanan kepunyaan Serani Portugis	132
4 Suasana bilik makanan	132
5 Contoh sebuah bilik tetamu	133
6 Suasana bilik tetamu dengan gambar-gambar suci di dinding	133
7 Pantai Selat Melaka	134
8 Tempat perhimpunan kaum Nelayan	134
9 Kegiatan ekonomi membuat karing-karing	135
10 Ikan Timah	135
11 Geragau-geragau dalam proses pengawetan	136
12 Pengeringan geragau-geragau yang telah ditumbuk	136
13 Perhimpunan sesi bersembahyang Charismatic	137
14 Lauk mangga masak yang dijeruk	137
15 Kanak-kanak Tabika	138
16 Acara Perayaan hari Belia 1993	138
17 Pengantin Baru Tradisional	139
18 Sampan nelayan dihias untuk Pesta San Pedro	139
19 Pencurian sampan nelayan pada hari Pesta San Pedro	140




Malacca Town (not to scale)

Key:

- | | |
|---------------------------------|------------------------------------|
| 1. Tranquerah Mosque | 9. Church of St. Francis Xavier |
| 2. City Cross | 10. Cheng Hoon Teng Temple |
| 3. «A Famosa» and Santiago Gate | 11. Bukit Cina |
| 4. St. Paul's Church | 12. Peragi Raja |
| 5. Malacca's -Red Square- | 13. «Ermida do Rosario» |
| 6. The «Stadtburg» | 14. St. Peter's Church |
| 7. Malacca Museum | 15. Bukit Pipit or St. John's Hill |
| 8. Christ Church | 16. The Portuguese Settlement |

Página 2

Lakaran Perkampungan Portugis (No.16 Peta 1) yang dibesarkan tanpa mengikut skil.



BAB I

PENGENALAN

Saya amat bersyukur kerana dapat menjalani kerja lapangan di Perkampungan Portugis, Melaka. Peluang ini adalah dijalin melalui seorang sahabat karib saya yang berasal dari perkampungan tersebut. Dalam jangka masa tiga tahun persahabatan kami, saya telah mengadakan lawatan yang kerap ke perkampungan kawan saya. Walaupun pada masa itu, peranan yang dimainkan oleh saya adalah sebagai seorang kawan karib sahaja, namun saya percaya bahawa lawatan-lawatan tersebut telah sedikit sebanyaknya menyebabkan saya terjerumus ke dalam komuniti mereka.

Selain daripada peluang keemasan ini, saya juga telah diinspirasi oleh faktor keunikan budaya komuniti Serani Portugis. Walaupun telah hampir lima abad sejak golongan minoriti ini pertama sekali menjejak kaki di bumi Malaysia, namun saya kurang pasti bahawa mereka akan dapat menerusi abad-abad yang seterusnya. Hakikat ini adalah disedari melalui tingkat pemodenan dan kadar perkahwinan campur yang kian menaik. Oleh sebab itulah, saya telah menetapkan tajuk tesis ini sebagai "Perkampungan Portugis: Satu Tinjauan ke Atas Etnisiti dan Peranan Wanita". Ini adalah kerana saya yakin bahawa wanita di Perkampungana Portugis memainkan suatu peranan yang amat penting dalam memastikan penerusan kebudayaan komuniti ini supaya identiti dan etnisiti mereka dapat dikekalkan.

1.1 SKOP KAJIAN

Daripada rujukan lepas, saya mendapati ada beberapa tesis yang telah dibuat ke atas komuniti Serani Portugis. Chan Kok Eng (1969) dalam tesis sarjana beliau yang bertajuk "A Study in the Social Geographical of the Malacca Portuguese Eurasians" telah membincangkan ciri-ciri rumah tangga seperti fungsi rumah tangga dalam ekonomi dan sosial. Beliau juga menyebut hal-hal organisasi sosial dalam sesebuah keluarga dan ini telah dikaitkan dengan autonomi dan tanggungjawab yang dipikul oleh seseorang ahli keluarga. Selain itu, Chan juga telah membincang tentang perkahwinan campur di kalangan wanita Serani Portugis yang mana ia telah secara tidak langsung menimbulkan perbincangan tentang perubahan dalam mobiliti sosial.

Tesis Hashim Haji Harun (1976) yang bertajuk "Racial Marginality in West Malaysia - The Case of Portuguese Eurasians of the Portuguese Settlement, Malacca", juga telah membincang hal-hal mengenai sistem kekeluargaan asas, pekerjaan, penghidupan dan juga agama yang diamalkan oleh kaum Serani Portugis. Tong Chek Buay (1987) dalam tesisnya bertajuk "The Socio-Economic Condition of the Portuguese Eurasians in the Portuguese Settlement, Melaka" telah meninjau hal-hal yang berkaitan dengan perbezaan sosial dan ekonomi di dalam sesebuah kekeluargaan. Pendidikan juga telah dikeutarakan dan ia telah dikaitkan dengan pelbagai pekerjaan yang dijawat oleh komuniti tersebut.

Selain daripada tesis-tesis di atas, saya juga telah merujuk kepada sebuah buku lain yang menyentuh hal etnisiti. C.H. Crabb

(1960) dalam bukunya Malaysia's Eurasian - An Opinion telah membincangkan isu-isu etnisiti dari segi masalah menidentifikasi diri iaitu Eurasianism. Beliau mendalamai masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum minoriti dari segi penerimaan mereka oleh etnik-etnik lain dan juga masalah pembentukan satu kelompok etnik yang unik. Di sini, soal perkahwinan campur juga telah ditinjau dan dikatakan adalah salah satu punca masalah etnisiti di dalam interaksi kumpulan. Walau bagaimanapun, buku ini hanya akan dirujuk sebagai panduan dalam tesis saya kerana konsep Eurasian yang didefinisikan oleh Crabb adalah hasil daripada perkahwinan campur di antara pelbagai golongan etnik yang wujud di Malaysia dan Singapura. Kaum Serani Portugis hanya merupakan sebahagian kecil daripada topik-topik yang dibincangkan.

Oleh kerana terdapat bahan-bahan yang terhad dalam topik yang mengutamakan peranan wanita Serani Portugis serta etnisiti secara khususnya di Perkampungan Portugis, Melaka, maka saya bercadang hendak mencakupi bidang ini dalam tesis saya.

Skop kajian saya secara asasnya akan melibatkan pembangunan terkini peranan wanita dalam komuniti Perkampungan Portugis di Melaka. Walau bagaimanapun, saya juga telah mengumpul bahan-bahan yang mencukupi bagi jangka masa yang lebih awal. Selain daripada demografi, sejarah dan pembekalan suatu gambaran yang umum mengenai komuniti tersebut, saya juga akan membincangkan secara khususnya sumbangannya peranan wanita secara sosial, ekonomi dan aktiviti-aktiviti domestik mereka terhadap sistem kekeluargaan dan komuniti Serani Portugis.

Saya ingin mengasaskan tumpuan kajian saya kepada pendapat Rosemary Ridd (1979 : 190) bahawa sebahagian besar kajian antropologi terhadap ciri-ciri sesebuah masyarakat kebanyakannya adalah berdasarkan informasi-informasi daripada kaum lelaki sebagai responden utama; dan juga bahawa informasi-informasi wanita adalah sukar dijustifikasi dan mereka sering dilihat sebagai mengongsi pandangan yang sama dengan suami, ayah ataupun abang mereka. Ridd juga mengatakan bahawa wanita telah dikeluarkan daripada fokus dan kadangkala hanya dilayan sebagai sesuatu objek perhatian melalui kaum lelaki dan jarang dilihat sebagai satu objek dalam hak mereka sendiri. Daripada konsep inilah, saya ingin mengubah pandangan tersebut untuk menunjukkan bahawa kaum wanita di Perkampungan Portugis telah dan juga boleh mewakili komuniti mereka secara sendirinya tanpa merujuk kepada kaum lelaki. Dalam aspek ini, saya ingin memberi keutamaan dalam peninjauan perubahan peranan wanita dan juga status mereka sebagai akibat pembangunan dan pemodenan yang telah membawa perubahan nilai kepada perkembangan komuniti ini.

Selain daripada menghuraikan bagaimana kaum wanita telah mengekalkan kedudukan mereka secara dominan melalui autoritinya dalam hal-hal rumaktangga, saya juga ingin menunjukkan bagaimana kaum wanita telah bertransformasi daripada nilai-nilai tradisionalnya ke dalam arus pembangunan komuniti mereka pada hari ini. Ini adalah wajar kerana walaupun adalah masih benar bahawa kaum wanita Serani Portugis jarang sekali meninggalkan halaman rumah mereka, tetapi akhir-akhir ini, kelihatan mula wujudnya penglibatan yang ketara dalam aktiviti-aktiviti tertentu. Walau

bagaimanapun, pekerjaan yang diwujudkan bagi wanita untuk menepati permintaan pembangunan telah memberi pendapatan dan status yang rendah kepada mereka. Ini secara tidak langsung telah menindaskan lagi peranan wanita tersebut yang sekian lama berasa kurang cekap untuk bersaing dalam jawatan tertentu akibat ketidaksempurnaan pendidikan dan kemahiran.¹ Oleh itu penglibatan kaum wanita Serani Portugis dalam aktiviti-aktiviti sosial telah secara tidak langsung memberikan satu kesan yang positif ke atas status mereka. Bahkan ia juga dalam keadaan tertentu, telah membawa kebebasan pergantungan di mana mereka kini menerima pendapatan sebagai individu dan sanggup menyara hidup sendiri.

Dengan berlatar-belakangkan keadaan di atas, saya ingin melihat faktor penyertaan wanita dalam pembuatan keputusan. Ini melibatkan perkongsian autonomi yang relatif yang dipegang oleh mereka sebagai sebahagian daripada unit sumbangan keluarga. Dengan demikian, aspek-aspek seperti organisasi pekerjaan, kebijakan kekeluargaan dan juga obligasi dan tanggungjawab akan dibincangkan. Lantaran itu, penglibatan wanita dalam kebijakan sosial dan ekonomi di luar rumah tangga juga akan didalami sebagai simbol identiti yang dipaparkan oleh kaum wanita Serani Portugis.²

Dari aspek etnisiti pula, secara spesifiknya, saya ingin membincang corak interaksi yang wujud. Dengan ini, saya ingin mencari kesempatan di sini untuk menjelaskan secara ringkas konsep Serani Portugis yang telahpun dan akan digunakan dengan meluas dalam bab-bab yang seterusnya. Sebenarnya, konsep Serani

Portugis adalah interpretasi langsung daripada versi Bahasa Inggeris iaitu Portuguese Eurasian. Bagi penduduk-penduduk Perkampungan Portugis di Melaka, mereka berasa lebih senang jika ditegur sebagai Malaysian Portuguese Eurasian secara keseluruhan dan tepatnya. Ini adalah kerana menurut mereka, Malaysian menggambarkan kewarganegaraan, Portuguese menggambarkan etnisiti dan Eurasian memberi erti bahawa mereka adalah hasil daripada perkahwinan campur. Walau bagaimanapun, hal ini akan lebih didalami dalam bab lima berkenaan dengan etnisiti.

Saya tidak akan hanya berputar dalam lingkungan cara golongan etnik ini melihat diri sendiri sebagai satu etnisiti yang unik ataupun corak pergaulan di kalangan mereka sendiri, bahkan saya akan memperluaskan skop kajian untuk meliputi interaksi sosial di peringkat supra-lokal³ yang melibatkan interaksi antara individu dan juga secara berkelompok. Ini adalah penting bagi menunjukkan masalah yang dihadapi oleh kaum Serani Portugis dalam menyesuaikan dan melibatkan diri ke dalam kumpulan etnik yang lain. Dengan demikian, akan kelihatan wujudnya perubahan pada identiti di dalam komuniti tersebut sebagai akibat kepada pengaruh yang berterusan daripada kumpulan etnik yang lebih besar. Konsep akulturasi adalah sesuai untuk kegunaannya dalam konteks ini kerana ia memberi makna bahawa wujudnya perubahan dalam kebudayaan sesuatu komuniti sebagai akibat daripada pengaruh unsur-unsur kebudayaan sesuatu komuniti yang lain ataupun sebaliknya. Dengan demikian, saya akan merujuk kepada konsep akulturasi sepertimana yang didefinisikan oleh Dr. Tan Chee Beng (1988: 2)⁴ dan John W. Berry (1980: 11).⁵

Oleh kerana kajian etnisiti saya melibatkan aspek identiti, maka saya tidak akan lari daripada membincangkan tiga unsur penting iaitu budaya, agama dan bahasa. Ini adalah kerana sebarang perubahan yang berlaku ke atas ketiga-tiga unsur ini akan menimbulkan kesan ke atas identiti seseorang Serani Portuguese. Selain itu, saya juga akan memperihalkan aspek perkahwinan campur yang berlaku di kalangan Serani Portugis dengan kaum etnik yang lain. Ini adalah perlu untuk menggambarkan perbezaan di antara golongan etnik lain yang dipilih dan melihat bagaimana unsur-unsur budaya diserap ke dalam keluarga perkahwinan campur.

Dalam lingkungan perbincangan etnisiti, saya juga akan meninjau usaha wanita dalam pengekalan imej-imej budaya memandangkan peranan mereka yang begitu ketara sebagai agen sosialisasi dalam komuniti Serani Portugis. Oleh sebab itulah, topik peranan wanita harus dibincangkan sebelum topik etnisiti supaya dapat mewujudkan kesinambungan dalam pemahaman.

1.2 TEMPAT KAJIAN

Perkampungan Portugis terletak di Ujong Pasir, iaitu salah satu daerah di Melaka Tengah. Tempat ini adalah kira-kira lima kilometer daripada pusat bandar. Terdapat sebuah lagi penempatan kaum Serani Portugis di daerah Bandar Hilir yang dikenali sebagai Praya Lane. Kaum Serani Portugis yang lain juga didapati di kawasan seperti Tranquerah, Batu Berendam, Bukit Baru dan Air Keroh, tetapi bilangan kekeluargaan adalah tidak lebih daripada sepuluh unit dalam setiap kawasan.

Saya lebih mengutamakan kajian saya di Perkampungan Portugis daripada yang lain kerana komuniti ini masih banyak mengelarkan unsur-unsur aslinya. Mereka ini merupakan pendatang-pendatang lewat daripada perkampungan di Praya Lane yang kini telah giat diakulturasikan oleh budaya-budaya lain akibat perkahwinan campur yang berleluasa.

Sebaik sahaja menjelak ke dalam Perkampungan Portugis, terdapat empat baris rumah campuran papan dan batu-bata di sebelah kiri dan kanan. Tiap baris terdapat lebih kurang sepuluh unit rumah. Walaupun Perkampungan ini dikonsepsikan sebagai miskin, namun terdapat rumah-rumah yang mewah dan ada di antaranya bertingkat dua. Kira-kira empat-puluh peratus daripada rumah-rumah ini telah dibina semula yang mana biasanya, sebuah bilik yang setengah saiz rumah asal didirikan berdampingan dengannya bagi menampung ahli keluarga yang kian bertambah.

Selepas kawasan rumah ini, terdapat sebuah sekolah menengah Kristian di sebelah kiri dan sederet kedai makanan di tepinya, iaitu di sisi Selat Melaka yang terkenal. Di sebelah kanan adalah satu pusat hiburan yang dinamakan Portuguese Square atau Medan Portugis di mana pertunjukan tarian tradisional Portugis dilangsungkan pada setiap Sabtu malam. Dari sini, juga boleh didapati pelbagai jenis hidangan makanan Portugis dengan ramuan-ramuan yang asal. Satu daripada sifnifikasi tempat ini adalah jambatan nelayan yang panjang yang sentiasa mencabar pelawat-pelawat untuk berjalan ke penghujungnya. Di antara kedua-dua bangunan sekolah dan pusat hiburan, terdapat sebuah pentas yang

kecil diletakkan atas landasan tempat letak kenderaan pelawat. Di sinilah acara-acara yang istimewa seperti pertandingan ratu cantik, pertandingan lukisan dan juga lain-lain perayaan penting dijalankan. Di samping itu, terdapat lagi sebuah tadika yang kecil di bahagian belakang pusat Medan Portugis tersebut.

Selain daripada diskripsi di atas, terdapat unit-unit flat yang didirikan khusus untuk menampung pertambahan kaum Serani Portugis tetapi telah kini diduduki oleh kaum Melayu. Ianya terletak di depan barisan pertama rumah-rumah di sebelah kiri. Di samping itu, terdapat lagi kira-kira 10 unit rumah di penghujung sekolah menengah yang disebutkan tadi. Walaupun dikatakan kawasan ini adalah kepunyaan kaum Serani Portugis, namun wujud kawasan perumahan pemilikan kerajaan yang didirikan di bahagian belakang sekolah tersebut.

1.3 METODOLOGI

Saya telah memulakan kerja lapangan pada pertengahan bulan April 1993. Sepanjang masa kerja lapangan, saya telah menginap dengan keluarga saudara kawan saya yang juga seorang Serani Portugis tetapi menduduki kawasan di luar perkampungan Portugis iaitu di Ujong Pasir. Kekurangan kesempatan untuk menginap di rumah kawan saya di dalam perkampungan tersebut adalah disebabkan keluarganya telah berpindah ke Kuala Lumpur selama tiga bulan atas hal peribadi. Walau bagaimanapun, saya telah menerima banyak bantuan daripada saudara-mara kawan saya yang telah membentukkan perhubungan untuk saya dengan ahli-ahli Serani Portugis yang dirasa dapat membantu dalam kajian saya. Tambahan

pula, keluarga saudara kawan saya juga telah membekalkan banyak bahan-bahan rujukan seperti dokumen-dokumen, artikel-artikel dan potongan surat khabar yang dahulu dikumpulkan semasa mereka bergiat di dalam aktiviti pembangunan komuniti tersebut. Oleh sebab itu, saya telah memilih mereka sebagai informan utama sebab mereka telah banyak memberi tunjuk ajar dalam strategi-strategi untuk mendekati komuniti Serani Portugis.

Dalam kerja lapangan selama dua bulan di Perkampungan Portugis, walaupun saya telah dibekalkan dengan banyak sumber-sumber yang berbagai, namun kebanyakannya data-data adalah hasil daripada temuduga-temuduga dengan responden. Saya menganggap diri sebagai pengkaji pengikut serta kerana walaupun tidak menduduki kawasan perkampungan Portugis, saya telahpun mengunjungi ke sana setiap hari, bahkan saya telah mengambil peluang untuk menginap sehari dua di rumah keluarga kawan saya setiap kali mereka kembali untuk sementara dari Kuala Lumpur. Walaupun saya pernah mendekati komuniti ini sejak tiga tahun lalu, namun masih wujudnya perasaan ketidaksenangan pada peringkat awal kajian kerana lawatan-lawatan dahulu adalah terhad kepada keluarga dan saudara-mara kawan karib saya sahaja. Jangka masa awal ini adalah peringkat masa di mana saya terpaksa menjalin perhubungan dengan penghuni-penghuni Perkampungan Portugis ini. Sebaik sahaja mereka telah membiasakan diri dengan kedatangan saya yang kerap itu, maka saya menjadi lebih berani dalam peneguran dengan mereka.

Dalam minggu yang pertama, saya telah menggunakan cara

perbualan tanpa tujuan-tujuan yang khusus dengan pekedai-pekedai makanan dan nelayan. Kadangkala pula, saya akan cuba menyelitkan motif dan keinginan saya itu. Selepas dapat memastikan mereka dalam hal ini, maka saya mula membuat pertanyaan-pertanyaan yang lebih khusus tentang peranan wanita dan juga interaksi dengan etnik-etnik lain sebagai permulaan kepada topik etnisiti. Mereka yang sentiasa berbual-bual dengan saya ini merupakan satu golongan responden yang informatif kerana telah membekalkan satu rangka yang umum terhadap komuniti mereka.

Di samping itu, saya juga telah menemuduga sebilangan dua-puluh keluarga tentang bahasa pertuturan, tingkat pendidikan, pendapatan, pekerjaan, agama, unsur dan bilangan anak dalam sesuatu keluarga. Dalam usaha mendapatkan informasi yang lebih tepat, saya meminta bantuan daripada keluarga-keluarga tersebut untuk memperkenalkan ahli-ahli keluarga lain yang duduk di perkampungan tersebut tetapi tidak dalam rumah yang sama.

Temuduga-temuduga secara formal telah dijalankan dengan dipandu oleh soalan-soalan yang disediakan terdahulu berdasarkan pengetahuan responden tertentu. Contohnya, jika menemuduga seorang wanita yang giat di dalam aktiviti kebajikan sosial, maka soalan akan dibentuk supaya berkait dengan bidang tersebut. Kaedah ini adalah diperlukan kerana hanya wanita-wanita yang aktif ini dapat memberi keterangan yang tepat kerana mereka bukan sahaja berpengalaman di dalam kemahiran kepimpinan, bahkan kebanyakannya daripada mereka telah melalui pendidikan formal yang sempurna. Soalan-soalan yang dibentuk adalah bercorak open-ended kerana ia memberikan saya penuh fleksibiliti untuk mendalami

topik-topik tertentu. Di samping itu, saya juga telah menyertai kebanyakan daripada aktiviti-aktiviti yang dilangsungkan oleh kaum wanita dan juga mengunjungi ke tempat di mana aktiviti ekonomi dijalankan demi untuk memahami secara lebih mendalam tentang penglibatan mereka.

Untuk memastikan bahawa tiada butir-butiran telah diciciran, saya sentiasa menggunakan pita rakaman radio dalam temuduga secara soalan berstruktur ataupun dalam perbualan-perbualan. Cara ini bukan sahaja tidak menimbulkan kesangsian dan ketidaksenangan di kalangan responden-responden saya, bahkan mereka bersikap begitu menggalakkan sehingga telah meningkatkan kemudahan dan kejituhan maklumat yang dikehendaki oleh saya.

Selain daripada kerja lapangan di Perkampungan Portugis, saya juga telah mengunjungi ke gereja St. Peter untuk mendapatkan rekod tentang perkahwinan campur kaum Serani Portugis. Adakalanya, saya mengikuti responden-responden yang bersembahyang di gereja St. Peter dan St. Francis Xavier pada penghujung minggu untuk menyaksikan pergaulan dan interaksi di peringkat supralokal. Saya juga telah menghadiri majlis perkahwinan, upacara-upacara penyembahan Tuhan, kelas-kelas pemujaan Tuhan dan lain-lain bentuk perayaan. Saya juga telah pergi ke Pejabat Daerah untuk mendapatkan banci Perkampungan Portugis tersebut.

Bagi meningkatkan pemahaman pembaca-pembaca, saya telah berusaha mengambil gambar-gambar yang berkait dengan aktiviti-aktiviti dan kehidupan di perkampungan tersebut. Saya percaya bahawa cara ini adalah terbaik untuk memperkuatkan diskripsi-

diskripsi yang disampaikan dalam tesis ini.

1.4 MASALAH KAJIAN

Semasa kerja lapangan dilangsungkan, saya menghadapi masalah dalam mendapatkan maklumat yang tepat. Ini adalah kerana kebanyakan daripada kaum wanita Serani Portugis itu masih bersikap amat reserve dalam perbualan mereka. Biasanya apabila soalan-soalan ditujukan, saya akan mendapat jawapan yang samada tidak menepati soalan ataupun yang kurang memuaskan dari segi intinya. Walaupun saya telah menggunakan percakapan-percakapan yang lebih mudah difahami dan soalan-soalan yang kurang bersifat teknikal memandangkan taraf pendidikan yang sederhana di kalangan responden-responden, namun saya mendapati bahawa mereka sering tersalah faham apa yang disoal oleh saya. Ini adalah kerana kebanyakan masa mereka menceritakan perkara-perkara yang lain daripada yang ditanya. Biasanya, mereka yang suka berbual-bual itu sering menceritakan hal mengenai saudara-mara yang bermastautin atau bekerja di tempat lain seperti Kuala Lumpur atau Singapura.

Saya juga telah menghadapi masalah komunikasi dari segi bahasa apabila menemuduga dengan golongan wanita yang lebih tua kerana mereka kurang faham bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Perkara ini wujud bukan sahaja disebabkan kekurangan pendidikan yang sempurna, bahkan kebanyakan golongan generasi tua ini telah membiasakan diri dalam pertuturan bahasa Portugis di kalangan mereka sendiri menyebabkan mereka tercirir dalam bahasa Inggeris

dan bahasa-bahasa lain. Oleh sebab itu, saya bimbang mungkin akan wujud kesalahan dalam interpretasi makna kerana kadangkala anak-anak mereka yang akan menjawab soalan-soalan yang dikeutarkan, terutamanya bila ibu mereka kurang pasti tentang soalan yang ditanya dan terpaksa bergantung kepada penjelasan daripada anak-anak melalui bahasa Portugis. Akibatnya, saya khuatir bahawa apa yang disampaikan oleh mereka mungkin bukan apa yang dikehendaki oleh saya, lebih-lebih lagi disebabkan anak-anak mereka bukan daripada target kumpulan responden saya dan mungkin memberi jawapan berdasarkan apa yang dirasakan betul.

Selain itu, saya juga menghadapi masalah dalam mendapat bantuan daripada penghulu perkampungan tersebut. Dalam usaha saya untuk mendapatkan binci terkini mengenai Perkampungan Portugis, beliau telah mengarahkan saya ke Pejabat Daerah untuk sumber tersebut padahalnya beliau patut mempunyai satu set pada dirinya. Malangnya, di Pejabat Daerah tersebut, binci yang wujud hanya adalah apa yang dilakukan ke atas Ujong Pasir iaitu dalam daerah Melaka Tengah yang mana Perkampungan Portugis itu diletakkan. Maka dengan ini, saya terpaksa membuat binci yang kasar terhadap perkampungan tersebut berdasarkan pengetahuan responden dan juga perangkaan daripada pemerhatian saya semasa menjalankan penyelidikan di situ.

Satu lagi masalah lain yang dihadapi adalah semasa membuat kajian tentang interaksi antara kumpulan etnik yang lain dengan kaum Serani Portugis. Masalah ini wujud kerana saya kurang berpeluang menyaksikan interaksi sebegini melainkan semasa di gereja dan pada masa perayaan-perayaan tertentu. Oleh itu,

sebahagian besar data-data yang didapati adalah berdasarkan apa yang diceritakan oleh responden-responden terhadap interaksi mereka dengan kaum lain. Sebaliknya, maklumat tentang bagaimana kaum Serani Portugis ini ditegur dan dikonsepsikan oleh etnisiti lain tidak dapat dikumpulkan akibat kesuntukan masa. Maka dengan ini, saya mungkin dihadap dengan data-data yang berat sebelah sebab hanya dapat mengumpul maklumat daripada satu pihak sahaja.

Berkait dengan masalah ini, saya juga dihadapi oleh masalah sikap sensitif para responden tentang soal perkahwinan campur di antara kaum Serani Portugis dengan kaum Melayu. Saya telah diberikan data-data yang berkontradiksi mengenai aspek akulturasi daripada mereka yang memerhatikan interaksi jiran tetangga yang berkahwin campur dengan kaum Melayu dan juga daripada mereka yang sendirinya mempunyai keluarga perkahwinan campur dengan kaum Melayu.

Walaupun wujudnya masalah-masalah seperti yang disebut di atas, namun saya berpendapat bahawa secara keseluruhannya, penyelidikan saya telah dijalankan dengan lancar. Ini adalah kerana walaupun ada di antara responden-responden yang pada mulanya kelihatan segan, tetapi lama-kelamaan, mereka telah banyak memberi kerjasama yang secukupnya, terutamanya beberapa orang pemimpin wanita yang begitu sabar dan murah hati dengan bantuan yang dihulurkan.

NOTAKAKI

1. Korelasi antara pencapaian dalam pendidikan dengan pekerjaan mempunyai hubungan yang kuat bukan sahaja di komuniti Serani Portugis, bahkan ia wujud dalam tempat-tempat lain seperti mana yang ditunjukkan oleh Jahara Yahaya (1991: 5-13) terhadap kaum wanita di Negeri Sembilan. Hal ini ditunjukkan dalam kajiannya antara tahun 1957-1980 di mana wujud perkembangan giat dalam sektor bukan pertanian dan sektor kerja kolar putih sebagai akibat kejayaan dalam pencapaian pendidikan oleh kaum wanita.
2. Aspek penglibatan kaum wanita di luar rumah tangga adalah penting seperti mana yang ditunjuk oleh Elizabeth Croll (1981: 22) bahawa wanita desa sentiasa mengaitkan diri dengan ciri-ciri rumah tangga yang diakibatkan oleh kekurangan kesedaran mereka dalam keupayaan diri untuk menyumbang kepada proses pengeluaran yang lebih besar. Oleh itu, untuk meningkatkan keterlibatan wanita dalam aktiviti-aktiviti sosial, persatuan-persatuan mestilah diwujudkan di luar lingkungan rumah tangga.
3. Supra-lokal adalah interaksi yang berlangsung di luar lingkungan kawasan sesuatu komuniti.
4. Menurut Dr. Tan, konsep ini penting untuk menunjukkan bagaimana kumpulan pendatang-pendatang minoriti dan generasi seterusnya telah diubahsuaikan pengamalan tertentu. Ia juga menunjukkan bagaimana kumpulan yang marginal telah dapat menyesuaikan diri kepada keadaan sosio-ekonomi sesuatu masyarakat yang berbilang etnik.
5. Menurut Berry, akulturasi tidak wujud tanpa perhubungan dan ia adalah berkesan apabila sesuatu masyarakat mengambil alih matlamat masyarakat yang satu lagi (melalui penyerangan) atau mengambil alih kemahiran ataupun kepercayaan (melalui pendidikan atau agama) melalui satu jangka masa yang panjang (melalui penempatan).

BAB II

PERKAMPUNGAN PORTUGIS: SEJARAH PERKEMBANGAN DAN MASA KINI

2.1 ASAL-USUL PERKAMPUNGAN PORTUGIS

Menurut catatan sejarah, Melaka dijatuhkan ke dalam tangan Portugal pada tahun 1511. Pada masa itu, oleh kerana kaum Portugis ini datang sebagai bujang, maka mereka berkahwin dengan kaum wanita tempatan. Dalam tahun yang sama, terdapat sejumlah dua-belas perkahwinan campur di antara orang-orang Portugal dengan kaum wanita Melayu dan Jawa (Bernard Sta Maria 1979c : 1). Selepas itu, bilangan ini bertambah dan anak-anak yang dilahirkan itu dikenali sebagai Mesticos atau Topazese.

Kaum Portugis merujuk kepada istilah Mesticos sebagai semua hasil perkahwinan campur di antara kaum Portugis dengan kaum asal sesuatu tempat. Topazese pula merupakan istilah yang khusus bagi merujuk kepada kelahiran anak-anak hasil daripada perkahwinan campur antara seorang Portugis dengan kaum tempatan Melaka. Ini bermakna bahawa semua Mesticos di Melaka adalah dikenali sebagai Topazese (Bernard Sta Maria: 1982, 23-24). Orang-orang tempatan seperti orang Jawa dan kaum Melayu yang mengahwini orang-orang Portugis ini seterusnya memeluk agama Kristian dan diberikan nama-nama Portugis. Maka secara semulajadinya, perkahwinan campur yang wujud dengan orang-orang Mesticos atau Topazese selepas itu telah disepadukan ke dalam kebudayaan Portugis sehingga ke hari ini.

Kawasan Perkampungan Portugis ini pada asalnya adalah dipunyai oleh kaum Melayu semasa penjajahan Belanda. Pada masa itu, kebanyakan daripada keturunan Portugis yang ditinggalkan di Melaka adalah kaum nelayan di tempat-tempat seperti Bandar Hilir dan Tranquerah. Dalam tahun 1930an, dalam usaha memenuhi permintaan kaum tersebut, maka pihak British telah mewujudkan konsep pembentukan satu perkampungan bagi komuniti keturunan Portugis ini. (Pintado 1974a : 36-37)

Dalam dekad yang sama, seorang misi Belanda, Rev. Father Jules Pierre Francois dan seorang lagi misi Portugal bernama Rev. Father Alvado Martin Coroado telah mendapat bantuan Encik Reginald Crichton dari British Resident Commission of Melaka, untuk membeli sebidang tanah pegangan bebas seluas dua-puluh enam ekar di Ujong Pasir dengan harga tiga-puluh ribu ringgit dan diberi nombor lot 248 (George Bosco Lazaroo). Keadaan tanah pada masa itu adalah lumpur tetapi kemudiannya telah dibina sebuah tembok batu setinggi enam-belas ribu kaki untuk mengelakkan hakisan laut yang selanjutnya. Hanya dalam 1935, sepuluh unit keluarga mula berpindah masuk ke tempat ini dengan pembinaan rumah-rumah atap dan bekalan air serta elektrik yang kurang lengkap (Rachel Sta Maria: 1979).

Dalam 1938, bilangan migrasi daripada Bandar Hilir, Tranquerah dan Kubu bertambah ke dalam kawasan ini yang diberi nama "Padre Sa Chao" dalam bahasa Portugis iaitu "tanah bapa" (Rachel Sta Maria: 1979). Selepas Perang Dunia Kedua, iaitu pada pertengahan tahun 1940an, keadaan rumah dan kemudahan asas bertambah

baik akibat daripada usaha-usaha segolongan sukarelawan untuk memenuhi kehendak-kehendak baru bagi rumah dan tanah mereka (Rachel Sta Maria: 1979).

Dengan bertambahnya bilangan penduduk-penduduk, maka sebuah sekolah telah diminta oleh komuniti tersebut. Permohonan ini kemudiannya telah dipenuhi oleh Cannossian Sisters dari Belanda dalam tahun 1949 dan sebuah tanah seluas dua ekar daripada kawasan yang dibeli itu telah dibahagikan dan diberi status pegangan sembilan-puluh sembilan tahun. Ini adalah kerana Cannoissian Sisters adalah suatu institusi asing dan tidak dibenarkan memiliki tanah pegangan bebas (Rachel Sta Maria: 1979). Akibatnya, Perkampungan Portugis telah dibahagikan kepada dua lot yang berbeza, iaitu lot 287 bagi kawasan sekolah dan lot 288 sebagai kawasan perumahan Perkampungan Portugis (Rachel Sta Maria: 1979). Walaupun bagaimanapun, oleh kerana wujudnya kontradiksi dalam status-status tanah di dalam satu kawasan yang kecil, maka Pejabat Daerah telah menarik balik status pegangan bebas Perkampungan Portugis dan menuarkannya kepada Crown land dengan nombor lot 248 (Rachel Sta Maria: 1979).

Pada tahun 1962, hampir lebih daripada satu ekar tanah di Perkampungan Portugis telah diasingkan kepada Institusi St. Francis di bawah pegangan sembilan-puluh-sembilan tahun dengan nombor lot 422. Malangnya, sehingga hari ini, tidak wujudnya apa-apa bentuk pembangunan yang telah dilakukan ke atasnya (Rachel Sta Maria: 1979). Dalam tahun 1980an pula, flet-flet kos rendah telah dibina bersebelahan dengan sempadan kawasan depan

Perkampungan Portugis sebagai usaha menampung populasi Serani Portugis yang kian meningkat. Walau ini adalah menjadi tujuan pada masa itu, namun pada hari ini, satu daripada bloknya telah diduduki oleh kaum Melayu dan blok yang satu lagi telah dikongsi bersama-sama di antara komuniti Serani Portugis dengan kaum Cina dan India.

Daripada diskripsi-diskripsi di atas, maka adalah jelas bagaimana setelah diputuskan hubungan dengan tanahair Portugal, keturunan mereka masih berusaha untuk duduk bersama demi untuk mengekalkan etnisiti mereka melalui pemusatan perhimpunan. Tanpa usaha ini, mereka akan tetap berkeliaran di dalam tanah asing dan kemungkinan besar akan luput dalam pandangan generasi akan datang.

2.2 PERKAMPUNGAN PORTUGIS : MASA KINI

2.2.1 Demografi

Pada hari ini, Perkampungan Portugis mempunyai kira-kira dua ratus unit keluarga yang menduduki lebih daripada seratus dua puluh buah rumah. Oleh kerana purata ahli dalam sesebuah rumah adalah lebih kurang lapan hingga dua belas orang, maka bilangan populasi di Perkampungan Portugis berdasarkan bilangan ahli sesebuah rumah adalah dijangkakan menghampiri seribu dua ratus lebih penduduk.

Bilangan ahli yang ramai dalam sesebuah rumah itu adalah disebabkan oleh struktur keluarga yang berbentuk keluarga besar. Ini bermakna dalam sesebuah keluarga Perkampungan Portugis,

selain daripada ibubapa atau sepasang suami isteri, ia juga melibatkan anak-anak yang masih bujang dan juga anak-anak lelaki yang sudah berkahwin yang kebanyakannya menjemput isteri dan anak-anak untuk berduduk bersama-sama di rumah tersebut. Akibatnya, sesebuah rumah itu biasanya mempunyai tiga hingga lima buah bilik tidur ataupun terdapat sebuah rumah atau bilik kecil yang didirikan berdampingan dengan rumah asal untuk menampung bilangan ahli cucu-cicit yang kian bertambah.

Satu lagi faktor yang mengakibatkan struktur keluarga ini adalah bahawa terdapat kekurangan tanah di sekitar perkampungan tersebut untuk mendirikan rumah baru bagi pasangan suami isteri yang baru berkahwin. Di samping itu, kebanyakan daripada kaum Serani Portugis ini masih mempunyai hubungan kekeluargaan yang amat kuat. Akibatnya, adalah jarang bagi mereka untuk menetap di kawasan yang luar daripada perkampungan mereka melainkan jika mereka bekerja di bandar-bandar lain. Bagi golongan seperti ini, kebanyakan mereka akan samada kembali pada setiap dua minggu secara puratanya ataupun meninggalkan anak-anak mereka di pangkuhan datuk-nenek untuk dijaga. Menurut mereka lagi, kekerapan mereka berpulang ke kampung halaman adalah untuk mendapatkan keselesaan dan menjauhkan diri daripada keterasingan di pusat-pusat bandar di mana mereka bekerja.

2.2.2 Pekerjaan

Daripada dua ratus lebih buah keluarga di dalam perkampungan ini, kira-kira enam-puluh peratus adalah masih merupakan kaum nelayan yang samada kerja sepenuh masa atau sebagai kerja sampingan. Selain itu, kebanyakan daripada pemuda-pemudi lepasan

sekolah telah melibatkan diri dalam kerja-kerja kilang samada di Melaka ataupun di Singapura. Bagi mereka yang berpeluang mencari rezeki di sektor perkilangan Singapura, pendapatan adalah lumayan iaitu antara lapan ratus hingga seribu ringgit termasuk kerja lebih masa. Tambahan pula, nilai matawang Singapura adalah lebih tinggi daripada Malaysia menyebabkan pendapatan kelihatan lebih tinggi di Singapura.¹ Ini adalah kerana mereka yang bekerja di kilang-kilang tempatan, contohnya di Syarikat Siemens, sebuah kilang pelaburan German, gaji hanya sebanyak sembilan ringgit sehari bagi buruh tidak mahir dan juga mereka yang tidak ada pengalaman bekerja.² Bagi kaum wanita pula, yang bekerja sebagai operator hanya mendapat sepuluh ringgit sehari, itu pun jika telah berkhidmat lebih dari setahun.

Mereka yang memegang sijil-sijil diploma dalam kursus-kursus yang berkaitan dengan pekerjaan, maka gaji akan dinaikkan ke antara enam ratus ke sembilan ratus ringgit, ini pun bergantung kepada pengalaman bekerja dan institusi-institusi yang dihadiri.

Selain itu, ada juga di antara remaja lelaki dan perempuan lepasan sekolah yang menduduki jawatan-jawatan seperti kerani ataupun pegawai di dalam bank-bank, ada pula yang bekerja sebagai setiusaha di syarikat-syarikat tertentu, terutamanya selepas mereka mendapat sijil setiausahawanan. Golongan ini kebanyakannya tertumpu di bandar Kuala Lumpur. Bagi mereka yang masih berada di Melaka, selain daripada pekerjaan kilang dan menangkap ikan, lain-lain jawatan adalah seperti di pejabat sektor kerajaan bagi kaum lelaki dan bagi kaum wanita, mereka

samada bekerja sebagai pelayan-pelayan kedai makanan di pusat hiburan Perkampungan Portugis ataupun menguruskan kedai makanan sendiri di dalam perkampungan tersebut.

Di samping itu, oleh kerana kebanyakan mereka amat berminat dalam perhiburan muzik, maka ada di antara yang menjerumuskan diri ke dalam bidang ini, iaitu kaum lelaki sebagai pemain-pemain instrumen seperti saksafon dan kaum wanita sebagai penyanyi. Lazimnya, mereka ini ada kumpulan-kumpulan muzik tersendiri dan mengadakan pertunjukan-pertunjukan di pusat-pusat hiburan seperti kelab-kelab malam, diskو-disko ataupun di hotel-hotel.

2.2.3 Pendapatan

Oleh kerana sebahagian besar daripada penduduk Perkampungan Portugis termasuk dalam golongan generasi pertengahan umur iaitu tiga puluh lima tahun ke atas, maka kira-kira empat puluh peratus masih merupakan penerima pencen. Ini bermakna kebanyakan daripada ibubapa yang tua masih bergantung kepada sumbangan pendapatan keluarga daripada anak-anak mereka, terutamanya mereka yang belum berkahwin ataupun mereka yang meletakkan anak-anak di bawah jagaan ibubapa mereka. Jumlah pencen yang didapati adalah berubah-ubah berdasarkan pekerjaan yang dijawat dahulunya, ia boleh digolongkan secara kasarnya di antara tiga ratus lima-puluhan ringgit ke enam ratus ringgit.

Bagi pekerja-pekerja kilang, mereka yang menduduki jawatan sebagai penyelia menerima pendapatan antara lapan ratus hingga seribu ringgit berdasarkan pangkatnya. Pelayan-pelayan kedai makanan kebanyakannya telahpun berumahtangga dan hanya bekerja

untuk mengisi masa lapang dan memberi sedikit sumbangan kepada ekonomi keluarga. Pendapatan golongan pekerja ini adalah kurang daripada tiga ratus sebulan. Tambahan pula, mereka ini adalah kurang tetap tempoh kerjanya, adakala bekerja hanya beberapa bulan atau selama setahun, kemudiannya akan berhenti beberapa bulan sebelum mereka kembali ke tempat kerja yang sama. Keadaan ini biasanya adalah diakibatkan oleh faktor-faktor seperti mengandung, kurang sihat, menjaga anak dan sebagainya.

Bagi kaum Serani Portugis yang bekerja sebagai pemain instrumen muzik atau penyanyi, gaji adalah berbeza-beza mengikut bilangan pertunjukan tambahan selain daripada kontrak dengan tempat di mana ia mengadakan pertunjukan. Walau bagaimanapun, ia adalah dijangkakan antara tiga ratus hingga lima ratus ringgit. Di samping itu, ada di antara remaja perempuan lepasan sekolah yang berkhidmat sebagai peramugari Sistem Penerbangan Malaysia, maka seperti yang sedia maklum, pendapatan mereka adalah amat memuaskan.

Oleh kerana kebanyakan daripada penerima-penerima gaji tetap adalah rendah pendapatannya, maka bagi mereka yang masih terdaya akan melibatkan diri dalam usaha menangkap ikan sebagai pekerjaan sampingan untuk mendapatkan sedikit tambahan pendapatan.³ Bagi seorang nelayan penuh masa, gaji seharian adalah lebih kurang empat-puluh ringgit, itu pun jikalau mereka berjaya mendapat penangkapan ikan yang segar. Masa yang diambil untuk penangkapan ikan adalah sekurang-kurangnya tiga jam walaupun yang biasanya mereka bermula pada pukul enam pagi dan pulang sebelum tengahari. Pendapatan mereka itu amat dipengaruhi oleh faktor-

faktor keadaan cuaca iaitu seperti arah tiupan angin, ribut atau hujan. Keadaan seperti ini adakalanya menyebabkan mereka hanya sempat bekerja dua atau tiga hari seminggu, terutamanya dalam musim tengkujuh. Tambahan pula, daripada pendapatan yang didapati, mereka terpaksa mengambilkira faktor-faktor seperti sewa sampan atau bot, permit pekerjaan, pembelian jala ikan dan juga kos untuk membaiki jala tersebut.

Di samping itu, kaum nelayan pada masa kini juga menghadapi masalah keadaan lautan yang kian tercemar oleh bahan-bahan kimia dan kekotoran yang menyebabkan kadar kematian ikan yang tinggi. Menurut kaum nelayan Serani Portugis, pendapatan yang diterima seharian adalah hanya cukup untuk mengendalikan makan minum pada hari yang sama. Jikalau mereka bertemu dengan apa-apa halangan, maka terpaksalah menahan kelaparan untuk sehari-dua. Oleh sebab itu, adalah menjadi fenomena yang biasa bagi kanak-kanak untuk mengatakan bahawa mereka tidak makan pada hari tertentu kerana bapa tidak ada wang.

Kaum nelayan juga menghadapi masalah di mana mereka tidak sempat kembali sebelum tengahari, maka kemungkinan besar mereka akan terlepas peluang untuk menjual ikan-ikan melalui orang-orang tengah yang biasanya akan mengunjungi ke perkampungan tersebut pada waktu-waktu tertentu. Akibatnya, kaum nelayan ini terpaksa menjual ikan-ikannya sendiri di mana pasaran adalah jauh dan terhad.

2.2.4 Pendidikan

Dari segi pendidikan pula, oleh kerana kebanyakan keluarga

menghadapi masalah kewangan, maka pencapaian pendidikan adalah sebahagian besarnya bergantung kepada samada mereka mampu untuk meneruskan pelajaran selepas kegagalan dalam peperiksaan ataupun masih berminat untuk belajar. Umpamanya, jika seseorang itu gagal dalam peperiksaan, ditambahkan dengan tingkat kewangan keluarga yang tidak stabil, maka kemungkinan besar seseorang itu akan memilih untuk bekerja ataupun jika keadaan membenarkan, ia akan mengambil kursus-kursus tertentu seperti elektronik. Dalam keadaan seperti ini, maka mereka mungkin akan meminta bantuan kewangan dari pihak-pihak tertentu.⁴ Secara amnya, bagi golongan remaja generasi ini, kebanyakannya sanggup menamatkan pendidikan ke peringkat tingkatan lima walaupun masih ada di antara yang tercicir dalam pelajaran.

Kanak-kanak di Perkampungan Portugis ini kebanyakannya dihantar ke tadika pada umur empat tahun.⁵ Ini adalah kerana selain daripada memberi peluang pendidikan pada umur yang lebih awal, kanak-kanak ini juga dianggap lebih baik begaul dengan kawan-kawan di tadika daripada bermain di depan rumah tanpa dibimbing, terutamanya bila ibu mereka sentiasa sibuk dengan kerja rumah. Peluang menghadiri sekolah bukan sahaja dapat memupuk disiplin di kalangan kanak-kanak, bahkan ia dapat mengisi masa lapang mereka dengan kerja-kerja sekolah.

Bagi golongan generasi yang lebih tua, iaitu lebih daripada umur empat-puluh lima ke atas, pencapaian pendidikan adalah rendah. Kebanyakan daripada kaum wanita Serani Portugis mengakui bahawa mereka hanya menamatkan pelajaran ke peringkat sekolah

rendah. Sebaliknya bagi kaum lelaki, ada yang menamatkan pendidikan sekolah rendah dan ada juga yang meneruskan pendidikan ke peringkat junior cambridge.⁶ Walaupun secara keseluruhannya, pencapaian pendidikan adalah kurang memuaskan, namun terdapat juga beberapa orang daripada komuniti ini yang telah lulus universiti tempatan dan menjawat pekerjaan-pekerjaan seperti di pejabat Kementerian Kerajaan, bahkan ada di antara mereka yang menjadi juruterbang selepas mendapat peluang melanjutkan kursus berkenaan di luar negeri. Oleh itu, adalah kurang adil jika membuat generalisasi bahawa komuniti Perkampungan Portugis adalah rendah taraf pendidikannya kerana yang menjadi masalah adalah kekurangan kesempatan dan peluang yang diperuntukkan kepada mereka akibat masalah kewangan.

2.2.5 Bahasa Pertuturan

Kebanyakan daripada komuniti Serani Portugis di Perkampungan ini masih bertutur dalam bahasa Portugis, iaitu Kristang,⁷ khususnya di kalangan generasi yang lebih tua. Mereka ini samada berkomunikasi sesama diri dalam bahasa tersebut ataupun dengan anak-anak, saudara-mara yang dekat dan jiran tetangga mereka. Golongan pemuda-pemudi atau remaja-remaja lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris antara satu sama lain, walaupun adakalanya, mereka akan menyebut sepatah dua dalam bahasa Portugis, terutamanya bila hendak mengejek atau bergurau-senda.

Keadaan ini juga sama di kalangan adik beradik yang telah beberapa lama bekerja di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Singapura. Ini adalah kerana wujudnya sosialisasi di peringkat supra lokal di kalangan remaja-remaja dan pemuda-pemudi, terutama-

manya apabila di sekolah atau di tempat kerja. Walau bagaimanapun, apabila mereka berhubung dengan ahli-ahli keluarga, khususnya dengan ibubapa atau datuk-nenek, kebanyakan masih secara semulajadinya bertutur dalam bahasa Portugis.

Bagi kanak-kanak pula, oleh kerana mereka telah didedahkan kepada alam persekolahan pada umur yang begitu awal, maka kebanyakannya bertutur dalam bahasa Inggeris dengan kawan-kawan dan jiran tetangga walaupun mereka ini juga fasih dalam pertuturan bahasa Portugis akibat sosialisasi daripada datuk dan nenek.

Secara tradisinya, bahasa Portugis masih merupakan bahasa utama dalam pertuturan sehari-hari di dalam Perkampungan Portugis ataupun di antara dua orang Serani Portugis yang tua yang bertemu di luar perkampungan itu. Mereka yang duduk dan bekerja di tempat-tempat lain telah kian kehilangan amalan ini akibat perbezaan pergaulan di tempat asing. Oleh yang demikian, jika seseorang bayi Serani Portugis itu dilahir dan dibesarkan di luar perkampungan ini tanpa dijaga atau dipengaruhi oleh budaya yang dipegang oleh datuk-neneknya, maka kemungkinan besar bayi tersebut akan membesar di bawah pengaruh yang lebih "Inggeris" dan mungkin juga kehilangan budaya tradisinya.

2.2.6 Pengamalan Agama

Walaupun pengamalan pertuturan bahasa Portugis itu menjadi kian kabur, namun kaum Serani Portugis masih amat ketara dalam budaya keagamaan mereka. Agama Roman Catholic kini masih menjadi pegangan agama utama keturunan kaum Portugis meskipun mereka

telah banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur akulturasi oleh golongan-golongan etnik yang lebih kuat. Mereka masih kuat beriman dan mengunjungi ke gereja tiap-tiap penghujung minggu untuk bersembahyang tanpa mengira samada mereka itu tua, muda, sibuk atau keletihan. Walau bagaimanapun, oleh kerana mereka adalah dilahir dan dibaptiskan ke dalam agama Kristian, maka ada di antara mereka yang bersembahyang dan menghadiri gereja tanpa meninsafi dengan dalam makna yang sebenarnya. Dengan ini, wujudnya kelas-kelas⁸ yang dijalankan di dalam kawasan perkampungan tersebut untuk menjelaskan dan menyampaikan mesej-mesej keagamaan.

Selain itu, terdapat pengamalan Block Rosery dimana patung pemujaan Mother Mary akan dibawa mengelilingi seluruh Perkampungan Portugis dan disinggah selama tiga hari dalam tiap rumah. Pengamalan ini adalah bukan sahaja bertujuan menggalakkan orang perkampungan bersembahyang di luar gereja, bahkan ia memberi peluang kepada mereka yang sakit tenat supaya dapat bersembahyang di rumah tanpa menghadiri gereja. Selain daripada itu, komuniti Serani Portugis ini juga amat ikhlas dalam menghadiri gereja pada hari-hari pemujaan Tuhan yang tertentu seperti Good Friday, Hari Easter, Ash Wednesday, Palm Sunday⁹ dan sebagainya.

2.2.7 Budaya Perayaan

Perayaan-perayaan masih merupakan satu bentuk budaya yang masih diraikan oleh kaum Serani Portugis, terutamanya Pesta San Pedro yang dijalankan secara berskil besar di dalam perkampungan tersebut. Hampir setiap keluarga akan mengambil bahagian dalam pesta ini, samada membuat kuih-muih, menjual belacan dan cincalok

buatan sendiri, memasak lauk-lauk Portugis, menjual buku-buku agama, menguruskan aktiviti-aktiviti permainan, mengambil bahagian dalam tarian ataupun dalam pertandingan ratu cantik. Dalam masa sebulan sebelum pesta ini, kaum-kaum nelayan akan sibuk dengan persiapan perhiasan dan pembersihan bot-bot mereka untuk pertandingan pada hari ketiga selepas perhimpunan acara sembahyang diadakan di dalam dewan sekolah menengah perkampungan itu. Dalam upacara ini, paderi akan menyemburkan air suci dan mencucuri bot-bot serta melakukan upacara ritual ke atasnya. Ini memberi simbol bahawa kaum nelayan dilindungi dari hujan ribut dan malapetaka semasa menangkap ikan di laut. Pada masa persiapan perayaan inilah akan kedengaran banyak perbualan mengenai pesta yang akan datang dan juga tentang pesta-pesta yang lepas.

Hari Natal juga merupakan satu perayaan yang riang. Pada musim ini, tiap rumah tangga akan dihias dengan kemas, ada pula yang menyala lilin di sekitar kawasan rumah ataupun memasang deretan lampu elektrik yang kecil. Kehadiran di gereja pada waktu sebelum tengah malam ke Hari Natal merupakan satu amalan komuniti perkampungan ini. Mereka ini termasuklah suami-isteri, anak-anak, remaja-remaja, pemuda-pemudi yang akan membanjiri gereja sehingga ke kawasan tempat letak kereta dan pintu luar gereja. Ramai yang berpakaian cantik-cantik belaka, dan bagi mereka yang berada, akan berpakaian mengikut tren yang terkini. Sebelum waktu sembahyang, ada yang berbual-bual dengan kawan atau saudara-mara, ada juga di antara pemuda-pemudi yang mengambil kesempatan ini untuk berkenalan antara satu sama lain.

Perayaan ini merupakan masa kepulangan semua ahli keluarga,

termasuk mereka yang sudah berumahtangga ataupun bekerja di tempat-tempat lain. Hari Natal membawa makna yang besar kepada komuniti ini kerana ia amat berkait dengan agama mereka. Selain itu, mereka bukan sahaja bersalam-salaman di antara satu sama lain, bahkan ia memberi peluang memupuk dan menjalin hubungan-hubungan yang renggang di antara kawan dan saudara-mara yang tinggal di jauh melalui lawatan-lawatan pada musim ini.

Budaya komuniti Perkampungan Portugis yang amat mementingkan hubungan pertalian di antara satu sama lain telah mewujudkan satu bentuk setia kawan dan kerjasama yang kuat, terutamanya semasa menghadapi krisis dan kemalangan ataupun semasa perayaan-perayaan majlis yang tertentu. Sebagai contohnya, bila berlaku kematian dalam sesebuah keluarga, bukan sahaja saudara-mara atau menghulurkan bantuan, bahkan jiran tetangga juga turut secara sukarelanya membantu membuat persiapan-persiapan yang dikehendaki. Sebagai contohnya, semangat bantu-membantu antara satu sama lain adalah begitu kuat sehingga sebaik sahaja mendapat berita tentang kematian seseorang, maka ramai orang akan berkerumun di rumah tersebut untuk menyediakan atau meminjam kerusi, menolong menyiapkan makanan ringan ataupun menolong melayan orang-orang yang datang untuk mengucapkan takziah. Pada hari pengkebumian, jiran-jiran yang memiliki kereta akan membantu menghantar para hadirin ke tempat perkuburan, bahkan persatuan-persatuan seperti St.Vincent de Paul akan menyewa bas bagi tujuan ini.

Sebaliknya, bila terdapat majlis perayaan perkahwinan,

bentuk-bentuk kerjasama yang sama juga diberikan. Pada hari-hari persiapan, bukan sahaja saudara-mara yang dekat sahaja menghulurkan bantuan dan menghadiri majlis yang riang ini, bahkan saudara-saudara yang mempunyai pertalian yang renggang dan tinggal di tempat jauh seperti Pulau Pinang dan Singapura juga turut mengambil bahagian mereka masing-masing. Kadangkala tetamu-tetamu seperti ibubapa kepada kawan anak-anak juga dijemput. Oleh kerana ramainya para hadirin, maka saudara-mara yang duduk di sekitar luar dan dalam Perkampungan Portugis akan secara sukarelanya menawarkan tempat-tempat tinggal di rumah mereka.

Majlis perkahwinan ini mencapai klimaksnya pada waktu-waktu selepas jamuan makanan di mana tetamu semua akan dijemput menari dan berjoget dengan lagu-lagu bercorak moden dan tradisional. Pada masa inilah akan kelihatan kemesraan dan kegembiraan kaum Serani Portugis ini seolah-olahnya mereka telah melupakan segala hal kesibukan yang dialami semasa melakukan persiapan ataupun tentang penderitaan hidup. Biasanya, majlis-majlis perkahwinan seperti ini akan diadakan di dalam sebuah dewan yang disewa dengan diiringi oleh satu kumpulan pemain muzik. Perayaan ini lazimnya dilangsungkan selama dua hari di mana pada hari keduanya, iaitu perayaan Branhyo adalah diwujudkan khas untuk mereka yang telah menghulurkan bantuan bagi persiapan majlis perkahwinan.

2.2.8 Struktur Pentadbiran

Di samping amalan-amalan tradisi ini, komuniti Perkampungan Portugis juga telah meneruskan struktur pentadbiran yang

diamalkan oleh zaman penjajahan Portugal. Mereka telah memilih seorang penghulu yang mewakili kehendak dan kepentingan penduduk-penduduk perkampungan tersebut. Walau bagaimanapun, jawatan ini boleh dilucutkan pada bila-bila masa sekiranya didapati penghulu tersebut adalah kurang memuaskan. Pada mulanya, penghulu itu menjalankan pengurusan pentadbiran dan berhubung dengan pihak kerajaan secara persendirian. Tetapi pada 1975, ia telah diberikan satu jawatankuasa supaya penghususan-penghususan kerja dapat dilakukan oleh ahli-ahli tertentu secara lebih berkesan (Ronald Daus 1989 : 17).

2.2.9 Taraf Hidup

Dengan berlatar-belakangkan keadaan sosio-ekonomi di sekitar Perkampungan Portugis di atas, maka adalah jelas bahawa perkampungan tersebut adalah tidak lebih daripada keadaan sesuatu perkampungan Melayu di luar bandar. Komuniti ini bergantung kepada rezeki sehari-hari, khususnya mereka yang bekerja sebagai kaum nelayan. Yang lain pula akan bersangkut-paut terhadap pendapatan yang hanya secukup-cukupnya bagi kehidupan sebulan.

Bagi mereka yang mempunyai suami atau isteri, ataupun anak-anak yang bekerja di bandar-bandar lain, maka taraf kehidupan kelihatan berubah sedikit ke arah positif. Mereka ini mungkin berupaya memiliki sedikit kemewahan seperti membeli kereta secara ansuran ataupun peralatan dan perkakas rumah melalui sumbangan pendapatan anak-anak. Ada juga yang sanggup membaiki atau memperbaharui keadaan-keadaan rumah yang kurang sempurna. Bagi mereka yang kurang bernasib, maka akan hidup di dalam lingkungan

kemampuan seperti menunggang basikal atau motosikal jika tidak berkereta ataupun menggunakan peralatan tradisional untuk menggantikan perkakas-perkakas elektrik yang moden. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada rumahtangga masa kini mempunyai kelengkapan-kelengkapan asas seperti radio, televisyen, peti sejuk, almari dan sebagainya. Yang lain pula mungkin mempunyai perakam video, piring hitam, mesin pembasuh kain, mesin jahit dan lain-lain.

Dengan wujudnya perbezaan jurang taraf kehidupan yang begitu ketara, keadaan ekonomi di perkampungan ini seolah-olahnya mengalami pengagihan pendapatan yang tidak sempurna. Keadaan ini amat berkait dengan tingkat pendidikan yang dicapai oleh mereka, terutamanya dalam keadaan persaingan yang hebat di sektor pekerjaan hari ini. Mereka yang berjaya menamatkan pendidikan formal dengan kelulusan lima kredit yang kuat sudah tentunya dapat dijamin pekerjaan di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru, walaupun mungkin sebagai seorang kerani sahaja ataupun sebagai pegawai-pegawai. Oleh itu, budaya kemiskinan di perkampungan ini kelihatan banyak diakibatkan oleh keadaan pendidikan yang kurang memuaskan.

Menurut mendiang Bernard Sta Maria, (New Straits Times: 8.10.1979)¹⁰ kegagalan untuk memperbaiki taraf kehidupan komuniti Serani Portugis adalah kerana terdapat kekurangan pemimpin-pemimpin yang bersikap progresif dan matang yang diakibatkan oleh proses migrasi yang berleluasa. Sebagai kesannya, mereka tidak mempunyai alternatif lain melainkan menyediakan diri secara individu atau secara komuniti untuk menghadapi perubahan-peruba-

han persekitaran yang pelbagai. Dalam pada itu, beliau juga menyebut bahawa pemimpin-pemimpin yang berkaliber hanya dapat diwujudkan melalui peningkatan taraf pendidikan komuniti ini. Maka jika kedua-dua faktor kemiskinan dan pendidikan yang sentiasa bergantung di antara satu sama lain itu tidak diselesaikan, Perkampungan Portugis ini akan tetap berada di tahap penderitananya.

2.3 RUMUSAN

Meskipun kaum Serani Portugis telah sekian lama dilanda masalah-masalah seperti tersebut, namun kebanyakannya daripada mereka masih bersikap tenang dan menerima hakikat yang dipaksakan ke atas mereka. Walaupun ada di antara beberapa orang yang menyedari tentang hak-hak asasi, namun mereka kurang diberi peluang untuk mengubah keadaannya. Keadaan ekonomi yang dipaksakan ke atas mereka ditambahkan lagi dengan jumlah pendapatan yang tidak mencukupi untuk mewujudkan tabungan telah menimbulkan keadaan "sara diri"¹¹ bagi setiap generasi. Walau bagaimanapun, kini timbulnya kesedaran tentang keberatan beban jika sesebuah keluarga itu mempunyai bilangan anak yang terlalu ramai. Oleh yang demikian, didapati kebanyakannya rumahtangga generasi ini mempunyai bilangan anak yang kurang daripada lima orang demi untuk mengurangkan kos kehidupan.

Menurut komuniti ini, Perkampungan Portugis adalah kini dianggap tanahair mereka. Walaupun adakalanya mereka berduduk di rumah anak-anak di tempat lain dengan keperluan-keperluan yang

serba lengkap, namun mereka masih merindui kampung halaman perkampungan tersebut. Tempat inilah di mana mereka berasa selesa dan selamat sebab wujudnya perasaan intimasi di kalangan etnik-etnik yang sama, bahkan keadaan inilah yang memberikan sepenuh kebebasan pergerakan dan pertuturan di antara satu sama lain.

NOTAKAKI

1. Walaupun terdapat perbezaan gaji yang besar di antara pekerjaan di Singapura dan tempatan, namun mestilah mengambilkira faktor taraf hidup di Singapura. Pekerja-pekerja juga diperlukan membayar permit pekerjaan, cukai pendapatan yang tinggi, sewa tempat tinggal dan sebagainya.
2. Tenaga buruh yang murah di Melaka adalah kerana pelabur-pelabur asing mengaut keuntungan melalui pembayaran gaji yang rendah kepada buruh-buruh tidak mahir. Mereka telah menjimat beribu-ribu juta ringgit dengan mengambil masuk pekerja-pekerja untuk mengendalikan kerja pengeluaran.
3. Mereka yang masih terdaya untuk menangkap ikan sebagai pekerjaan sampingan adalah terhad kepada kaum lelaki Serani Portugis sahaja. Bagi kaum wanita, mereka lebih dikehendaki untuk menjaga rumahtangga pada masa lapang walaupun mungkin mempunyai pekerjaan di luar.
4. Bantuan-bantuan kewangan diberikan oleh pihak-pihak seperti Persatuan St. Vincent de Paul ataupun daripada tabungan-tabungan pendidikan dari sekolah Katolik di Perkampungan Portugis itu. Selain daripada bantuan kewangan, Cannossian Sisters dari sekolah Katolik tersebut juga membantu memberi nasihat tentang institusi-institusi yang baik untuk kursus diploma.
5. Keadaan ini biasanya dilakukan oleh keluarga-keluarga yang agak stabil dari segi kewangan kerana mereka mesti memastikan bahawa akan dapat bayar lapan ringgit sebulan secara berterusannya sebagai kos makan minum yang dibekalkan oleh tadika kepada anak-anak muridnya.
6. Pada zaman 1940-an, semasa Malaysia masih di bawah jajahan British, Junior Cambridge adalah sama dengan taraf tingkatan empat pada zaman ini. Senior Cambridge pula adalah bersamaan dengan peringkat tingkatan lima.
7. Dalam bahasa Portugal, ejaan yang betul bagi Kristang adalah Cristao.
8. Kelas-kelas Catechism dijalankan oleh Persatuan Legend of Mary bagi penuntut-penuntut sekolah menengah dan rendah. Bagi golongan yang lebih tua, ada sessi-sessi yang mengajar keagamaan seperti kumpulan Charismatic dan kumpulan Christian Mothers.
9. Pada hari Ash Wednesday, ahli-ahli Katolik akan ditanda dengan ash untuk memperingati keasalan mereka iaitu daripada ash. Palm Sunday merupakan hari untuk blessing of the Palms. Ia adalah hari Ahad sebelum hari Ahad Easter. Oleh

itu, hari-hari di antara Palm Sunday dan Easter Sunday adalah merupakan holy week. Contohnya, hari Khamis dalam minggu ini disebut Holy Thursday, hari Jumaat merupakan Good Friday dan sebagainya.

10. Bernard Sta Maria adalah seorang pemimpin komuniti Serani Portugis yang unggul. Beliau telah menulis buku mengenai komuniti ini yang bertajuk My People My Country (1982).
11. Konsep sara diri di sini merujuk kepada keadaan di mana tiap generasi hanya bergantung kepada rezeki yang dicipta oleh diri sendiri. Mereka tidak mempunyai kelebihan daripada generasi lalu dan juga tidak mampu mewujudkan lebihan tabungan bagi generasi akan datang.

BAB III

PERANAN WANITA DALAM AKTIVITI-AKTIVITI DOMESTIK DAN EKONOMI

3.1 PENGENALAN

Secara amnya, kaum wanita Serani Portugis memainkan peranan yang penting sebagai tulang belakang bagi pengekalan sesebuah sistem kekeluargaan di dalam Perkampungan Portugis. Sebagai suri-rumahtangga, kaum wanita bukan sahaja menyiapkan kerja-kerja yang sewajarnya dalam membekalkan kehidupan yang selesa, bahkan mereka telah melibatkan aktiviti-aktiviti ekonomi sebagai salah satu perkembangan baru di dalam komuniti ini.

Aktiviti-aktiviti domestik mempunyai perkaitan yang rapat dengan aktiviti ekonomi kerana kegiatan ekonomi yang diceburi oleh kaum wanita di Perkampungan Portugis memerlukan kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh seseorang surirumah. Dalam memperlihatkan hubungan korelasi yang kuat di antara kedua-dua faktor domestik dan ekonomi, maka adalah wajarnya untuk memperihalkan bagaimana wanita Serani Portugis dalam zaman ini telah mengambil alih sebahagian daripada kerja domain kaum lelaki bagi mengukuhkan imej mereka yang sekian lama hanya dianggap suri-rumah yang tidak produktif. Ini adalah kerana walaupun kaum wanita Serani Portugis telah mula bergiat dalam pelbagai aktiviti-aktiviti, namun sebahagian besar daripada mereka masih bergantung kepada suami ataupun ayah, samada dari segi kewangan ataupun emosi.

Sebenarnya, hubungan yang kuat di antara faktor domestik dan faktor ekonomi memberi makna bahawa sebahagian besar daripada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh kaum wanita Serani Portugis adalah juga dianggap aktiviti-aktiviti domestik. Ini adalah kerana kebanyakannya masanya, aktiviti-aktiviti ekonomi dilakukan di dalam rumah ataupun di persekitaran kampung. Keadaan inilah yang secara tidak langsungnya telah memberi suatu impresi bahawa aktiviti ekonomi adalah tidak banyak bezanya dengan aktiviti domestik. Oleh itu, secara amnya, boleh dikatakan bahawa kaum wanita Serani Portugis sesungguhnya adalah masih amat berdedikasi terhadap kerja-kerja rumahtangga sebagai peranan primer, namun keadaan ini mungkin berubah terutamanya jika mereka tidak ada kanak-kanak kecil untuk dijaga ataupun tidak memelihara orang tua yang sakit, kerana keadaan inilah yang memungkinkan mereka bergiat di dalam aktiviti-aktiviti lain.

3.2 AKTIVITI-AKTIVITI DOMESTIK SEBAGAI DOMAIN KAUM WANITA

Penglibatan kaum wanita Serani Portugis ke dalam kerja-kerja domestik adalah sebenarnya hasil daripada pengamalan satu corak budaya secara turun-temurun. Sehingga kini, sebahagian besar daripada kaum wanita ini mengatakan bahawa suami mereka lebih menginginkan mereka menjaga anak dan keselesaan rumah daripada membenarkan isteri bekerja di luar walaupun mungkin pendapatan rumahtangga hanya setakat menutupi had perbelanjaan sebulan.

Menurut Elizabeth Jelin (1984 : 243) dalam kajiannya mengenai kaum wanita di Greater Buenos Aires, kerja-kerja alternatif dan tanggungjawab kaum wanita adalah distruktur berdasarkan

transisi hidup dan juga kedudukannya dalam sesebuah keluarga kerana kehidupan mereka sebahagian besarnya ditumpukan ke dalam konteks keluarga dan unit rumahtangga. Oleh itu, adalah wajar supaya kerja-kerja wanita dibincangkan dengan membezakan di antara ahli-ahli seperti anak perempuan, ibu muda, ibu tua, anak menantu perempuan dan sebagainya. Dalam konteks Perkampungan Portugis, pengkhususan kerja seperti ini juga wujud di kalangan kaum wanita Serani Portugis tetapi ianya adalah kurang jelas kerana kebanyakannya daripada mereka masing-masingnya mengongsi kerja di antara satu sama lain. Pekerjaan-pekerjaan domestik ini telah mengakibatkan sebahagian besar kaum wanita terpaksa menempatkan diri di dalam rumah. Oleh itu, pada waktu sebelah pagi, adalah jarang untuk melihat mereka berborak-borak dengan jiran tetangga. Yang hanya kedengaran dan kelihatan adalah suara dan bunyi kekacauan yang ditimbulkan oleh kanak-kanak yang bermain di depan rumah ataupun di sepanjang lorong-lorong kecil perkampungan tersebut.

Kaum wanita Serani Portugis amat bangga dengan kemahiran mereka dalam masak-memasak. Lauk utama yang dipakari oleh hampir semua suri-rumahtangga adalah disebut curry devil iaitu sejenis kari ayam berasa limau. Saya mesih teringatkan satu peristiwa di mana salah sebuah keluarga nelayan yang miskin menawar untuk memasak curry devil untuk saya tetapi saya terpaksalah membeli ayam bagi masakan tersebut. Oleh kerana wujudnya perbezaan dari segi kemahiran dalam setiap rumahtangga, maka wujudnya sedikit kelainan dari segi rasa walaupun rasa pedas dan masamnya tetap

ada. Lauk-pauk lain yang menjadi idaman saya dan juga ramai di antara kaum tetangga Perkampungan Portugis adalah seperti sebak dan Pie Soup¹ yang menjadikan saya tidak tersabar-sabar hendak bermakan malam bersama mereka, terutamanya pada ketiga-tiga perayaan Hari Natal yang lalu di mana lauk-pauk ini seolah-olah menjadi satu syarat bagi hidangan perayaan tersebut.

Kebanyakan dari lauk-pauk Portugis adalah pedas dan berkari. Oleh itu, ia memerlukan persiapan yang pelbagai. Dengan ini, kaum suri-rumahtangga banyak menghabiskan masa di dalam dapur kerana bukan sahaja terpaksa membuat hidangan biasa, bahkan terpaksa memasak makanan yang tidak pedas bagi anak-anak yang kecil. Oleh itu, sambil menunggu masakan kari di dalam kuali, mereka adakalanya akan berehat dan berbual-bual ataupun melakukan kerja-kerja lain seperti mencuci kain, merendam atau menjemur pakaian supaya mereka mempunyai lebih masa pada waktu petang. Bagi mereka yang memiliki mesin pembasuh kain, maka kerja menjadi lebih ringan dan senang.

Sebenarnya, keadaan yang lazimnya berlaku dalam sesebuah keluarga adalah di mana sarapan pagi dibeli dari penjual atau penjaja mee di simpang lorong depan ataupun dari kedai-kedai makanan dalam perkampungan tersebut. Suri-rumahtangga biasanya akan menyediakan teh-panas dalam satu cerek besar bagi sarapan pagi atau bagi minuman waktu-waktu rehat yang seterusnya. Makan tengahari biasanya adalah pukul dua atau tiga petang. Ini adalah kerana biasanya suri-rumahtangga hanya mula menyediakan masakan pada kira-kira pukul sebelas pagi dan selesai dua jam selepas

itu. Kuantiti yang dimasak adalah besar kerana ia bukan hanya memasak bagi makan tengahari, bahkan ia juga disimpan untuk hidangan malam yang biasanya adalah pada pukul lapan atau sembilan malam, iaitu semasa menonton acara-acara televisyen.

Selain dari memasak, kaum wanita juga amat gemar membuat kuih-muih. Bila sahaja mereka ada masa lapanagan dan jika dikira telah lama tidak membuat kuih-muih yang digemari, maka mereka akan memulakan persiapan-persiapan untuk tujuan ini. Biasanya kuih-muih yang digemari adalah seperti curry puff, agar-agar, pine-apple tart ataupun kek-kek coklat. Selain dari suri-rumahtangga, kaum anak dara yang tidak bekerja juga turut terlibat dalam kerja-kerja ini. Adakalanya mereka lah yang melakukannya seorang diri. Di samping itu, jika sesebuah keluarga itu mempunyai bilangan kanak-kanak yang ramai, maka suri-rumah mungkin akan membuat ais-krim ataupun air-batu-campur yang merupakan kegemaran sebahagian besar kanak-kanak secara umumnya. Mereka ini lebih gemar membuat kuih-muih sendiri daripada membeli dari kedai sebab mereka berasa kuih yang dibuat sendiri adalah lebih sedap dan berisi.

Selain daripada kerja-kerja masak-memasak, kaum wanita juga sibuk dengan kerja penjagaan anak, samada sebagai ibu, nenek ataupun mereka yang menjaga anak kakak dan abang. Walaupun mereka sentiasa terjerumus ke dalam kerja-kerja rumah, namun mereka juga sering teringatkan anak-anak kecil ataupun cucu-cicit yang terjerit-jerit di depan rumah sambil bermain dengan jiran tetangga. Kadang-kadang, apabila berlaku pergaduhan di kalangan kanak-kanak ini ataupun salah satu daripada mereka mula menangis,

maka kaum wanita ini terpaksa pula memberhentikan kerja mereka untuk menguruskan hal tersebut.

Bagi mereka yang mempunyai anak-anak kecil di rumah iaitu samada cucu ataupun bayi yang baru dilahirkan, maka kerja menjadi bertambah rumit. Ini adalah kerana mereka bukan sahaja terpaksa meniduri bayi untuk memudahkan kerja-kerja harian yang seterusnya, bahkan mereka terpaksa mencuci, menjemur dan melipat kain lampin. Semua kerja-kerja ini mengambil masa yang panjang, terutamanya jika hanya terdapat seorang sahaja suri-rumahtangga di dalam sesebuah rumah. Tetapi bagi mereka yang duduk dengan ibubapa mertua, maka kerja-kerja diringankan pula. Inilah menjadi sebab utama kebanyakan anak-anak yang bekerja di tempat lain akan menjemput ibubapa untuk berduduk di rumah mereka sebaik sahaja mereka melahirkan anak.

Ada juga di antara ibu-ibu yang baru melahirkan anak akan terus menjawat balik pekerjaan terdahulunya, maka mereka akan meletakkan bayi di bawah jagaan ibubapa mertua ataupun ibubapa sendiri. Ini pula akan menambahkan kerja rumah ibubapa mertua atau ibubapa sendiri melainkan jika adanya anak-anak perempuan yang tidak bekerja yang dapat menolong menguruskan kerja-kerja rumah.² Dalam banyak keadaan, apabila ibu kian tua, anak sulung akan tololng menyiapkan kerja atau menjaga adik-adik yang lebih kecil.

Apabila anak lelaki berkahwin, maka anak ipar yang tidak bekerja biasanya akan mengambil alih tanggungjawab di rumah dan walaupun ibu mertua masih berkuasa dalam hal-hal rumahtangga,

tetapi ia telah tidak memainkan peranan yang aktif. Walau bagaimanapun, ada di kalangan anak ipar dan ibu mertua yang mengongsi kerja di antara satu sama lain tetapi keadaan seperti ini adalah terhad sahaja.

Kanak-kanak di dalam perkampungan ini jarang dipukul oleh ibubapa atau datuk nenek melainkan jika mereka bersikap keterlaluan. Oleh kerana jarak antara sesebuah rumah dengan yang lain adalah tidak jauh, maka biasanya hanya kedengaran ibubapa atau datuk nenek menengking dan memarahi kanak-kanak sekali-sekala hanya apabila mereka bersikap degil selepas beberapa kali menentang amaran yang diberikan.

Kaum wanita Serani Portugis juga amat minat dalam kerja jahit-menjahit, terutamanya baju untuk anak-anak mereka ataupun menjahit kain-kain langsir. Kebanyakan rumah kampung di sini adalah mirip dengan kampung Melayu di mana langsir digunakan untuk menutupi bilik tidur ataupun sebagai langsir-langsir tingkap. Bagi wanita yang lebih muda, maka kerja ini adalah sebagai satu kegemaran dan juga untuk memperhiaskan rumah. Adakalanya, mereka sanggup menjahit kain-kain pembalut sofa ataupun kain bantal dan kain tilam. Bagi golongan wanita yang lebih tua pula, maka mereka terpaksa membeli kain dan bergantung kepada upahan orang jahit ataupun meminta bantuan saudara-mara untuk menyiapkan kerja-kerja ini.

Selain itu, kerja-kerja mengait juga amat popular di kalangan suri-rumahtangga, terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai mesin jahit. Kain-kain yang dikait adalah untuk

menghiasi peralatan rumah seperti menutupi almari, diletakkan di bahagian atas sofa, sebagai penutup televisyen, radio dan juga meja-meja di bilik tetamu. Hal adalah sedemikian kerana kaum Serani Portugis ini amat suka mempunyai kain langsir dan kain penutup meja dan peralatan rumah yang berwarna sama. Oleh itu, kadangkalanya, sesebuah keluarga mempunyai lebih daripada lima set kain langsir dan "kusher" yang sesuai di antara satu sama lain.

Kebanyakan daripada bilik tetamu rumah-rumah perkampungan tersebut adalah dihias dan dijaga dengan bersih. Ini adalah kerana kaum wanita sentiasa menyapu kawasan depan rumah dan bilik tetamu. Menurut mereka, ini dibuat untuk mengelakkan keseganan jika sekiranya tetamu-tetamu datang melawat secara tiba-tiba. Walau bagaimanapun, dalam salah sebuah rumahtangga yang kerap saya kunjungi, mereka yang biasa datang melawat adalah saudara-mara yang biasanya masuk ke rumah melalui pintu tepi di mana makcik itu menyiapkan bahan-bahan masakannya di atas meja makan. Maka sambil memasak, mereka akan berbual-bual di situ yang mana biasanya ada tempat-tempat duduk yang sesuai.

Lazimnya hanya saudara-mara atau jiran-jiran yang dekat akan masuk melalui pintu tepi. Bagi kawan-kawan biasa, mereka hanya akan dijemput masuk melalui pintu depan dan berbual-bual di bahagian bilik tetamu sahaja. Ini adalah kerana secara amnya, bahagian bilik tempat makan dan tempat rehat biasanya adalah kelam-kabut sedikit kerana inilah tempat di mana wanita menghabiskan kebanyakan masanya, samada berehat, menjahit, bermain-main

dengan anak ataupun menjaga bayi. Biasanya, ini juga adalah tempat di mana saudara-mara atau jiran tetangga akan datang sekali-sekala pada penghujung minggu untuk bermain kad-kad judi,⁴ yang biasa bermula pada pukul dua atau tiga petang sehingga pukul lima atau enam petang.

Bahagian bilik tetamu adalah sunyi sahaja pada sebelah pagi melainkan jika muzik-muzik daripada radio atau piring hitam dimainkan. Walau bagaimanapun, bilik tetamu ini menjadi sibuk menjelang hari petang kerana pada waktu ini, kaum wanita telahpun menyelesaikan segala kerja-kerja rumah yang sewajarnya. Oleh itu, mereka akan duduk di bilik tetamu untuk berehat ataupun mengajak jiran untuk berbual-bual.

Salah satu daripada sikap yang biasa diperlihatkan bagi kaum wanita adalah suka berbual-bual tentang hal orang lain iaitu gossip. Perkara ini tidak bezanya dalam Perkampungan Portugis, terutamanya di kalangan suri-suri rumahtangga. Tiap kali perbualan dimulakan, maka mereka mesti melibatkan hal orang lain dan bukannya hal atau masalah sendiri. Cerita-cerita ini ada yang melucukan, menyedihkan ataupun yang menimbulkan kemarahan. Lazimnya, topik-topik utama yang diperbualkan adalah berkait dengan masalah perkahwinan orang lain, masalah rumahtangga orang lain seperti sikap keburukan dan kekasaran anak terhadap ibubapa, ataupun sebaliknya sikap ibubapa yang kurang adil terhadap layanan anak-anaknya.

Percakapan tentang jiran tetangga juga diadakan, contohnya jiran mana yang bersikap sompong, yang sentiasa mabuk, yang

sering mengeluarkan kata-kata kasar, yang menjadi bapa ayam dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga percakapan-percakapan tentang hubungan antara lelaki-perempuan, hal ini terutamanya akan melibatkan topik seperti siapakah telah mengugurkan anak kandungnya, pasangan manakah yang tidak secocok ataupun gadis manakah yang mengandung sebelum melangsungkan perkahwinan. Hal ini adalah sedemikian kerana jiran tetangga berduduk begitu dekat di antara satu sama lain sehingga apa yang berlaku pada satu penghujung rumah akan diketahui oleh penghujung rumahtangga yang lain.

3.2.1 Autonomi Dalam Hal Rumahtangga

Sebagai suri-rumah, kaum wanita Serani Portugis juga menikmati autonomi yang relatif terhadap kaum lelaki dalam hal pembuatan keputusan. Walaupun mereka kelihatan sebagai bergantung kepada kaum lelaki, namun bagi seseorang suri-rumah yang telah berusia, kata-kata pemutusnya terhadap hal-hal kekeluargaan adalah dipandang berat. Sebenarnya, kaum wanita yang berautonomi ini tidaklah memaksakan apa-apa keputusan muktamadnya ke atas ahli keluarga yang lain. Yang berlakunya adalah bahawa seringnya anak-anaklah yang akan mencari nasihat dari ibu berkait dengan hal-hal seperti kesakitan, persiapan untuk perkahwinan, kelahiran anak, hubungan antara adik-beradik dan sebagainya.⁵

Biasanya, nasihat-nasihat ini akan diikuti ataupun jika tidak, maka akan mencari alternatif-alternatif yang lain yang menyesuai kepada kedua-dua pihak. Sebagai contohnya, saya telah

menyaksikan masalah yang timbul di antara seorang ibu dan anak perempuannya yang sedang melakukan persiapan perkahwinan dirinya. Si ibu tersebut menginginkan jamuan makan malam diadakan secara buffet mengikut adat tradisional manakala si anak perempuan pula menginginkan jamuan dilangsungkan di mana adanya pelayan-pelayan untuk menghidangkan lauk-pauk di atas meja. Ini adalah kerana anak perempuan dan bakal suaminya tidak ingin berlakunya sebarang keadaan yang berebut-rebut semasa jamuan makan diishtiharkan. Akhirnya, selepas beberapa lama berbincang, maka anak perempuan pun bertolak-ansur dan membuat keputusan untuk mengikuti nasihat ibu tetapi dengan syarat mewujudkan empat buah meja buffet sebagai menggantikan sebuah sahaja pada kebiasaannya. Keadaan ini adalah difikirkan wajib supaya para tetamu tidak akan berebut-rebut ke arah satu meja buffet sahaja.

Selain daripada ini, seorang ibu sebagai suri-rumah juga menikmati autonomi dalam menjemput semua ahli keluarga untuk balik ke kampung semasa berlakunya apa-apa krisis kekeluargaan. Umpamanya, saya teringatkan satu peristiwa di mana seorang wanita tua menjatuh sakit dan menjadi tenat, maka ia tersebut-sebut akan nama-nama cucu-cucunya yang mana ada yang telah berkahwin dan ada yang sedang bekerja tetapi semuanya berada di bandar-bandar lain. Maka ibu mereka pun menyeru supaya anak-anak ini pulang untuk sehari-dua demi untuk berada di sisi nenek mereka jikalau lah apa-panya berlaku. Maka dengan segeranya, anak-anak yang seramai lapan orang itu semuanya pulang kembali, tidak kira yang bekerja di Kuala Lumpur, di Singapura, Genting Highland ataupun Johor Baharu, ataupun yang terpaksa memohon cuti pekerjaan.

Di samping itu, kaum wanita juga menikmati separuh autonomi dalam pembuatan keputusan bersama dengan suaminya. Contohnya, jika apa-apa pembaharuan ingin dilakukan ke atas rumah, maka suami akan berbincang dengan isterinya. Selain itu, pasangan suami-isteri juga membuat keputusan bersama tentang perbelanjaan rumahtangga untuk makanan, pembelian barang keperluan ataupun pembelian aset seperti kereta, almari besar dan sebagainya. Contohnya, semasa kajian saya, salah sebuah rumahtangga telah berjaya dalam perjudian empat ekor nombor. Maka wang tunai yang berjumlah sepuluh ribu itu telah diagihkan secara betul selepas perbincangan di antara suami-isteri tersebut. Akibatnya, wang itu telah digunakan sebahagiannya untuk memperbaiki keadaan rumah yang kian buruk dengan tambahan pembinaan tembok-tebok batu bagi menggantikan pagar papan terdahulunya yang separuh runtuh. Wang yang selebihnya telah dibahagikan di antara pembayaran pendahuluan bagi pembelian sebuah kereta terpakai dan juga simpanan bagi wawasan masa depan.

Kaum wanita Serani Portugis di Perkampungan Portugis adalah bukan bertaraf rendah atau mundur. Mereka mempunyai peranannya yang tersendiri, terutamanya dalam hal-hal rumahtangga, samada keluarga sendiri, keluarga anak-anak yang telah berkahwin ataupun keluarga saudara mara. Ini tidak bermakna bahawa mereka suka bercampur-tangan dalam hal rumahtangga orang lain kerana ada juga yang hanya menghulurkan bantuan apabila diminta. Dalam perkampungan ini, boleh dikatakan bahawa kebanyakan kaum wanita, tidak kira anak dara, yang telah bersuami atau beranak, ataupun mereka yang telah berusia, semuanya mempunyai pendirian sendiri dan

berupaya membuat perhitungan dan pertimbangan yang sewajarnya. Oleh itu, adalah tidak adil jika memandang rendah kepada kemampuan mereka kerana perbincangan tentang autonomi dan peranan kaum wanita Serani Portugis dalam bahagian ini hanya merupakan permulaan kepada apa yang dicapai oleh mereka pada masa kini.

3.3 PERANAN WANITA DALAM AKTIVITI EKONOMI

Sebenarnya, aktiviti-aktiviti ekonomi bukanlah satu bidang yang baru dalam kehidupan kaum wanita Serani Portugis di Perkampungan Portugis. Yang menjadikan aktiviti-aktiviti ini penting adalah kerana wujudnya pelbagai kumpulan yang telah berusaha untuk meningkatkan taraf wanita dengan mentransformasikan kegiatan-kegiatan ekonomi kepada satu bentuk aktiviti komersial. Dengan demikian, secara khususnya, kegiatan ekonomi ini dibahagi kepada dua jenis, iaitu aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilangsungkan sejak dahulu kala dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi yang baru dijelmakan melalui pembentukan kumpulan-kumpulan tertentu. Kegiatan-kegiatan ekonomi ini telah diberikan ciri-ciri komersial kerana ia melibatkan pembayaran gaji terhadap tenaga buruh yang dibekalkan. Ini bermakna bahawa kaum wanita Serani Portugis kini menerima pendapatan sebagai individu dan juga menyumbang kepada kewangan sesebuah keluarga.

Menurut Elizabeth Jelin (1984 : 241) lagi, secara amnya, kerja-kerja yang dijawat oleh kaum wanita adalah dilihat olehnya dan oleh ahli-ahli keluarganya sebagai suatu langkah untuk memperolehi sumber-sumber yang berlebihan untuk memperbaiki kebajikan

domestik. Kerja-kerja bukan domestik hanya dijadikan prioriti utama apabila ia membekalkan pendapatan tunggal bagi keluarganya. Keadaan ini adalah tidak beza daripada apa yang dialami di Perkampungan Portugis. Pada kebiasaannya, usaha-usaha ekonomi adalah dilakukan samada untuk mendapatkan pendapatan tambahan ataupun dianggap sebagai satu kerja lapangan yang diminati oleh kaum wanita. Walau bagaimanapun, peratusan kenaikan dalam pendapatan lebihan ini adalah tidak banyak diakibatkan oleh pasaran yang terhad bagi menjualkan pengeluaran-pengeluaran komoditi ekonomi yang dilakukan. Oleh itu, pertambahan pendapatan tersebut hanya setakat dianggap sebagai sebahagian sumbangan kecil untuk membantu masalah kewangan yang rumit bagi sesebuah rumah-tangga.

Sebenarnya, kaum wanita Serani Portugis telah lama berusaha sebagai satu unit sumbangan ekonomi selain daripada menjadi seorang suri-rumah. Disebabkan aktiviti ekonomi mereka amat dikaitkan dengan pekerjaan domestik, maka sumbangan mereka telah diluputkan sama sekali ataupun digolongkan sebagai unit tidak produktif.

Penjualan-penjualan kuih-muih yang dibuat dalam rumah sendiri merupakan satu aktiviti yang telah lama diusahakan. Dalam temuduga saya dengan seorang wanita berusia lima-puluh lima tahun, beliau telah memperihalkan bagaimana ia telah berusaha menjual kuih-muih yang dibuatnya sendiri sejak dua-puluh lima tahun yang lalu untuk menanggung kehidupan anak-anaknya sementara suaminya bekerja di satu kawasan perlombongan di tempat lain selama sepuluh tahun. Pekerjaan tambahan ini adalah perlu kerana

kiriman wang dari suami adalah tidak mencukupi untuk membesarakan tujuh orang anak-anak yang kebanyakannya masih bersekolah. Kuih-muih yang disediakan itu telah dijual di persekitaran tempat di mana mereka tinggal dan kadang-kadang pula kerja ini dibantu oleh anak-anak lelaki yang lebih besar selepas pulang dari sekolah.

Walaupun kegiatan ini telah diusahakan oleh kaum wanita pada masa lalu, namun pada hari ini masih akan kelihatan kaum wanita menjual kuih-muih di persimpangan lorong bersamaan dengan penjaja-penjaja lain. Semasa kerja lapangan dijalankan, saya terjumpa dengan seorang wanita penjaja kuih-muih yang mengatakan bahawa kuih-muih tersebut adalah dibuat oleh kakak iparnya dan dia pula bertanggungjawab untuk menjualnya. Dari sini, dapat kelihatan bagaimana kaum wanita bukan sahaja telah mengusahakan kegiatan ekonomi, bahkan mereka telah membahagi-bahagikan kerja di antara satu sama lain demi untuk mengagihkan keuntungan bersama di dalam sesebuah keluarga.

Di samping itu, ada juga di antara kaum wanita menguruskan kedai-kedai makanannya di depan pantai laut. Mereka ini menjual makanan-makanan seperti mee goreng, laksa, nasi dan sebagainya. Ada juga kedai-kedai lain yang menjual pelbagai minuman termasuklah bir. Biasanya, kedai-kedai ini dibuka melalui kerjasama antara suami dan isteri tetapi kebanyakannya masanya isterilah yang akan menguruskan kedai bersama dengan anak-anaknya manakala suaminya mungkin mengusahakan kerja penangkapan ikan sebagai kerja sampingan.

3.3.1 Aktiviti-Aktiviti Ekonomi Turun-Temurun

Kaum wanita juga melibatkan diri dalam kerja-kerja ekonomi yang dianggap kegiatan turun-temurun seperti membuat cincalok, belacan ataupun ikan kering yang dikenali sebagai karing-karing. Ketiga-tiga kegiatan ini adalah begitu terkenal di Perkampungan Portugis ini sehingga adakalanya pelawat-pelawat akan datang bagi tujuan membelinya. Selain itu, ada juga di antara pengusaha-pengusaha ini yang mempunyai pembeli-pembeli mereka yang tetap.

Biasanya, kaum wanita yang melibatkan diri dalam kegiatan ini adalah mereka yang tergolong ke dalam keluarga nelayan yang kebanyakannya mengalami masalah kemiskinan. Keadaannya adalah sedemikian kerana hanya kaum nelayan yang akan mendapatkan lebih geragau semasa menangkap ikan di laut. Usaha menangkap geragau adalah berleluasa pada musim-musim tertentu, terutamanya dalam bulan Jun dan Julai ataupun pada penghujung tahun. Dalam masa ini, kadangkala kaum nelayan sanggup menangkap beberapa pikul geragau dalam sehari untuk memproses kira-kira tiga puluh kati belacan yang dijual pada empat ringgit sekati (Portuguese Settlement Committee). Pada kebiasaannya, musim ini adalah selama seminggu dan secara keseluruhannya, kaum nelayan sanggup menangkap sebanyak dua-puluh lapan pikul geragau dalam setahun untuk memproses seribu seratus empat puluh kati belacan bagi memperolehi pendapatan sebanyak empat ribu lima ratus enam-puluh ringgit.

Daripada geragau-geragau yang ditangkap tersebut, kaum

wanita akan mengeringkannya sehingga separuh kontang sebelum ianya ditumbuk-tumbukkan dan dikeringkan semula secara sepenuhnya. Lepas itu, garam akan ditambahkan demi untuk melakukan proses pengawetan bagi menghasilkan mutu belacan yang tinggi. Menurut seorang kaum nelayan, belacan yang diperbuat dari Perkampungan Portugis adalah lebih tahan lasak berbanding dengan belacan yang diperbuat dari kilang-kilang luar. Ini adalah kerana cara penyiapan dan prosesnya yang menyeluruh di mana geragau dikeringkan secara sempurnanya sebelum proses pengawetan dilalui. Oleh itu, bahagian dalamnya mempunyai isi geragau yang padat dan tulin.

Selain itu, kaum wanita Serani Portugis juga menghasilkan cincalok dengan cara-cara yang tersendiri di mana arak seperti jenis brandy akan ditambahkan untuk mempercepatkan proses perlembutan beras. Adakalanya, cincalok dibuat pada masa lapang untuk makanan keluarga sendiri ataupun memberi kepada saudara-mara dan kawan-kawan. Bagi karing-karing pula, kebanyakannya daripada golongan isteri-isteri nelayan melakukannya apabila cahaya matahari adalah cukup kuat supaya proses kering-kontang yang sempurna boleh dilakukan. Ikan-ikan kecil dan panjang yang disebut ikan timah atau silver fish adalah ditangkap sebagai lebihan dari penangkapan ikan harian dan kuantitinya adalah amat terhad.⁶

Biasanya, karing-karing ini dijual kepada restoran-restoran ataupun pub-pub di dalam Perkampungan Portugis sebab ia adalah sedap bila dicampurkan ke dalam nasi goreng dan bubur ataupun

hanya digoreng dan dimakan dengan sos cili. Di samping karing-karing, kaum wanita juga memproseskan ikan bulu ayam kepada ikan masin yang dihidang sebagai makanan ringan. Walau bagaimanapun, kegiatan ini adalah tidak menguntungkan kerana ikan jenis ini hanya ditangkap sekali-sekala sahaja.

Kegiatan-kegiatan ekonomi seperti yang disebut telah sedikit sebanyaknya mendatangkan sedikit keuntungan kewangan, terutamanya pada bulan Jun kerana ia dilakukan bersempena dengan Pesta San Pedro. Pada musim perayaan ini, kaum wanita dalam hampir setiap rumahtangga akan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ini supaya dapat menjual hasil perbuatan cincalok, belacan dan karing-karing kepada pelawat-pelawat dan orang-orang tempatan yang mengunjungi ke perayaan ini.⁷

Oleh kerana proses pengeluaran hasil-hasil komoditi ekonomi ini memakan masa yang panjang terutamanya jika Cahaya Matahari adalah kurang memuaskan bagi proses pengeringan dan juga apabila kuantiti-kuantiti adalah besar, maka golongan wanita yang terlibat tidak boleh melakukannya seorang diri. Dengan demikian, anak-anak yang masih bersekolah ataupun anak-anak dara yang tidak bekerja akan turut melibatkan diri dalam kerja ini. Adakalanya, jiran tetangga atau saudara mara juga turut terlibat. Bagi pembantu-pembantu tambahan ini, pengusaha-pengusaha akan memberi bayaran gaji kira-kira empat atau lima ringgit bagi kerjasama yang dihulurkan. Akibatnya, kedua-dua pihak mendapat faedah kerana bukan sahaja mereka mempunyai teman untuk berborak-borak semasa melakukan kerja, bahkan juga untung dari segi kewangan.

3.3.2 Aktiviti Ekonomi Komersial

Selain daripada kegiatan ekonomi yang diamalkan secara turun-temurun, terdapat juga mereka yang membentuk satu kumpulan khas bagi tujuan-tujuan mengeluarkan komoditi-komoditi ekonomi. Sebagai contohnya, industri kotej (*Cottage Industry*) adalah merupakan satu bentuk industri kecil yang menjeruk ikan kurau⁸ dan mangga masam. Industri ini dibentuk sejak empat tahun yang lalu dan kini mempunyai ahli seramai lima belas orang kaum wanita Serani Portugis dari Perkampungan Portugis. Pada asalnya, industri ini adalah dicetuskan melalui bantuan kewangan sebanyak lima ribu ringgit daripada Kedutaan Kanada sebagai membiayai projek-projek yang mendatangkan pendapatan atau pulangan. Menurut ketua industri tersebut, sebaik sahaja beliau mendapat berita tersebut, maka dengan segeranya beliau telah memohon kepada badan pembiayaan tersebut sebagai satu langkah permulaan untuk menyediakan kaum wanita dalam bidang-bidang aktiviti yang sihat dan menguntungkan.

Sebenarnya, projek ini tidaklah begitu mengutamakan pulangan yang akan dihasilkan. Sebaliknya, ia lebih mementingkan usaha dalam memberi lebih perhatian kepada pembentukan satu aktiviti yang bermanfaat bagi kaum suri-rumah untuk mengisi masa lapang mereka dan juga untuk mengeratkan segala hubungan yang renggang di kalangan mereka yang mungkin duduk di dalam dua penghujung rumah yang terjauh.

Dalam industri ini, kaum wanita bekerja kira-kira tiga jam sehari bermula dari satu petang ke pukul empat, terutamanya pada

musim-musim permintaan adalah tinggi. Kerja-kerja melibatkan pengupasan bawang, cili kering, halia, ketumbar ataupun merendam ikan kurau ke dalam air, kerja pengeringan ikan, pemotongan ikan kepada kiub-kiub kecil, pencucian dan pemasakan. Tiap hari, kaum wanita ini hanya membuat sejumlah kuantiti yang tertentu dan akan meneruskan kerja pada keesokan hari. Apabila pembekalan adalah mencukupi ataupun lebih daripada kuantiti yang dipesan, maka mereka akan berhenti seketika sehingga mendapat pesanan tambahan ataupun apabila stok kian habis.

Kegiatan ekonomi ini dilakukan di dalam salah sebuah rumah iaitu rumah ketua induatri tersebut. Oleh itu, tabungan keuntungan daripada industri sebahagiannya digunakan untuk membayar bil-bil elektrik dan air rumah tersebut. Bagi yang selebihnya akan disimpan samada untuk tujuan perluasan industri pada masa depan ataupun untuk membiayai perbelanjaan yang selanjutnya. Selain daripada gaji yang diterima berjumlah tiga ringgit sejam bagi tenaga buruh ahli-ahli industri ini, mereka juga menerima bonus tahunan dalam bentuk pemberian hadiah. Ini biasanya diberi pada hari perayaan Natal yang mana mereka akan menerima pemberian seperti ayam, jam untuk roti, coklat, kain sarong dan kek-kek yang lazat di mana benda-benda ini adalah tidak sanggup dibeli oleh mereka yang miskin.

Selain daripada kerja memproses komoditi ekonomi ini, kaum wanita juga bertanggungjawab untuk menjualkannya. Biasanya, pembeli-pembeli adalah terdiri daripada guru-guru sekolah menengah di perkampungan tersebut, jiran-jiran tetangga ataupun

orang-orang tempatan. Selain itu, mereka juga memperluaskan jualan pada musim-musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Natal ataupun pada hari perayaan Pesta San Pedro. Adakahnya, saudara mara yang duduk di tempat-tempat seperti Kuala Lumpur dan Singapura juga akan membelinya apabila mereka pulang ke kampung halaman mereka di Perkampungan Portugis.

Selain daripada industri kecil ini, para biarawati dari sekolah menengah Perkampungan Portugis juga telah mendirikan kelas-kelas masak-memasak yang disebut literacy class. Kelas ini adalah bertujuan untuk memberi latihan kemahiran masak-memasak kepada kaum wanita Serani Portugis supaya mereka bukan sahaja dapat melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran tambahan, bahkan mereka dapat menjalankan aktiviti ekonomi seperti menjual makanan yang dipelajari dari kelas tersebut.

Dalam kelas ini, para suri-rumah diajar cara yang lebih sihat dan bersih dalam menyiapkan bahan-bahan masakan. Mereka juga diajar bagaimana membaca resepi secara betul dan juga cara-cara mencampur-gaul serta cara mengacau dan menyebat ramuan-ramuan masakan. Menurut ketua kelas tersebut, pelbagai-bagai cara masakan sesuatu jenis lauk telah diuji olehnya untuk menghasilkan satu cara yang tersesuai bagi menetapi rasa bagi sebahagian besar kaum di perkampungan tersebut. Maka melalui ini, beliau telah mengajar para suri-rumah cara-cara menimbang, membuat ukuran serta bacaan secara tepat. Dengan ini, kaum suri-rumah bukan sahaja telah mendapat manfaat dari segi peningkatan kemahiran memasak, bahkan mereka juga telah memperolehi pengetahuan dalam pengiraan dan kebersihan untuk menghasilkan

mutu makanan yang lebih tinggi.

Kelas kemahiran memasak ini bukan sahaja mengajar memasak lauk-pauk yang pelbagai, bahkan adakalanya kaum wanita diajar cara membuat kuih-muih ataupun kek-kek. Sebagai contohnya, kuih-muih yang pernah diajar adalah seperti curry puffs, cream puffs ataupun sejenis roti yang disebut dalam nada Portugis sebagai Pang-Susi.⁹ Tambahan pula, kek seperti sugi yang amat manis dan digemari ramai juga diajar. Kek jenis ini adalah amat terkenal di kalangan penduduk Perkampungan Portugis dan ia banyak dihidangkan pada hari-hari perayaan seperti harijadi, hari perkahwinan, hari Natal dan sebagainya.

Kelas ini bukan selalunya diajar oleh ketua tersebut, adakalanya beliau akan menjemput pakar-pakar pembuat kek untuk kemari bagi mengajar kek-kek yang berlainan. Maka biasanya, para suri-rumah akan dikenakan bayaran-bayaran yang berbeza-beza berdasarkan jenis-jenis kek ataupun guru-guru yang mengajar. Bayaran tersebut sebenarnya adalah sebahagian daripada bayaran bagi pembelian bahan-bahan masakan dan ramuan-ramuan yang sewajarnya, yang selebihnya pula akan dicaj sebagai gaji bagi guru tersebut.¹⁰ Sebaliknya, jika ketua kelas tersebut yang mengajar cara masak-memasak, biasanya bayaran adalah sedikit sahaja ataupun langsung tidak dikenakan. Ini adalah kerana bayaran tersebut adalah hanya untuk tujuan membeli apa-apa bahan tambahan yang mungkin tidak mencukupi bagi kelas tersebut. Apabila tabungan dari persatuan biarawati dari sekolah menengah tersebut sanggup menanggung kos bagi pengajaran masakan tertentu,

maka kaum suri-rumah akan dielakkan daripada membayar untuk kursus itu.

Menurut ketua kelas kemahiran memasak, melalui kemahiran-kemahiran yang dipegang oleh kaum surirumah, maka adalah diharapkan supaya mereka dapat meningkatkan lagi pendapatan untuk mewujudkan kestabilan dalam masalah kewangan rumahtangga. Ini dapat dilakukan melalui usaha menjual kek-kek yang dibuat selepas mempelajarinya dari kelas tersebut. Kini, hakikat ini telahpun menjadi kebenaran di mana kaum wanita didapati menjual kuih-muih dan kek-kek sugi kepada jiran-jiran yang tidak sanggup menghadiri kelas tersebut ataupun kepada guru-guru sekolah, saudara-mara dan sesiapa sahaja yang membuat pesanan khas apabila ingin mengadakan majlis-majlis atau jamuan bagi sesuatu perayaan. Selain itu, ada di antara mereka yang melakukan aktiviti penjualan pada hari Pesta San Pedro. Walau bagaimanapun, golongan pembuat kek-kek ini tidaklah menjalankan aktiviti penjualan secara besar-besaran ataupun menjual melalui pembekal-pembekal dan agen-agen rumah kek. Ini adalah kerana mereka bukan sahaja menempuh persaingan yang kuat dari pasaran luar, bahkan mereka tidak mempunyai modal yang secukupnya untuk memberi bekalan secara berterusan.

3.3.3 Aktiviti-Aktiviti Ekonomi Lain

Selain daripada industri kotej dan literacy class yang dianggap adalah dua daripada aktiviti-aktiviti yang baru diperkenalkan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan kedudukan kaum wanita Serani Portugis, para suri-rumah juga telah mencari jalan-jalan lain dalam mengukuhkan keadaan kewangan rumahtangga. Ada di

kalangan mereka yang bekerja sebagai orang gaji kepada biarawati di sekolah menengah Convent perkampungan tersebut. Mereka ini melakukan kerja-kerja seperti pembersihan, pembasuhan kain, pemasakan dan sebagainya. Gaji yang didapati sedikit sebanyaknya telah dapat mengubah kehidupan, terutamanya bagi keluarga kaum nelayan yang tidak lagi perlu bergantung secara penuhnya kepada cuaca dan musim untuk menentukan makanan sehari-hari.

Di samping kerja ini, saya juga mengenali seorang wanita Serani Portugis yang mengusahakan penjualan bekas tupperware. Menurutnya, pendapatnya adalah bergantung kepada komisen setiap penjualan dan kini, perniagaannya semakin bertambah baik kerana kian ramai suri-rumah mengetahui tentang kewujudan kegiatannya. Selain itu, wanita tersebut juga sentiasa menjemput suri-surimah untuk mengadakan jamuan kecil di rumah bagi mempelawa jiran tetangga dan saudara-mara untuk menyaksikan pameran tupperware yang akan dihiaskan oleh wanita tersebut. Sebagai balasannya, pengundang akan menerima hadiah-hadiah yang berharga sekiranya jumlah pembelian bekas plastik oleh para hadirin dapat mencapai suatu tingkat sasaran yang tertentu. Dengan ini, maka kedua-dua pihak penjual dan pengundang akan mendapat keuntungan masing-masing.

3.4 RUMUSAN

Sebenarnya, pekerjaan-pekerjaan domestik dan kegiatan ekonomi yang diceburi oleh kaum wanita di Perkampungan Portugis hanyalah merupakan sebahagian daripada keupayaan mereka pada masa kini. Ini adalah kerana bagi mengekalkan kebahagiaan dan

kestabilan ekonomi sesebuah rumahtangga, mereka tidak boleh tidak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang mendatangkan pulangan dari segi kewangan, terutamanya apabila kaum wanita ini tidak berpeluang bekerja di pejabat-pejabat kerajaan atau swasta. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa bidang aktiviti yang diceburi oleh kaum wanita Serani Portugis adalah terhad kepada kedua-dua aspek ini sahaja. Ini adalah sebab di sini, saya hanya telah memperihalkan peranan mereka dari sudut ekonomi dan rumahtangga sahaja, tetapi pada hakikatnya bidang peranan mereka mencakupi sempadan yang lebih besar. Oleh itu, saya akan memperluaskan pembentangan peranan mereka dalam bab yang seterusnya bagi melibatkan aspek-aspek sosial dan pendidikan kerana kedua-dua ini yang telah menjadi dasar sebenarnya bagi peningkatan taraf kedudukan wanita di Perkampungan Portugis.

NOTAKAKI

1. Sebak adalah sejenis makanan seperti salad di mana daging babi yang dipotong nipis akan dimasak dalam sos hitam pekat ditambahkan dengan gula dan kayu manis. Taufu dan pelbagai jenis sayuran akan dicampurkan ke dalam untuk memperkayakan kepelbagaiannya. Rasanya adalah tidak pedas, sebaliknya ia adalah manis. "Pie Soup" pula merupakan satu hidangan makanan di mana tepung akan dicampur dengan telur dan kemudiannya dijadikan seperti bentuk piring untuk menutupi mangkuk besar yang mengandungi sup daging samada ayam atau babi dan juga bahan lain seperti telur, bawang, ubi kentang dan sebagainya. Ini akan kemudiannya dimasak dalam mesin oven.
2. Ada di antara remaja-remaja perempuan lepasan sekolah atau tercicir dalam pelajaran yang duduk di rumah dan tidak bekerja. Mereka ini samada tidak puas dengan kerja yang pernah dijawat ataupun langsung tidak minat untuk bekerja. Bagi golongan ini, mereka akan menolong menyiapkan kerja-kerja rumah ataupun menolong menjaga kanak-kanak yang masih kecil kepunyaan kakak atau abang yang sedang bekerja yang tidak mampu mengupah pembantu rumah atau penjaga anak.
3. Biasanya sehelai kain kursher penutup meja yang dibeli adalah berharga RM30.00 hingga RM50.00. Tetapi jika pembelian ini digantikan dengan pembuatan sendiri, kos dapat diturunkan dengan banyak iaitu kira-kira RM30.00 bagi satu set kain kusher bagi menutup semua peralatan rumah.
4. Permainan ini adalah salah satu daripada kegemaran orang-orang Perkampungan Portugis, samada di kalangan lelaki atau wanita. Tetapi yang biasanya, mereka yang kerap bermain judi adalah kaum nelayan yang bermain di tepi laut ataupun di kalangan wanita-wanita tua untuk mengisi masa lapang. Walau bagaimanapun, kaum nelayan hanya memainkan aktiviti ini pada masa cuaca adalah kurang memuaskan bagi penangkapan ikan. Jumlah wang yang terlibat adalah lebih kurang sepuluh atau dua-puluh ringgit. Di samping itu, mereka juga gemar membeli empat ekor nombor. Namun begitu, mereka sedar akan kebahayaan jika terjerumus ke dalam permainan ini dan biasanya dapat mengawal jumlah wang yang dimainkan.
5. Bagi pihak bapa pula, anak-anak biasanya akan mendapatkan nasihat dari segi pekerjaan, masalah majikan, hal-hal pembelian aset seperti kereta, rumah atau flat dan apa juar yang berkait dengan lapangan di luar pekerjaan domestik.

6. Kini, usaha penangkapan ikan timah kian berkurangan, terutamanya setelah kaedah penangkapan Kelung dibasmikan akibat masalah permohonan lesen. Dengan ini, ia bukan sahaja telah menurunkan pendapatan yang dahulunya didapati, bahkan ia telah menyebabkan kenaikan kos dalam proses pembuatan karing-karing kerana mereka kini terpaksa membeli ikan timah dari pasar-pasar luar.
7. Kegiatan penjualan hasil-hasil pembuatan tersebut dilakukan hanya di kalangan orang-orang yang dikenali ataupun pada musim-musim perayaan tertentu. Mereka tidak menjual dalam skil besar-besaran ataupun menjual melalui pembekal-pembekal ke pasaran yang lebih besar kerana wujudnya masalah permohonan lesen. Selain itu, mereka berbuat demikian juga kerana ingin mengelakkan daripada membayar sebarang cukai yang mungkin dikenakan. Oleh itu, adalah sukar untuk dapat membeli hasil-hasil komoditi tersebut kecuali seseorang itu pergi memesan dari Perkampungan Portugis.
8. Ikan kurau juga adakalanya digantikan oleh ikan parang yang dibeli dari pasar. Ini adalah kerana kadang-kadang apabila nelayan Perkampungan Portugis dapat menangkap ikan kurau yang amat segar, mereka akan lebih mengutamakan untuk menjualkannya ke pasar luar melalui orang-orang tengah.
9. Roti ini sebenarnya adalah dibuat oleh sosej dan roti kecil atau bun. Oleh itu ia sebenarnya berbunyi Sausage Bun tetapi dalam bahasa Portuguese di dalam perkampungan tersebut, ia telah diterbalikkan menjadi Bun Sausage atau Pang-susi.
10. Apabila bayaran adalah terlalu tinggi, contohnya ada di antara guru-guru yang dijemput mengenakan bayaran sebanyak tujuh-puluh ringgit seorang, maka hanya mereka yang berupaya akan sanggup menghadiri kelas tersebut. Jika bayaran adalah rendah, maka biasanya kelas akan dipenuhi oleh ramai kaum surirumah dari Perkampungan Portugis.

BAB IV

AKTIVITI-AKTIVITI SOSIAL DAN PENDIDIKAN

4.1 PENGENALAN

Kegiatan-kegiatan di luar rumah tangga kini merupakan satu aktiviti yang giat diceburi oleh kaum wanita di Perkampungan Portugis. Secara amnya, terdapat sejumlah kaum wanita yang tertentu di dalam perkampungan ini yang terdiri daripada satu golongan yang aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial ini. Namun pada lazimnya, menurut salah seorang pemimpin wanita Serani Portugis yang aktif, "those who are active have their hands in every pudding". Ini bermakna bahawa mereka yang aktif sentiasanya adalah mereka yang mengambil bahagian dalam hampir semua kegiatan-kegiatan dalam perkampungan ini. Sebaliknya bagi mereka yang tidak aktif pula, maka akan hanya mendiamkan diri dengan kerja-kerja rumah sendiri.

Sebenarnya dalam konteks Perkampungan Portugis, aktiviti-aktiviti sosial meliputi pelbagai jenis kegiatan di luar rumah-tangga. Ianya merupakan satu keadaan di mana wujudnya satu perhimpunan di suatu tempat pada suatu masa yang tertentu dan juga untuk tujuan atau peristiwa-peristiwa tertentu supaya dapat mewujudkan interaksi di antara satu sama lain. Oleh itu, secara amnya, aktiviti-aktiviti sosial ini meliputi kegiatan-kegiatan seperti yang dihubungkan dengan keagamaan, menghadiri kelas-kelas bimbingan yang disediakan ataupun menjadi ahli kepada persatuan-persatuan tertentu.

Keterlibatan atau keaktifan kaum wanita tersebut ke dalam aktiviti-aktiviti secara giat sebenarnya mempunyai perhubungan yang kuat dengan pendidikan yang dicapainya. Ini adalah kerana secara umumnya, mereka yang berpeluang mendapat pendidikan adalah lebih yakin terhadap diri secara relatifnya berbanding dengan yang lain dalam melaksanakan tanggungjawab memimpin kaum wanita yang lain. Dalam perbualan-perbualan saya dengan kaum wanita Serani Portugis, didapati bahawa mereka yang tidak mendapat pendidikan yang sempurna sentiasanya berasa kekurangan mampuan terhadap diri sendiri. Mereka seringkali mengatakan bahawa selain daripada kerja-kerja rumah, mereka tidak mahir dalam hal-hal yang lain.

Sebaliknya, bagi mereka yang berpendidikan formal, adalah jelas bahawa wujud sikap inisiatif dan sentiasa inginkan kemajuan bagi golongan wanita di perkampungan tersebut. Mereka inilah yang memimpin wanita-wanita lain melalui penyeruan untuk melibatkan diri ke dalam aktiviti-aktiviti yang diwujudkan bagi kebaikan semua. Maka melalui kerjasama seperti ini, kaum wanita Serani Portugis kini telah menjadi lebih aktif dalam bidang di luar rumahtangga.

4.2 PERANAN WANITA DALAM AKTIVITI-AKTIVITI SOSIAL

4.2.1 Persatuan Ibu-Ibu Kristian

Salah satu daripada kegiatan-kegiatan sosial yang berhubung rapat dengan keagamaan adalah Persatuan Ibu-Ibu Kristian (Christian Mothers Association). Persatuan ini hanyalah dianggotai

oleh kaum wanita dan biasanya, mereka ini adalah kaum suri-rumah yang berumur tiga puluh ke atas. Persatuan keagamaan ini adalah dilihat sebagai satu persatuan yang juga menjalankan aktiviti sosial kerana selain daripada tujuan memupuk dan mempertingkatkan semangat keagamaan melalui prayers dan masses, ia juga merupakan satu tempat di mana kaum wanita berpeluang bergaul dan berinteraksi antara satu sama lain selain daripada dengan ahli-ahli rumahtangga sendiri. Di samping itu, Persatuan Ibu-Ibu Kristian juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan di kalangan kaum wanita dan membekalkan aktiviti-aktiviti yang sihat kepada mereka supaya lebih bergiat dalam kegiatan di luar rumahtangga.

Setiap bulan, persatuan ini akan mengadakan mesyuarat pada tiap hari minggu yang pertama pada pukul tiga petang. Dalam perhimpunan ini, selepas mereka menjalani upacara sembahyang selama setengah jam sebagai permulaan mesyuarat, maka mereka akan berehat sementara untuk makanan ringan yang dihidangkan.

Oleh kerana persatuan tersebut termasuk ahli-ahli daripada Perkampungan Portugis dan juga dari Perkampungan Praya Lane di Bandar Hilir, maka masa inilah akan kelihatan kaum wanita masing-masing sibuk dengan perbualan-perbualan mereka tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masa sebulan itu. Kaum wanita ini adalah amat mesra di antara satu sama lain, ada di antara mereka yang mengambil kuih-muih dan minuman-minuman untuk wanita-wanita tua yang tidak senang bergerak.

Selepas sahaja masa rehat ini, maka seorang rahib yang disebut spiritual leader atau pemimpin spiritual akan mengetuai

mesyuarat tersebut dan mengajar dan membimbing tentang keagamaan. Dalam ucapannya, beliau akan memuja Tuhan dan menyampaikan mesej-mesej tentang kebesaran Tuhan. Beliau juga sentiasa menekankan betapa pentingnya bagi kaum wanita untuk dibimbing oleh semangat suci.

Selain daripada ucapan keagamaan, pemimpin spiritual tersebut juga sentiasa menekan tentang peranan wanita di dalam rumah dan terhadap komuniti mereka. Beliau mengatakan bahawa mereka tidak patut mengambilalih peranan lelaki kerana ini akan mengancam fungsi rumahtangga. Pemimpin spiritual juga menyeru kaum wanita untuk bekerjasama di antara satu sama lain sebagai satu kaum untuk membina satu komuniti yang lebih kuat. Beliau juga mengatakan bahawa walaupun peranan wanita adalah tidak besar, namun peranan mereka yang lebih halus patut digabungkan dengan peranan kaum lelaki yang lebih agresif.

Di samping itu, kepentingan pendidikan juga sentiasa diberi penekanan yang kuat di mana kaum wanita digalakkan untuk menanamkan budaya pendidikan kepada generasi muda pada umur yang lebih awal kerana mereka yang akan menjadi tulang belakang komuniti ini pada masa depan. Pemimpin spiritual tersebut juga sentiasa memberi contoh-contoh yang baik tentang pemuda-pemuda Serani Portugis yang telah berjaya dalam kerjayanya. Beliau seringkali membawa mesej-mesej tentang kepentingan tanggungjawab kaum suri-rumah untuk menekankan pendidikan kepada anak-anak supaya mereka dapat hidup secara lebih selesa daripada keadaan sekarang.

Dalam persatuan ini, terdapat enam kumpulan yang dibentuk untuk melakukan kerja-kerja tertentu. Sebagai contohnya, kumpulan Nazareth adalah dibentuk untuk membantu ibu-ibu muda dan orang-orang tua dalam kerja-kerja rumah seperti menjaga anak, kerja pembersihan, masak-memasak dan sebagainya. Kumpulan Visitation pula bertanggungjawab melawat ke rumah-rumah orang sakit dan orang tua serta mereka yang kesunyian dan terabai. Lawatan-lawatan ini bukan hanya untuk memberi bantuan material dan menjaga kebajikan mereka, bahkan kumpulan ini juga bersembahyang bersama-sama dengan mereka. Umpamanya, presiden persatuan ini merupakan salah seorang yang diberi kuasa oleh paderi di gereja untuk menghulurkan hose¹ kepada orang-orang tua dan pesakit-pesakit yang tidak sempat atau tidak terdaya menghadiri gereja.

Di samping itu, terdapat kumpulan Bethany yang memberi perkhidmatan seperti "coffin mournings",² membersihkan gereja, kerja-kerja gotong royong dalam sesuatu kawasan tertentu serta mengajar kemahiran-kemahiran tertentu. Terdapat juga mereka yang memberi pengajaran agama seperti kumpulan Emmaus. Mereka ini mengajar kelas-kelas Catechism bagi kanak-kanak pada hari Ahad dan mengajar cara bersembahyang serta lagu-lagu nyanyian mazmur tertentu.

Wanita-wanita dalam Kumpulan Gethsemany pula bertanggungjawab mengorganisasikan upacara-upacara Block Rosery, membantu dalam persiapan pengkbumian dan membantu menguruskan hal-hal yang berkaitan dengannya. Kumpulan yang terakhir disebut Kumpu-

lan Volunteers. Ahli-ahli kaum wanita ini berperanan memberi pengajaran dan bimbingan rancangan keluarga, membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan bagi upacara-upacara tertentu, membantu dengan pembersihan tubuh badan orang yang baru meninggal dunia dan sebagainya.

Dalam setiap mesyuarat, setiausaha persatuan akan menialai aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan oleh setiap kumpulan dalam masa sebulan. Selain itu, persatuan ini juga aktif semasa perayaan Pesta San Pedro di mana mereka akan menyediakan acara-acara yang menarik bagi penglibatan orang lain. Sebagai contohnya, dalam Pesta San Pedro tahun ini, Persatuan Ibu-ibu Kristian telahpun menjalankan kegiatan jamuan makan-minum sebagai sumbangan aktiviti mereka. Dalam acara ini, hampir semua ahli kaum wanita telah menyumbangkan peranan masing-masing samada dalam bentuk menyediakan makanan lauk-pauk ataupun dari segi sumbangan masa atau tenaga. Menurut presiden persatuan, mereka juga giat dalam aktiviti-aktiviti di luar perkampungan seperti menghadiri pertemuan-pertemuan dengan persatuan-persatuan Ibu-Ibu Kristian yang lain di peringkat negeri dan juga antarabangsa.

4.2.2 Persatuan Charismatic

Selain daripada Persatuan Ibu-Ibu Kristian, kaum wanita Serani Portugis juga giat dalam perhimpunan Persatuan Charismatic yang diadakan di dewan sekolah menengah dalam Perkampungan Portugis pada setiap hari Rabu pukul tujuh malam. Tujuan utama persatuan ini adalah untuk membimbang dan menggalakkan kaum penduduk Perkampungan Portugis dalam memuja Tuhan melalui

sembahyang dan nyanyian secara beramai-ramai. Persatuan ini terdiri daripada kaum lelaki dan wanita tetapi pada lazimnya, para suri-rumah yang membentuk sebahagian besar daripada persatuan tersebut.

Dalam setiap perhimpunan, mereka akan bermula dengan sesi bersebahyang selama sejam di mana di antaranya, mereka akan menyanyi lagu-lagu pemujaan Tuhan. Kaum wanita adalah amat aktif dalam persatuan ini, ada di antara mereka yang menyanyi secara kuat, menepuk tangan ataupun mengangkat tangan sebagai satu simbol pemujaan Tuhan. Dalam sesi tersebut, ada juga yang memohon maaf daripada Tuhan secara individu di mana mereka akan menyebut "Lord have mercy" atau "Christ have mercy" (Tuhan mengasihi) selepas mengucapkan permohonan minta maaf. Adakalanya, ada upacara sesi pemulihan di mana pesakit-pesakit akan dipulihkan melalui sembahyang secara beramai-ramai.

Selain itu, dalam setiap perhimpunan Charismatic, mereka akan bersuniyi selama seminit untuk memperingati diri masing-masing bahawa Tuhan adalah berada di sisi mereka. Di samping itu, kaum wanita juga sentiasa diajar tentang nilai-nilai murni ketuhanan supaya mereka akan sentiasa berpegang kepada prinsip-prinsip keagamaan.

4.2.3 Kumpulan Liturgi

Kumpulan Liturgi juga merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang dapat dikaitkan dengan kegiatan sosial. Kumpulan ini mengadakan perhimpunan pada setiap hari Jumaat di bilik

berdoa sekolah menengah Perkampungan Portugis pada pukul enam petang. Kaum wanita yang menjadi ahli kepada kumpulan ini bertanggungjawab ke atas segala hal yang berkait dengan keagamaan seperti penjagaan tempat pemujaan Tuhan atau mazbah, persiapan upacara sembahyang seperti mengatur kerusi meja, mengatur lagu-lagu mazmur yang akan dinyanyikan, menyediakan pakaian bagi paderi dan sebagainya. Mereka juga bertanggungjawab menguruskan hal kewangan seperti mengutip gaji (*stipend*)³ bagi paderi dan juga wang bagi tabungan persatuan tersebut.

Sebenarnya, Persatuan Liturgi ini adalah dibimbing oleh biarawati-biarawati yang hanya berperanan memberi garis panduan sahaja, yang melakukan kerja adalah kaum wanita yang akan mempelajari menjadi lebih inisiatif dan bersifat kepimpinan. Pada hari perayaan San Pedro, Persatuan Liturgi inilah yang akan menjalankan upacara sembahyang di dewan sekolah tersebut di mana paderi akan melaksanakan upacara ritual ke atas sampan-sampan nelayan. Hal ini telah memperlihatkan bagaimana upacara keagamaan telah disepadukan ke dalam aktiviti-aktiviti sosial. Ia juga secara tidak langsung menggambarkan keaktifan kaum wanita di dalam kegiatan-kegiatan keagamaan yang telah juga meningkatkan kadar pergaulan sosial di kalangan mereka.

4.2.4 Sesi Dinamik

Selain daripada kegiatan-kegiatan keagamaan ini, kaum wanita suri-rumah juga melibatkan diri dalam satu persatuan lain iaitu kumpulan sesi dinamik (*Dynamic Session*). Kumpulan ini adalah diketuai oleh seorang biarawati Serani Portugis yang merupakan

salah seorang pemimpin wanita yang terkenal di Perkampungan Portugis. Selain daripada sesi dinamik tersebut, beliau juga banyak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan kaum wanita yang telah disebutkan tadi. Dalam kumpulan sesi dinamik, kaum wanita diajar perkara-perkara seperti menilai kualiti, menimbangkan prioriti, kemahiran dalam belanjawan kewangan dan juga kesedaran tentang sikap kebendaan dan tamak.

Menurut ketua sesi dinamik ini, adalah penting bagi memupuk pengetahuan-pengetahuan seperti ini ke dalam kaum wanita kerana ia adalah salah satu langkah untuk memajukan taraf mereka di perkampungan tersebut. Melalui pemahaman konsep-konsep ini, maka kaum wanita akan menjadi lebih lengkap dari segi pengetahuan am dan seterusnya akan dapat menjalani kehidupan secara lebih bermakna. Keterlibatan kaum wanita ke dalam kegiatan ini juga telah membuktikan bahawa mereka juga ingin memperbaiki taraf dan status mereka supaya dapat berasa lebih bangga dengan pencapaian diri sendiri dan tidak dipandang rendah oleh orang lain.

4.2.5 Persatuan Pengebumian

Di samping itu, terdapat juga Persatuan Pengebumian (Funeral Association) yang merupakan salah satu daripada aktiviti-aktiviti yang terbesar di Perkampungan Portugis. Persatuan ini adalah pada suatu masa dahulu hanya dianggotai oleh ahli-ahli kaum lelaki. Kini, keanggotaannya telahpun melibatkan kaum wanita Serani Portugis di perkampungan tersebut memandangkan mereka ini semakin giat dalam pelbagai aktiviti.

Sebenarnya, persatuan ini ditubuhkan bertujuan berfungsi seperti sesebuah syarikat insuran tetapi dalam skala yang lebih kecil. Sebagai contohnya, apabila seseorang ahli keluarga meninggal dunia, maka Persatuan Pengebumian akan menyumbangkan satu jumlah bantuan kewangan tertentu berdasarkan keahlian si mati tersebut supaya keluarganya sanggup menguruskan hal-hal pengkebumian secara sempurna. Bantuan ini adalah amat penting terutamanya bagi sesebuah keluarga yang betul-betul miskin.

Daripada wang yang dibekalkan itu, ahli-ahli keluarga si mati akan mengendalikan hal-hal seperti membeli keranda, menyediakan makanan ringan bagi pendatang-pendatang yang ke mari untuk mengucap takziah, menguruskan pengangkutan bas ke tempat perkuburan dan sebagainya. Dalam hal-hal inilah, kaum wanita yang menjadi ahli persatuan ini akan menghulurkan bantuan mereka dalam menyiapkan kerja-kerja di dapur dan menolong menjaga anak-anak yang kecil. Bantuan ini adalah amat diperlukan kerana adalah menjadi budaya Perkampungan Portugis di mana keadaan akan menjadi amat sibuk dengan ramai pendatang-pendatang yang mengucapkan takziah bila berlakunya kematian seseorang dalam sesebuah keluarga. Tambahan pula, tetamu-tetamu ini ada yang datang dari jauh dan ada yang datang dan duduk sehingga larut malam, Keadaan ini secara tidak langsungnya menyebabkan kerja-kerja menjadi bertambah banyak dan memerlukan bantuan-bantuan yang sewajarnya.

Sebenarnya, kebanyakan daripada kaum wanita suri-rumah adalah aktif kerana mereka ini banyak mengisikan masa lapang

dengan aktiviti-aktiviti keagamaan. Melalui kegiatan-kegiatan inilah, maka mereka menjadi lebih terdedah kepada dunia di luar rumahtangga. Justeru itu, mereka menjadi kian bergiat dalam aktiviti-aktiviti lain yang disediakan kerana masing-masing telahpun membiasakan diri dengan persekitaran dan pergaulan di luar rumahtangga. Sebagai contohnya, ada di antara kaum wanita yang juga melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan di luar Perkampungan Portugis seperti menjadi ahli kepada Persatuan St. Vincent de Paul, iaitu salah satu pertubuhan aktiviti gereja. Mereka ini aktif dalam kerja-kerja kebajikan seperti membantu keluarga-keluarga yang miskin dari segi kewangan, mengumpulkan pendermaan barang-barang material bagi orang-orang miskin dan sebagainya.

Selain itu, ada juga di antara kaum wanita di Perkampungan Portugis yang membantu mengajar kelas-kelas bagi murid-murid yang lembap. Mereka ini adalah biasanya terdiri daripada bekas guru-guru sekolah ataupun kaum wanita suri-rumah yang pernah mendapat pendidikan yang sempurna. Oleh itu, pada hakikatnya, kaum wanita Serani Portugis adalah aktif terutamanya jika mereka diberi lebih peluang untuk menceburi diri dalam aktiviti-aktiviti yang dapat mengisi masa lapang mereka.

4.3 PERANAN WANITA DALAM AKTIVITI-AKTIVITI PENDIDIKAN

Dalam Perkampungan Portugis, oleh kerana sejumlah besar penduduknya terdiri daripada golongan berumur tiga puluh ke atas, maka peranan kepentingan pendidikan adalah lebih ditumpukan kepada sejauh mana kaum wanita telah memupuk kesedaran aspek ini

di kalangan kanak-kanak yang masih bersekolah. Tanggungjawab ini adalah dipikul oleh kaum wanita kerana mereka lah yang menghabiskan kebanyakan masanya menjaga kebajikan anak-anak mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, menurut I.E. Roudakova (1984 : 293-294) dalam kajian ke atas kaum wanita di USSR dahulunya, permintaan terhadap ibu sebagai seorang pendidik akan semakin meningkat dalam kadar yang tertentu kepada kualiti pelajaran anak-anaknya. Selain itu, ia juga bergantung kepada pendidikan, budaya dan peringkat spiritual seseorang ibu itu. Jika ketiga-tiga aspek ini diketepikan, maka kaum wanita akan bersikap lebih teragu-ragu untuk mengambil kesempatan faedah pendidikan dan kedudukan mereka sebagai pendidik akan hilang di dalam kaca mata anak-anak mereka. Oleh sebab itu, walaupun kaum wanita di Perkampungan Portugis telah menjangkaui peluang keemasan dalam mendapat pendidikan pada zaman mereka, namun pendidikan pada hari ini adalah ditumpukan ke atas generasi yang lebih muda. Dalam hal ini, peranan mereka hanyalah sebagai penggalak dan penasihat kepada generasi muda tentang kepentingan peluang-peluang untuk pelajaran yang tidak sempat dinikmati oleh mereka sendiri pada masa lampau.

Dalam kebanyakan daripada temuduga-temuduga saya dengan kaum wanita di Perkampungan Portugis, mereka mengakui bahawa pendidikan merupakan satu faktor yang penting dalam kehidupan anak-anak mereka. Namun begitu, ada juga di antara kaum wanita tertentu yang memberi pendapatnya bahawa ada di kalangan wanita-wanita Serani Portugis lain yang menafikan kepentingan

pendidikan. Ini adalah kerana menurut mereka, pendidikan pada hari ini tidak semestinya dapat menjamin pekerjaan yang baik. Walau bagaimanapun, bagi kaum wanita yang menyokong pendidikan, kanak-kanak mereka sentiasanya diberi penekanan terhadap pelajaran sekolah. Kaum wanita ini seringkali mengingati anak-anak mereka bahawa pada zaman ini, adalah sukar untuk mendapat pekerjaan yang memberi gaji yang lumayan tanpa apa-apa sijil pelajaran yang sah dan sempurna.

Sebagai seorang ibu, kaum wanita di Perkampungan Portugis pada hari ini juga telahpun memberi sokongan yang sewajarnya terhadap pencapaian akademik bagi anak-anak mereka. Sebagai contohnya, ramai di antara kanak-kanak yang berumur empat tahun telah dihantar ke dalam alam persekolahan tabika.⁴ Menurut guru-guru dari tabika perkampungan tersebut, ibubapa-ibubapa yang terlibat dalam Jawatankuasa Tabika Perpaduan juga turut mengambil bahagian dalam merancangkan senarai aktiviti-aktiviti bersama-sama dengan guru-guru tabika tersebut.

Selain itu, wanita juga berusaha memberi bimbingan dalam mata pelajaran kanak-kanak tabika mereka. Walaupun kaum wanita sendirinya mempunyai kekurangan dalam pencapaian akademik mereka, namun mereka masih mampu memberi tunjukajar dalam kerja-kerja sekolah tabika yang mudah seperti mengajar menulis huruf dan angka, mewarna secara betul, mengajar jenis-jenis binatang, pokok-pokok dan sayur-sayuran. Langkah ini adalah amat penting kerana ia dapat menanam sikap gemar belajar di kalangan kanak-kanak yang masih kecil, terutamanya jika kanak-kanak ini berpeluang diberi ajaran tambahan oleh ibubapa mereka sendiri.

Di samping itu, ada juga di antara kaum wanita yang amat menegaskan tentang kehadiran di sekolah walaupun hanya pada peringkat yang awal ini. Namun begitu, terdapat juga kanak-kanak yang terlampau dimanjakan, terutamanya bila datuk nenek mereka melawat ke bandar-bandar lain di luar Melaka, mereka seringkali membawa bersama cucu-cucu mereka menyebabkan kanak-kanak ini tidak menghadiri tabika.

Selain daripada bantuan daripada ibu dan guru-guru dari segi pendidikan, murid-murid tabika ini juga pernah diberi bantuan oleh biarawati-biarawati sekolah menengah Perkampungan Portugis. Umpamanya, dalam tahun 1991, seorang biarawati keturunan Serani Portugis telah membekalkan peluang-peluang kepada keluarga-keluarga yang miskin yang tidak sanggup menghantar anak-anaknya ke tabika pada umur yang sewajarnya.

Sebenarnya, bantuan ini adalah diberi melalui pembiayaan kewangan oleh 'The West Australian Catholic Parish Group' yang berhasrat menaja projek-projek tahunan di peringkat antarabangsa. Oleh itu, biarawati tersebut telah merampas peluang ini dan mengkhususkan projek ke atas peluang-peluang kehadiran kanak-kanak ke tabika di Perkampungan Portugis.

Di bawah rancangan ini, semua kanak-kanak yang mencapai umur yang berpatutan akan dihantar ke tabika dan bagi keluarga yang tidak berupaya berbuat demikian akibat masalah kemiskinan, maka sebahagian daripada perbelanjaan persekolahan akan disubsidiakan melalui tabungan projek tersebut yang bernilai empat ribu dolar

Australia. Maka dengan ini, semua kanak-kanak telahpun dapat menikmati pelajaran pada umur yang sewajarnya dan tidak lagi dikecualikan daripada peluang keemasan ini seperti generasi-generasi yang lalu.

Kaum wanita surirumah juga memberi perhatian kepada anak-anak remaja mereka yang sedang bersekolah rendah dan menengah. Bagi rumah tangga yang mampu, kaum wanita akan menghantarkan anak-anak mereka ke kelas-kelas tambahan di luar sekolah bagi melengkapkan lagi pengetahuan pelajaran. Walau bagaimanapun, bagi keluarga yang kurang berada, kaum wanita akan mengarahkan anak-anak kecil mereka untuk mendapatkan bimbingan daripada saudara-mara atau kakak dan abang. Ini adalah kerana ada di antara kaum wanita ini tidak begitu lengkap dengan pengetahuan sendiri, maka mereka berasa adalah lebih sesuai jika anak-anak sekolah rendah mereka diajar oleh ahli keluarga yang lain yang lebih sesuai semasa tidak di sekolah.

Bagi ibu-ibu yang lebih muda, mereka masih sempat berpeluang mendapat pendidikan pada masa dahulu berbanding dengan kaum wanita tua yang kini telah menjadi nenek. Oleh itu, ibu-ibu muda ini lebih dapat memberikan bimbingan pendidikan tambahan bagi anak-anaknya semasa di rumah seperti mengajar pengiraan yang mudah ataupun membimbing pembacaan dan sebagainya. Hal ini bukanlah sentiasa demikian di dalam keluarga-keluarga yang mempunyai anak-anak remaja sekolah menengah. Ini adalah kerana sukatan pelajaran telah bertambah rumit menyebabkan kaum wanita yang kurang lengkap dengan pendidikan sendiri tidak sanggup membantu dalam pendidikan anak-anaknya pada peringkat sekolah

menengah.

Selain daripada hakikat bahawa masih terdapat kekurangan budaya pendidikan di persekitaran kampung, ada di antara kanak-kanak juga tidak sempat meneruskan pelajaran akibat faktor kemiskinan yang telahpun disebutkan pada awal buku ini. Akibatnya, masih ada kanak-kanak remaja persekolahan yang tercirir di dalam pelajaran ataupun tidak sanggup meneruskan pendidikan selepas gagal dalam peperiksaan. Oleh itu, biarawati-biarawati dari sekolah menengah Perkampungan Portugis akan memberi bantuan yang sewajarnya kepada remaja-remaja ini dan juga remaja lepasan sekolah yang ingin meneruskan kursus-kursus diploma, khususnya dalam bidang elektronik bagi kaum remaja lelaki. Bagi penuntut-penuntut yang berjaya melanjutkan diri ke peringkat universiti pula, maka persatuan biarawati tersebut akan bersedia memberi pinjaman sebanyak lima ribu ringgit seorang kepada mereka yang mempunyai masalah kewangan.

4.3.1 Kelas Murid-Murid Lembap

Adalah mujur bahawa Perkampungan Portugis mempunyai kaum wanita yang tertentu yang bertekad kuat untuk memajukan taraf pendidikan komuniti mereka. Golongan wanita ini dipandu oleh biarawati-biarawati dari sekolah menengah dan bersama-sama mereka merancang untuk membantu kanak-kanak yang lembap dalam pencapaian akademik.

Kelas-kelas tambahan yang disebut kelas murid-murid lembap (slow learner class) dibentuk pada setiap hari Selasa ke Jumaat

selama satu setengah jam bagi tujuan ini. Kanak-kanak ini ada yang berdarjah dua dan ada juga yang sebesar tingkatan satu tetapi masing-masingnya masih tidak lengkap dengan pengetahuan-pengetahuan yang asas yang sepatutnya dimilikinya berdasarkan peringkat umur. Ini termasuklah perkara-perkara seperti membezakan warna, mengeja perkataan-perkataan yang mudah dalam bahasa Inggeris, masalah pertuturan dan masalah mengikut arahan guru dalam melakukan kerja-kerja sekolah.

Menurut salah seorang wanita yang mengajar kelas-kelas ini, secara asasnya, kanak-kanak tersebut adalah lembap dari segi keupayaan belajar. Walau bagaimanapun, mereka masih sanggup dijadikan setanding dengan murid-murid lain yang sebaya dengan mereka sekiranya kanak-kanak lembap ini diberi perhatian dan bimbingan yang lebih khusus dalam kerja-kerja mereka. Oleh sebab itulah kelas-kelas yang kecil seperti ini diwujudkan supaya mereka akan dapat perhatian yang sepenuhnya kerana bilangan murid dalam ses sebuah kelas ini adalah hanya tujuh hingga lapan orang.

Sebenarnya, biarawati-biarawati yang mengetuai kerja-kerja ini hanya memberi garis panduan tentang cara-cara mengajar murid-murid lembap ini. Yang melangsungkan kerja pengajaran adalah kaum wanita yang bersukarela untuk membantu kanak-kanak tersebut. Kerja-kerja kelas tambahan ini termasuklah aktiviti-aktiviti seperti membelajar mengkategorikan objek-objek, organisme-organisme, tumbuhan-tumbuhan dan sebagainya. Guru-guru wanita juga mengajar ejaan, perbendaharaan kata, pengiraan, pembezaan warna, melukis dan kraf tangan. Tambahan pula, murid-murid adakalanya diberi masa bermain kad-kad yang berunsur pendidikan

seperti kad UNO di mana mereka diajar membezakan kad-kad mengikut warna, nombor dan peraturan permainan.

Selain itu, biarawati-biarawati juga telah berusaha mendapatkan kebenaran daripada ibubapa supaya membenarkan anak-anaknya yang terlalu lembap untuk dikeluarkan dari kelas biasa. Lazimnya, ini dilakukan selama satu hingga dua bulan supaya pengajaran intensif yang khusus dapat diberikan kepadanya dan juga supaya ia dapat disetandingkan dengan pencapaian murid-murid yang seumur dengannya.

Para biarawati ini tidaklah melakukan rancangan sebegini berdasarkan budi-bicara sendiri. Sebaliknya mereka telah menghadiri kursus-kursus yang mengajar tentang cara-cara yang berkesan bagi menjalankan pengajaran. Menurut seorang biarawati yang pernah menghadiri kursus seperti ini di Pulau Pinang, didapati murid-murid sebesar tingkatan dua yang pada asalnya tidak fasih dengan pembacaan dan penulisan telahpun kini mencapai kemahiran tersebut dalam masa dua bulan melalui taktik pengajaran ini. Tambahan pula, menurut biarawati tersebut, pengajar sepatutnya membimbing dan mengajar dari mana murid tidak faham dan menambah-tokokkan aspek-aspek yang mana mereka kekurangan.

Sebenarnya, para biarawati telahpun memainkan peranan yang besar bukan sahaja dalam membantu hal-hal kebajikan komuniti Perkampungan Portugis, bahkan secara lebih khususnya, mereka telah membantu kaum wanita Serani Portugis dalam membentuk kesedaran kepentingan pendidikan. Bolehlah dikatakan bahawa kaum wanita telah dipimpin dan telah bekerja bersama-sama dengan

para biarawati ini untuk memajukan taraf dan meningkatkan imej mereka. Namun begitu, secara amnya, budaya pendidikan dan pembelajaran masih kelihatan tidak berleluasa di dalam Perkampungan Portugis dan kelihatan seolah-olah masih ada kaum wanita yang teragu-agu akan kepentingan aspek ini. Ini adalah kerana walau pun ada di antara kaum wanita yang sendirinya tidak mempunyai pendidikan yang lengkap, namun mereka mengakui tentang kepentingan pendidikan bagi anak-anak mereka pada zaman ini. Kaum wanita seperti ini bersama-sama suaminya akan berusaha sedaya-upaya untuk menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka sekurang-kurangnya sehingga menamatkan peringkat sekolah menengah. Sebaliknya, ada pula yang masih menafikan kepentingan aspek ini dan membiarkan anak-anak mereka tercicir dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, dengan adanya usaha kepimpinan dan tekad para biarawati, kaum wanita pasti akan berpeluang menyumbangkan peranan mereka secara lebih berkesan lagi dalam pendidikan pada masa depan.

4.4 RUMUSAN

Peranan yang dimainkan oleh para wanita di Perkampungan Portugis masih sebahagian besarnya terpaksa bergantung kepada pimpinan-pimpinan yang berkualiti, baik dari segi sosial ataupun pendidikan. Aktiviti-aktiviti sosial yang wujud di persekitaran perkampungan tersebut adalah sebahagian besarnya berkait dengan kegiatan-kegiatan keagamaan kerana hanya melalui cara inilah kaum wanita dapat dipergiatkan sebab mereka amat mengambil berat terhadap hal-hal keagamaan. Selain itu, dari segi pendidikan pula, kaum wanita banyak bergantung kepada usaha-usaha yang

dipermainkan oleh para biarawati kerana mereka sendiri masih kekurangan inisiatif dan kesedaran yang secukupnya untuk meningkatkan taraf pendidikan di kalangan anak-anak mereka. Meskipun kaum wanita memperakui kepentingan pendidikan dari segi teorinya, namun tekad untuk menjalankan tanggungjawab seolah-olahnya masih kabur dari segi praktiknya. Ini adalah kerana tidak dapat dinafikan bahawa masalah kewangan masih merupakan halangan utama dalam membenarkan penerusan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh sebab itu, bantuan-bantuan kewangan atau biasiswa patut diberikan kepada mereka kerana tanpa sumber-sumber ini, mereka tetap berada pada tingkat pencapaian yang samarata di antara satu sama lain walaupun mungkin ada di antaranya yang masih terdaya mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi.

NOTAKAKI

1. Hose adalah merupakan sejenis makanan suci yang diperbuat daripada tepung. Ianya akan diberikan kepada orang-orang Katolik yang menghadiri gereja untuk bersembahyang. Hose ini adalah sebagai lambang tubuh badan Jesus untuk memperingati orang-orang Katolik bahawa Tuhan adalah sebahagian daripada mereka.
2. "Coffin mourning" adalah satu bentuk ritual yang diamalkan oleh kaum Serani Portugis di mana perkhidmatan berkabung akan diberikan apabila terdapat sesuatu kematian.
3. Gaji bagi paderi adalah hasil daripada sebahagian kutipan derma dari orang-orang Katolik semasa bersembahyang di gereja.
4. Tadika di Perkampungan Portugis adalah berbunyi TABIKA dan bukannya TADIKA kerana TABIKA mewakili Taman Bimbingan Kanak-kanak.

BAB V

ETNISITI, BUDAYA, DAN BAHASA

5.1 PENGENALAN

Daripada bab-bab yang telah dikemukakan sebelum ini mengenai latarbelakang dan peranan wanita di Perkampungan Portugis, kini saya ingin membincangkan secara khususnya ciri-ciri unik komuniti ini dengan memperluaskan skop peranan wanita kepada seluruh komuniti Serani Portugis. Melalui perbincangan aspek-aspek ini, maka akan dapat memperlihatkan bagaimana peranan wanita dapat disepadukan ke dalam sistem-sistem nilai komuniti tersebut bagi memperlengkapkan lagi penggambaran kehidupan mereka secara keseluruhannya.

5.2 ETNISITI

Secara umumnya penduduk-penduduk di Perkampungan Portugis adalah digelar sebagai Serani Portugis ataupun secara lebih khususnya, "Malaysian Portuguese Eurasians". Walau bagaimanapun, pada suatu masa dahulu, mereka hanya digelar "Malaysian Portuguese" sahaja sebagaimana menurut Bernard Sta Maria (1979c: 1): "Malaysian Portuguese is the end result of a Portuguese Malaysian marriage, the off-spring of converts and those that were assimilated into the Malaysian Portuguese main stream".

Pada hari ini, menurut kebanyakan daripada penduduk-penduduk Perkampungan Portuguese, sebutan Eurasian iaitu Serani ditambahkan untuk menunjukkan bahawa mereka adalah hasil daripada

sesuatu perkahwinan campur. Menurut Bernard Sta Maria (1982: 26) lagi, Goa dan Brazil telah merujuk kepada keseluruhan komuniti Portugis, termasuk warisan-warisan mereka dari Malaysia, sebagai Luzo-tropical kerana mereka mengongsi ciri-ciri sosio-budaya yang tertentu. Rev. M.J. Pintado mungkin merupakan orang pertama yang menggelar kaum warisan Portugis di Malaysia sebagai Luzo Malays kerana sebahagian besar bilangan perkahwinan campur pada masa itu berlaku di antara kaum Portugis dengan kaum Melayu di Malaysia dan Indonesia (Bernard Sta Maria 1982: 26). Kaum Serani Portugis hari ini bukan sahaja berasal daripada perkahwinan campur zaman silang yang menghasilkan Topazese, bahkan ia juga melibatkan orang-orang tempatan dan orang-orang Melayu yang telah menganut agama Katolik dan diberikan nama-nama Portugis.

Di samping itu, kaum Serani Portugis hari ini juga sebahagiannya dapat dikesan balik kepada nenek-moyang yang berketurunan Belanda kerana ada juga di antara bangsa Belanda yang telah mengahwini kaum Portugis pada zaman penjajahan mereka di Melaka. Bagi bangsa Belanda yang mempunyai nama Van Huzen ini, bukan sahaja anak-anak mereka mewarisi wajah-wajah yang cantik hasil daripada perkahwinan campur dengan kaum Serani Portugis, bahkan mereka juga menerima dan mempergunakan bahasa, adat dan tradisi-tradisi Portugis (Bernard Sta Maria 1979c: 2).

Kaum Perkampungan Portugis juga merupakan hasil daripada perkahwinan campur antara orang-orang Portugis ataupun orang-orang Serani Portugis dengan kaum Melayu, Cina dan India. Oleh itu, ada di antara Serani Portugis yang mewarisi nama-nama

seperti Nathan, Young dan Banerji (Bernard Sta Maria 1979c: 1). Di samping itu, bagi mereka yang mengahwini bangsa Belanda pada zaman penjajahan Belanda, nama-nama Belanda juga turut diwarisi Oleh itu, selain daripada nama Van Huzen, nama-nama Belanda yang lain adalah seperti Danker, Spykerman, Frederik, Cornelis, Min-joot dan Goonting (Ronald Daus 1989: 17).

Bagi mereka yang mewarisi nama-nama asal nenek-moyang kaum Portugis, nama-nama yang masih wujud pada hari ini adalah seperti Texeira, de Costa, de Silva, Rodrigues, Sta Maria, Monteiro, Pereira, Gomez, Lazaroo dan sebagainya. Asalkan perkahwinan masih dilangsungkan di kalangan orang Serani Portugis sesama diri, nama-nama ini pasti dapat diteruskan kecuali jika seseorang wanita Serani Portugis mengahwini kaum-kaum petempatan yang lain yang mana ia terpaksa mengikut nama suaminya. Oleh yang demikian, kaum wanita Serani Portugis memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan identiti dan etnisiti komuniti mereka. Ini adalah kerana bukan sahaja mereka terpaksa menjaga warisan nama, bahkan mereka berperanan memupuk unsur-unsur keseranian Portugis ke dalam anak-anak mereka pada masa depan samada melalui perkahwinan sesama kaum Serani Portugis ataupun dengan kaum-kaum yang lain.

Walaupun komuniti Serani Portugis ini hanyalah mewakili bilangan peratusan yang terhad, namun mereka adalah unik sebagai satu etnik bukan sahaja kerana sejarah penjajahan Portugal yang terkemuka di Malaysia dan di tempat-tempat lain, bahkan mereka adalah unik dari segi budaya. Menurut penulisan Rony Monteiro (1979) :

"Even being such a small amount of people, we are an ethnic group. By using the word ethnic, means we are a race, a group of people of mankind having physical, mental and cultural characteristic in common.....
.....we have inherited most if not all that still makes us unique, and that is the language, culture and religion of what makes us a race".

Secara khususnya, kebanyakan kaum Serani Portugis mempunyai bentuk rupa fizikal dan warna kulit yang hampir mirip dengan kaum Melayu seperti berhidung mancung, bermata besar dan ada yang berambut kerinting ataupun lurus. Walau bagaimanapun, ada di antara mereka yang mempunyai warna kulit yang putih melepak sehingga adakalanya lebih putih daripada kaum Cina. Lazimnya, bagi seorang Cina dan India, mereka jarang dapat meneka samada seseorang itu adalah keturunan Portugis ataupun keturunan Melayu melainkan jika mempunyai banyak peluang berinteraksi dengan mereka, seperti orang-orang Cina dan India di Melaka. Begitu juga, kadang-kadangnya orang Melayu sendiri itu tersilap anggap bahawa seseorang Serani Portugis itu adalah kaum Melayu. Hal ini kerap berlaku sehingga ada di antara orang Serani Portugis di Kuala Lumpur yang dituduh bermakan pada bulan puasa. Kadangkala pula, ada di antara kaum Serani Portugis di bandar-bandar lain yang ditegur dalam bahasa Melayu oleh orang lain pada halnya kedua-duanya fasih bertutur dalam bahasa Inggeris. Oleh kerana wujudnya kejadian-kejadian yang lucu ini, maka biasanya seseorang Serani Portugis akan memakai rantai dengan tanda palang dan ditonjolkan di kolar kemeja supaya dapat mengelakkan diri daripada hal-hal yang tidak dijangkakan.

Selain daripada itu, bentuk tubuh badan seseorang Serani Portugis biasanya adalah tegap dan besar. Lazimnya kaum wanita

di Perkampungan Portugis mempunyai bentuk badan yang lebih gemuk yang mungkin pada pendapat saya adalah diakibatkan oleh kelahiran bilangan anak yang ramai. Kebanyakan daripada kaum wanita ini memakai baju Melayu seperti baju kebaya atau kain sarong melainkan anak-anak remaja perempuan yang lebih muda yang memakai seluar pendek dengan kemeja-T.

5.2.1 Corak Interaksi di Peringkat Lokal dan Supra Lokal

Dalam interaksi seharian pada peringkat lokal, kaum Serani Portugis sering bertutur dalam bahasa Portugis, terutamanya di kalangan generasi yang lebih tua. Selain itu, mereka juga sering menegur antara satu sama lain dalam bentuk ejekan seperti istilah bell-lerk bagi mengejek anak-anak perempuan kecil yang banyak bercakap dan berlagak seperti orang besar. Furiadek pula merupakan istilah yang biasa digunakan untuk mengejek anak-anak kecil yang suka berpakaian cantik dan sebagainya. Salah satu tanda seruan yang lazim digunakan adalah istilah nyamai untuk mengejek apa-apa yang luarbiasa ataupun memarahi kanak-kanak yang nakal. Selain itu, bagi mereka yang suka menangis, maka akan diejek sebagai curang dan yang suka menyusahkan orang lain diejek sebagai sibau. Walau bagaimanapun, akibat daripada pengaruh persekolahan, ramai di antara kalangan orang muda bertutur dalam bahasa Inggeris, samada di antara adik-beradik ataupun dengan jiran tetangga.

Dalam interaksi peringkat supralokal pula, iaitu interaksi yang berlangsung di luar Perkampungan Portugis dengan kaum-kaum tempatan yang lain, bahasa perantaraan biasanya adalah bahasa

Melayu ataupun bahasa Inggeris. Interaksi di antara kaum Serani Portuguese dengan kaum-kaum lain masing-masing mempunyai pandangan yang stereotaip antara satu sama lain. Dalam hal ini, walaupun terdapat gelaran-gelaran tertentu yang diberikan kepada kaum lain, namun kaum Serani Portugis juga diejek kembali dengan gelaran-gelaran yang dipaksakan ke atas mereka.

Orang-orang Serani Portugis biasanya merujuk kepada orang Cina sebagai ci-nerk mengikut nada yang betul. Mereka juga menegur kaum Melayu dan kaum India sebagai natibook dan muruk masing-masing. Dari mana asalnya gelaran-gelaran seperti ini adalah tidak begitu jelas tetapi dalam interaksi saya dengan komuniti Serani Portugis, selain daripada berasa bahawa gelaran-gelaran ini berunsurkan ejekan, ia juga seringkali membawa makna atau implikasi yang negatif. Sebagai contohnya, orang-orang dewasa akan mengejek bahawa seseorang kanak-kanak akan menjadi muruk kerana sentiasa bermain di bawah cahaya matahari yang panas menyebabkan warna kulit menjadi hitam. Selain itu, mereka juga mengejek dan mengatakan bahawa seseorang itu kotor dan busuk seperti kaum Cina kerana tidak bermandi pada waktu pagi. Begitu juga, sesiapa yang bersikap malas akan kadangkala ditegur sebagai natibook. Oleh itu, gelaran-gelaran ini bukan sahaja merupakan peneguran kepada kaum lain, bahkan ia digunakan untuk mengejek sesiapa sahaja yang bersikap seperti kaum-kaum lain. Walau bagaimanapun, gelaran-gelaran ini jarang digunakan di depan kaum-kaum berkenaan untuk mengelakkan konflik. Namun begitu, bagi kaum-kaum tempatan lain yang rapat dengan kaum Serani Portugis, adakalanya gelaran-gelaran ini masih digunakan di depan mereka.

samada sebagai tanda kemesraan ataupun sebagai tanda ejekan.

Keadaan yang sebaliknya juga berlaku ke atas kaum Serani Portugis. Walaupun komuniti ini adalah digelar Serani Portugis Malaysia, namun sebenarnya istilah ini hanyalah merupakan apa yang hendak digelar oleh kaum Serani Portugis itu sendiri dan bukannya peneguran yang diberikan oleh kaum-kaum lain terhadap mereka.

Secara amnya, komuniti ini biasa digelar sebagai Kristang yang sebenarnya adalah merujuk kepada bahasa Portugis bermakna Kristian. Ada di antara kaum-kaum lain yang mengejek kaum Serani Portugis sebagai "gerago". Ini adalah kerana kebanyakannya daripada komuniti ini adalah kaum nelayan yang terkenal dengan penangkapan geragau dalam kuantiti yang berlebihan untuk membuat belacan. Oleh yang demikian, teguran terhadap mereka telah disamakan dengan istilah geragau, hanya sebutannya diubahkan sedikit. Sehingga hari ini, masih ada lagi kaum-kaum lain yang menggunakan istilah tersebut dan kaum Serani Portugis adalah kurang senang dengannya kerana didapati mereka berasa teragu-agu dan segan hendak memberitahu saya tentang sebutan ini apabila ditanya pada mulanya.

Umumnya, boleh dikatakan bahawa interaksi yang berlangsung di antara kaum Serani Portugis dengan yang lain adalah dalam suasana yang aman. Walaupun kaum Serani Portugis sering melabelkan nama-nama tertentu ke atas kaum-kaum lain, dan juga sebaliknya, namun ini biasanya dilakukan secara tidak terbuka. Apabila mereka keluar bergaul dengan kaum-kaum lain, sifat

bersopan-santun dari segi bahasa dan tingkah laku akan ditonjolkan.

Salah satu tempat di mana terdapat kadar interaksi yang tinggi adalah di gereja pada penghujung minggu. Pada masa ini, kaum Serani Portugis bukan sahaja bertemu dengan kaum Cina dan India yang beragama Katolik, bahkan mereka tegur-menegur antara satu sama lain samada sebagai tanda persahabatan ataupun untuk bersalaman dengan mereka. Ada juga yang mengambil kesempatan untuk berborak-borak dengan kawan-kawan yang dahulunya bekerja di tempat yang sama dan ada pula di antara remaja-remaja yang telah membuat temujanji-temujanji dengan kawan-kawan sekolah untuk bertemu di gereja. Namun begitu, lazimnya kaum Serani Portugis masih cenderung untuk berkumpul sesama sendiri di luar gereja apabila tempat duduk dalam gereja telah dipenuhi. Walau bagaimanapun, kecenderungan berkumpul di dalam gereja adalah kurang jelas dalam corak kedudukan tempat kerana kelihatan masing-masingnya berselerak di antara satu kaum dengan yang lain melainkan keadaan di mana sesebuah keluarga itu mungkin menduduki satu bangku yang sama.

Di samping sempat bergaul dengan kaum Cina dan India yang beragama Katolik di gereja, komuniti Serani Portugis juga berinteraksi dengan sebahagian daripada etnik Baba yang merupakan pemuka-pemuja Jesus dan Mother Mary pada hari Good Friday di gereja Saint Peter's. Selain itu, komuniti Perkampungan Portugis juga seringkali bertemu dan bergaul dengan etnik Baba, terutamanya apabila mereka mengunjungi ke Perkampungan Praya Lane

di Bandar Hilir. Ini adalah kerana perkampungan ini bukan sahaja diduduki oleh sebahagian besar kaum Serani Portugis yang telah berkahwin campur, bahkan sebahagian daripada kaum Baba juga telah menetapi di dalam ataupun di persekitaran perkampungan ini (Tan Chee Beng 1988: 217-218).

Kaum Serani Portugis juga berpeluang berinteraksi dengan kaum lain di tempat-tempat kerja seperti di pejabat-pejabat dan kilang-kilang tempatan atau di bandar-bandar lain. Pada peringkat interaksi supra-lokal ini, walaupun pergaulan adalah secara harmoni pada permukaannya, namun menurut salah seorang pekerja Serani Portugis di sebuah institusi bank di Kuala Lumpur, apabila wujudnya krisis-krisis tertentu seperti majikan hendak menaikkan pangkat salah seorang pekerja, didapati bahawa kaum lain masing-masing memihak dan menyokong kepada etnik-ethniknya sendiri. Keadaan seperti ini secara tidak langsungnya menyebabkan pekerja Serani Portugis tersebut berasa diterasingkan. Oleh sebab itulah, maka ada di antara kaum Serani Portugis yang sanggup meninggalkan tempat kerja untuk pulang ke Perkampungan Portugis dan berusaha menjalankan kerja perikanan. Bagi mereka yang berasib baik, maka biasanya kenaikan pangkat adalah diberikan berdasar kepada ketekunan dan kecerdasan keupayaan bekerja.

5.2.2 Perkahwinan-Perkahwinan Campur

Oleh kerana wujudnya pergaulan di antara pelbagai kaum lain dengan komuniti Perkampungan Portugis, maka sebab itulah wujudnya bilangan perkahwinan campur yang kian meningkat. Lazimnya,

pasangan-pasangan kaum lain yang ditemui oleh seseorang Serani Portugis adalah samada berasal dari tempat kerja seperti di kilang-kilang ataupun ditemui semasa bekerja di bandar-bandar lain seperti di Singapura atau Kuala Lumpur. Menurut rekod gereja St. Peter's di Melaka, antara 2 Mei 1981 hingga 5 Jun 1993 terdapat seramai lima-belas orang perempuan Cina, mengahwini Serani Portugis dari Perkampungan Portugis berbanding dengan kaum perempuan India yang hanya seramai enam orang. Selain itu, dalam jangka masa yang sama, didapati empat-belas lelaki Cina dan lima orang lelaki India serta seorang Sabahan telah mengahwini kaum wanita Serani Portugis dan perkampungan yang sama. Perkahwinan campur ini bukanlah hanya berlaku dengan dua kaum etnik tersebut, bahkan ada juga di antara kaum Serani Portugis yang mengahwini kaum Melayu dan menganut agama Islam. Walau bagaimanapun, hal ini adalah lebih jarang berlaku sebagaimana menurut John R. Clammer (1986: 62):

"They are furthermore not in much of a position to expand themselves as they are largely endogamous as a result of being Roman Catholics".

Ini adalah amat benar terutamanya dalam hal perkahwinan campur antara orang Serani Portugis dengan kaum Melayu.

Sebenarnya, kaum wanita Serani Portugis memainkan peranan yang amat penting dalam sesebuah keluarga perkahwinan campur. Ini adalah kerana biasanya selepas perkahwinan dengan kaum lain, mereka akan berpindah keluar dan menginap dengan suami di rumahnya atau flat di luar Perkampungan Portugis ataupun dengan keluarga suaminya. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan kaum wanita Serani Portugis tersisih dari kebudayaannya sendiri

tetapi pada masa yang sama, mereka adalah dipertanggungjawabkan untuk menyemai nilai-nilai budaya Portugis yang berpatutan kepada anak-anak mereka dalam bahasa, agama dan adat-adat tradisi demi untuk mengekalkan identiti mereka.

Sebaliknya, bagi kaum lelaki Serani Portugis yang mengahwini kaum-kaum lain, lazimnya isteri mereka akan dijemput untuk menetap di Perkampungan Portugis. Maka hal menjadi kurang rumit kerana anak-anak hasil daripada perkahwinan campur ini akan dibesar dan dipengaruhi oleh kebudayaan alam persekitaran Perkampungan Portugis melainkan jika lelaki Serani Portugis tersebut menetap di luar perkampungannya dan diakulturasikan oleh budaya-budaya yang lebih dominan. Keadaan seperti ini menjadi lebih jelas terutamanya apabila seseorang Serani Portugis mengahwinan seorang isteri atau suami kaum Melayu kerana bukan sahaja mereka terpaksa menganut Islam, bahkan mereka terpaksa juga mengekangkan diri daripada memakan daging babi dan menghadiri gereja.

Sebenarnya dalam keadaan realiti, kedua-dua budaya tersebut ada diserapkan ke dalam sistem-sistem nilai masing-masing kerana kelihatan wujudnya pertindihan di antara pengamalan-pengamalan adat dan nilai-nilai tertentu dalam sesetengah keluarga perkahwinan campur ini. Sebagai contohnya, ada di antara kaum Serani Portugis yang telah menganut Islam masih melangkah masuk ke dalam gereja walaupun mungkin tidak bersembahyang. Selain itu, kaum wanita kaum lain yang telah mengahwini kaum Serani Portugis dan menetap di perkampungan tersebut juga mengakui bahawa mereka turut menyambut perayaan hari Natal. Sebaliknya

pada Hari Raya Puasa pula, kaum Serani Portugis yang beragama Islam juga merayakannya seperti mana-mana keluarga Muslim yang lain.

Walau bagaimanapun, larangan-larangan yang ketara pasti diikuti seperti tidak memasak lauk daging babi ataupun tidak meletakkan mazbah di dalam rumah. Selain itu anak-anak hasil daripada perkahwinan campur ini juga biasanya bertutur dalam bahasa Melayu. Menurut seorang bapa Serani Portugis yang beristerikan Melayu, ia terpaksa bertutur dengan anak-anaknya dalam bahasa Melayu kerana mereka segan hendak mempelajari bahasa Portugis sejak kecil lagi walaupun mereka menetap di Perkampungan Portugis.

Oleh kerana wujudnya ketegangan-ketegangan dan masalah-masalah seperti ini, maka masih ramai kaum Serani Portugis yang teragu-agu tentang pergaulan dengan keluarga perkahwinan campur dengan kaum Melayu. Ini adalah kerana menurut salah seorang penduduk di perkampungan tersebut, mereka bimbang akan wujudnya salah faham orang-orang Serani Portugis yang lain terhadapnya bahawa ia hendak berbodek-bodek dengan kaum Melayu. Oleh itu, biasanya mereka setakat tegur-menegur dengan keluarga-keluarga yang berkahwin campur dengan kaum Melayu dan jarang pula melawat atau menjangkaui sempadan persahabatan formal.

Bagi seseorang kaum wanita Melayu yang menetap di dalam Perkampungan Portugis pula, pergaulan biasanya adalah terhad kepada ahli-ahli keluarga sendiri melainkan jika mereka berpeluang bekerja di dalam kedai-kedai makanan di Perkampungan

Portugis. Sebagai contohnya terdapat seorang wanita Melayu yang mengahwini Serani Portugis dan menetap di Perkampungan Portugis serta bekerja sebagai pelayan kedai di salah sebuah restoran di dalam Medan Portugis. Baginya, pergaulan adalah lebih meluas kerana ia berhubung dengan pelayan-pelayan kaum Serani Portugis lain yang bekerja di tempat yang sama. Menurut wanita tersebut, ia tidak berasa terasing di tempat kerjanya kerana kaum Serani Portugis memberi layanan yang mesra tanpa mengira perbezaan etnik. Walau bagaimanapun, pada lazimnya, sesebuah keluarga perkahwinan campur dengan kaum Melayu akan berpindah dan menetap di luar Perkampungan Portugis untuk mengelakkan apa-apa ketegangan yang mungkin dirasai oleh kedua-dua pihak etnik tersebut.

Sebenarnya, keluarga-keluarga perkahwinan campur dengan kaum Melayu lebih menampakkan keketaraannya kerana wujudnya batasan-batasan tingkahlaku dan adat-adat yang tertentu. Selain itu, menurut salah seorang penduduk Perkampungan Portugis, sekiranya agama tidak merupakan salah satu batasan di antara kedua-dua etnik ini, maka kemungkinan besar lebih daripada tiga suku perkahwinan campur adalah di antara kaum Serani Portugis dengan kaum Melayu kerana kedua-dua kaum inilah yang banyak sekali berkenalan di tempat-tempat kerja perkilangan.

Batasan ini tidak dikhurasukan kepada keluarga-keluarga perkahwinan campur dengan kaum Cina dan India kerana kaum tersebut adalah lebih bersifat toleransi terhadap budaya-budaya di antara satu sama lain, terutamanya jika kedua-dua pihak suami

isteri adalah dari agama Katolik yang sama. Walau bagaimanapun, seandainya mereka itu berbeza dari segi agama, namun mereka masing-masing tidak akan memaksa pihak yang lain untuk menganuti agamanya melainkan jika dilakukan secara sukarela. Tambahan pula, kanak-kanak adalah bebas untuk mengikut nama-nama berdasarkan samada bapanya adalah kaum Serani Portugis ataupun Cina dan India. Walaupun bapa mereka mungkin bukan Serani Portugis, namun mereka boleh diberikan nama-nama Kristian.

Yang menjadi masalah utama dalam perkahwinan campur seperti ini adalah bahawa biasanya, kaum Serani Portugis menginginkan anak-anaknya itu dibaptiskan di gereja tanpa mengira ibunya adalah beragama Kristian atau tidak. Oleh itu masalah ini terpaksalah dirunding dan dipersetujui sebelum perlangsungan sesuatu perkahwinan campur dengan kaum Cina atau India yang bukan beragama Katolik supaya tidak menimbulkan kesusahan pada masa depan.

Oleh sebab wujudnya perbezaan dalam masalah-masalah persekutuan budaya, maka adalah jelas bahawa kaum Serani Portugis masih lebih mengutamakan perkahwinan campur dengan kaum Cina atau India berbanding dengan kaum Melayu.

Selain daripada itu, selepas perkahwinan campur berlaku, kadar interaksi berlaku secara lebih tinggi di mana kini seseorang Serani Portugis bukan sahaja berinteraksi dengan isteri atau suaminya yang ber kaum lain, bahkan adakalanya ia juga berinteraksi dengan keluarga mertuanya. Sebagai contohnya, terdapat seorang wanita Serani Portugis yang mengahwini seorang

kaum India dan menetap di Kuala Lumpur. Walaupun telah berkahwin, namun mereka masih seringkali kembali bersama-sama ke Perkampungan Portugis. Maka dalam masa inilah suaminya akan mengambil kesempatan untuk berinteraksi secara rapat dengan ahli-ahli keluarga isterinya.

Walaupun wujudnya perbezaan etnik, namun kebanyakan masanya interaksi berlaku secara lancar. Ini dapat dilakukan sekiranya ‘orang luar’ tersebut bersikap toleransi terhadap segala adat dan budaya suami atau isteri Serani Portugisnya. Ia tidak patut bertingkah laku gugup kerana ini akan menimbulkan ketidak-senangan di kalangan ahli-ahli keluarga mertua yang lain. Sebagai contohnya, seseorang Cina yang mengikuti suami atau isteri Serani Portugisnya balik ke kampung patut menyesuaikan diri dengan budaya mereka seperti memakan dengan tangan, jangan sekali-kali ingin menunjukkan kepandaian atau kekayaan ataupun bersikap cerewet. Ini adalah perlu supaya ‘orang luar’ ini bukan hanya akan dapat merasa bahawa dirinya adalah diterima oleh keluarga atau komuniti tersebut, bahkan pada hakikatnya ia mesti melakukan sedemikian supaya komuniti tersebut betul-betul mengambilnya sebagai sebahagian daripada mereka.

Selain daripada contoh di atas, dalam Perkampungan Portugis terdapat juga sebuah rumahtangga yang menjalankan perniagaan makanan dan telah membenarkan anak menantu lelaki Cinanya menjalankan penjualan ‘pau’ iaitu roti Cina di dalam kawasan rumahnya. Walaupun anak perempuan dan anak menantunya menetap di luar Perkampungan Portugis, namun mereka bertemu dengan keluarga perempuan itu pada tiap-tiap hari. Menurut ahli-ahli keluarga

tersebut, menantunya begitu rapat dengan mereka, bahkan ia sanggup bertutur dalam bahasa Portugis kerana sentiasa bertemu dengan pelanggan-pelanggan dari perkampungan tersebut. Maka dengan ini, bukan sahaja keluarga mertua lelaki Cina ini bergaul secara rapat dengannya, bahkan ia begitu mesra dengan penduduk-penduduk perkampungan tersebut sehingga perniagaannya mendapat sambutan yang baik dari mereka.

Selain daripada itu terdapat lagi seorang wanita Cina yang mengahwini Serani Portugis dan tinggal di Perkampungan Portugis. Ia adalah aktif dalam kegiatan-kegiatan yang diceburi oleh kaum wanita Serani Portugis yang lain seperti upacara Block Rosery, Persatuan Ibu-Ibu Kristian, Kumpulan Liturgi dan sebagainya. Walaupun pada hakikatnya wanita Cina ini adalah 'orang luar', namun keterlibatannya secara aktif sebagai ahli dan pemimpin dalam aktiviti-aktiviti wanita telah meningkatkan pergaulan dan kemesraannya dalam Perkampungan Portugis sehinggakan mereka sentiasa merujuk kepadanya sebagai pemimpin agama komuniti tersebut. Dalam hal ini, walaupun wanita Cina ini adalah berlainan etnik daripada Serani Portugis, namun ia telah membuktikan penerimaan dirinya ke dalam komuniti Serani Portugis. Sebenarnya, keadaan seperti ini adalah bergantung kepada samada seseorang yang berlainan etnik itu sudi membenarkan dirinya bergaul dengan orang-orang Perkampungan Portugis kerana pada asasnya, komuniti tersebut adalah mesra orangnya.

5.2.3 Kepentingan Agama

Salah satu daripada ciri unik komuniti Perkampungan Portugis yang lain adalah agama mereka. Faktor yang terpenting mempengaruhi kehidupan sehari-hari adalah kepegangan terhadap agama Katolik yang kuat. Mereka bukan sahaja membezakan diri daripada pemegang-pemegang ugama lain, bahkan mereka sentiasa menjauhkan diri daripada disamakan dengan agama Protestant.

Kebanyakan keluarga-keluarga di Perkampungan Portugis mengunjungi ke gereja pada setiap penghujung minggu dan setiap rumahtangga pasti mempunyai sebuah mazbah di dalamnya dengan gambar-gambar Jesus serta Our Lady Mother Mary. Kanak-kanak sejak kecil lagi telah ditanam tabiat mengunjungi ke gereja, bahkan mereka dibaptiskan sejak kelahiran dan dikurniakan sepasang Godparents¹ yang berperanan membimbing bayi itu dari segi keimanan dan keagamaan. Ada juga di antara kanak-kanak sebelum alam persekolahan fasih dalam penyebutan ayat-ayat agama.

Selain daripada itu, ada juga di antara keluarga-keluarga yang mengamalkan bersembahyang di rumah, sekurang-kurangnya dua atau tiga kali seminggu. Dalam masa inilah semua ahli keluarga akan duduk bersama-sama di mana bapa akan mengetuai sesi bersembahyang itu. Penduduk-penduduk Perkampungan Portugis juga amat ikhlas dalam menghadiri setiap upacara bersembahyang khas di perkampungan mereka. Upacara-upacara² ini adalah dipandang berat kerana mereka berasa sebagai seorang Katolik, segala kewajiban dan tanggungjawab keagamaan patut ditunaikan. Oleh sebab itulah, setiap bayi yang dilahirkan mesti dibaptiskan supaya bukan sahaja

bayi tersebut dilahirkan ke dalam sesebuah keluarga Katolik, bahkan ia dibesarkan juga di bawah pengaruh keagamaan Katolik.

5.3 CORAK KEBUDAYAAN DAN PERAYAAN

Selain daripada aspek agama, budaya Perkampungan Portugis juga dapat diperlihatkan di dalam perayaan-perayaan mereka. Pertunjukkan pentas tarian Portugis merupakan salah satu aspek yang penting dalam budaya mereka. Kumpulan-kumpulan tarian ini adalah masih popular dan dipentaskan pada setiap hari Sabtu malam di Medan Portugis. Selain daripada itu, tarian Portugis juga dapat ditonton pada perayaan-perayaan tertentu ataupun mengadakan pertunjukkan di kelab-kelab malam atau hotel-hotel seperti di Sabah dan Sarawak, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Tambahan pula, kumpulan-kumpulan tarian tersebut juga mengadakan lawatan pertunjukkan ke negara-negara lain seperti Hong Kong, Macau dan Singapura.

Corak tarian Portugis ini juga telahpun diasimilasikan oleh budaya Melayu di mana terdapatnya sedikit persamaan dari segi lagu dan tariannya. Sebagai contohnya, tarian Branhyo mempunyai sedikit unsur-unsur persamaan dengan tarian Ronggeng. Tarian-tarian Portugis ini adalah penting bagi menonjolkan keunikan budaya Portugis kerana ianya bukan sahaja diadakan bagi tujuan pertunjukkan, bahkan kaum Serani Portugis juga menari tarian-tarian tersebut pada hari-hari perayaan majlis perkahwinan.

Selain itu, Pesta San Pedro juga mewakili budaya Serani Portugis. Sebenarnya pesta ini merupakan hari perayaan bagi kaum

nelayan di mana mereka akan mengadakan pertandingan perhiasan bot-bot mereka. Seiringan dengan itu, ia juga telah meliputi aspek-aspek lain seperti mengadakan pelbagai bentuk penghiburan seperti makan-makanan dan permainan-permainan, acara-acara hiburan laut, pertandingan jalan-kaki, pameran-pameran dan sebagainya. Pertandingan ini dilangsungkan selama tiga hari dari 27 Jun ke 29 Jun setiap tahun yang mana pertandingan perhiasan bot-bot serta upacara pencucurian bot-bot tersebut pada hari terakhir merupakan klimaks bagi perayaan ini. Selain itu, sesi bersembahyang juga akan diadakan di mana dewan sekolah menengah di Perkampungan Portugis itu akan dipenuhi oleh orang ramai untuk bersembahyang.

Pesta San Pedro merupakan perayaan yang paling dikehjari dan diminati oleh komuniti Perkampungan Portugis kerana ia merupakan satu perayaan bagi semua ahli Serani Portugis dan tidak wujudnya perayaan-perayaan lain yang menyamai bentuk perayaan Pesta San Pedro di bahagian dunia ini. Keadaan suasana menjadi riang-ria di persekitaran perkampungan ini sejak beberapa hari sebelum perayaan pesta kerana masing-masing sibuk dengan persiapan, terutamanya ahli-ahli jawatankuasa yang merancangkan perayaan ini dan juga ahli-ahli rumahtangga lain yang mengambil bahagian dalam mendirikan kedai-kedai permainan sebagai acara-acara perhiburan. Perniagaan-perniagaan kecil ini banyak dilakukan oleh kaum Serani Portugis dalam pesta ini kerana bukan sahaja mereka dapat mempelbagaikan acara-acara pesta bagi menarik lebih pelawat-pelawat, bahkan mereka juga biasanya berjaya mendapat keuntungan lebih daripada kos yang telah digunakan.

Hari Natal juga merupakan salah satu perayaan terpenting bagi kaum Perkampungan Portugis. Pada musim ini, anak-anak yang bekerja di bandar-bandar lain biasanya akan mengambil cuti selama seminggu jika dibenarkan untuk kembali ke kampung halaman mereka. Cuti yang lama ini adalah disebabkan kebanyakan daripada mereka menggabungkan perayaan Hari Natal dengan Hari Tahun Baru.

Pada malam sebelum Hari Natal, biasanya adalah menjadi budaya anak-anak seperti remaja-remaja dan pemuda-pemudi untuk mengunjungi ke gereja untuk bersembahyang. Masa ini yang disebut Midnight Mass adalah riang sekali terutamanya bagi mereka yang dapat menemui sahabat-sahabat lama ataupun lepasan sekolah yang kini masing-masing bekerja di tempat yang berlainan. Selepas pulang ke rumah, maka mereka akan bersalaman dengan ibubapa sambil membuka hadiah-hadiah. Pada masa yang sama, mereka akan memakan hidangan yang disediakan sebelum itu kerana biasanya mereka tidak bermakan malam akibat kesibukan membuat persiapan-persiapan yang sewajarnya. Bagi keluarga-keluarga yang lebih berada, maka mereka akan berminum minuman arak sambil berbual-bual sehingga pukul tiga atau empat pagi. Walaupun sudah larut malam, namun suasana perkampungan adalah masih hingar-bingar dengan lagu-lagu Krismas yang dipasangkan.

Musim ini adalah gembira bagi semua bukan sahaja kerana menyambut Hari Natal, bahkan yang lebih penting adalah anak-anak begitu seronok dapat bersama-sama di pangkuhan ibubapa dalam musim cuti yang begitu lama ini. Hari Natal juga merupakan hari yang sibuk bagi kaum wanita kerana harus menyiapkan makanan yang lazat

dan melayan kawan-kawan atau saudara-mara yang membanjiri rumah mereka pada setiap masa.

Majlis perkahwinan juga adalah perayaan yang sibuk terutamanya bagi keluarga bakal pengantin perempuan dan juga penaja wanita (lady sponsor). Dalam setiap perkahwinan, penaja wanita bukan sahaja menjadi saksi, bahkan ia memainkan peranan menolong bakal pengantin perempuan melakukan segala persiapan perkahwinan seperti menemaninya ke kedai pakaian pengantin, menolong menguruskan jamuan teh dan majlis makan malam, dan menolong menguruskan hal pakaian pengantin pada hari perkahwinan tersebut. Bagi pihak pengantin lelaki, beliau juga mempunyai seorang penaja lelaki (man sponsor) untuk membantunya dalam menguruskan hal yang sewajarnya.

Adalah menjadi budaya Serani Portugis bagi keluarga pengantin wanita untuk menguruskan segala hal perkahwinan tetapi kosnya akan ditanggung oleh pihak pengantin lelaki. Oleh sebab itu pada hari perkahwinan pengantin baru, semua ahli keluarga pengantin perempuan adalah sibuk kerana harus melayan kawan-kawan dan saudara-mara yang pulang bersama-sama dengan pasangan pengantin baru dari gereja pada waktu petang. Masa inilah pengantin baru akan memotong kek bagi setiap orang ditambahkan lagi dengan segelas kecil minuman wine sebagai tanda pengucapan pengantin baru.

Pada kira-kira pukul lima atau enam, maka pasangan pengantin baru tersebut akan mengangkat diri dari rumah pengantin perempuan untuk pergi ke rumah pengantin lelaki. Dalam keadaan di mana

perkahwinan campur berlaku, biasanya pengantin lelaki dari kaum lain yang tidak menetap di Melaka akan menyewa bilik hotel dan pengantin perempuan pula akan mengangkat diri dari rumahnya ke hotel tersebut untuk menukar pakaian malam bagi jamuan majlis makan malam yang biasanya dilangsungkan di dewan-dewan yang disewa khas. Dalam jamuan makan malam tersebut, lauk-pauk adalah biasanya disediakan oleh keluarga pengantin perempuan sendiri. Terdapat sebuah meja yang panjang yang disediakan khas bagi pengantin baru dan kedua-dua belah pihak ibubapa serta penaja-penaja bagi pengantin baru. Selepas makan, sebuah kumpulan pemain-pemain muzik akan memainkan lagu dan adalah menjadi budaya orang Serani Portugis untuk menari sehingga tamatnya majlis dan ada juga di antara mereka, terutamanya ahli-ahli keluarga dan saudara-mara yang terlalu gembira sehingga meminum bir sampai mabuk.

Pada keesokan harinya, biasanya saudara mara yang datang dari jauh akan masih berada bagi merayakan uapcara Branhyo di rumah pengantin wanita. Kaum wanita termasuklah ahli-ahli keluarga pengantin perempuan dan saudara-mara akan sibuk menyediakan masakan bagi malam tersebut. Kumpulan pemain-pemain muzik akan dipelawa ke rumah untuk memainkan muzik dan keadaan suasana adalah seperti sesbuah majlis parti, ada yang menari, ada yang berbual-bual dan ada pula yang turut mabuk bagi kali keduanya. Oleh kerana majlis perkahwinan adalah dirayakan dengan begitu gembira sekali, maka penduduk-penduduk Perkampungan Portugis amat gembira apabila mendapat berita bahawa akan berlangsungnya sesuatu majlis perkahwinan walaupun mungkin

perkahwinan tersebut adalah bukan terdiri daripada ahli keluarganya sendiri.

5.3.1 Budaya Kehidupan Kekeluargaan

Dalam mempertimbangkan aspek budaya, saya juga ingin menyentuh hal tentang keadaan kebudayaan kehidupan dan kekeluargaan komuniti Perkampungan Portugis. Dalam sesbuah rumah tangga, adalah menjadi kebudayaan mereka untuk membentuk kemesraan dan perapatan yang amat sangat di kalangan ahli-ahli keluarga sesama diri. Pemuda-pemudi yang bekerja di bandar-bandar lain amat gemar untuk memulang ke kampung halaman untuk berada di sisi ibubapanya. Hal ini bukanlah berlaku semata-mata pada hari perayaan sahaja, bahkan kebanyakan daripada mereka sentiasa mengejar hari minggu supaya dapat balik ke kampung samada bagi mereka yang sudah berkahwin ataupun yang masih bujang.

Walaupun mungkin anak-anak ini hanya pulang dan menetap semalam, namun mereka berasa puas kerana dapat berasa kemesraan dari ahli keluarga berbanding dengan keterasingannya di bandar-bandar besar. Mereka mungkin ada golongan kawan-kawan sejabat yang tertentu di bandar-bandar lain, tetapi mereka sanggup melepaskan peluang berseronok dengan kawan-kawan pada hari Sabtu malam untuk pulang ke kampung. Biasanya, mereka akan pulang sekali atau dua dalam sebulan tetapi bagi mereka yang sudah berkahwin dan beranak, maka akan pulang sekali sebulan melainkan jika anak-anak mereka diletakkan di bawah penjagaan datuk nenek di Perkampungan Portugis.

Selain itu, ada juga di antara anak-anak yang bekerja di kilang Singapura mendapat hari cuti yang panjang. Sebagai contohnya, menurut seorang pemudi yang bekerja di kilang Singapura, jika ianya bekerja seminggu berturut-turut, maka ia akan mendapat cuti selama seminggu selepas itu. Oleh sebab itu, maka adalah menjadi tabiat untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi mencapai syarat mendapatkan hari cuti seminggu yang setanding dengan masa kerja supaya dapat pulang dan berseronok di kampung.

Dalam soal perhubungan dalam sesebuah keluarga, didapati bahawa kaum Serani Portugis bukan sahaja dibesarkan dalam lingkungan kemesraan kekeluargaan, bahkan mereka amat mementingkan hubungan darah sepertimana yang selalu disebutkan oleh mereka bahawa blood is thicker than water. Jika berlakunya apa-apa krisis keluarga yang melibatkan orang luar, maka mereka sentiasa berbelah kepada pihak keluarga sendiri. Ini adalah kerana mereka berpegang kepada prinsip tidak menghianati atau melakukan apa-apa yang tidak baik atau memalukan terhadap keluarga sendiri. Oleh itu, jika berlakunya pergaduhan atau salah faham, kemungkinan besar mereka akan mengatakan bahawa ia adalah berpunca dari orang luar. Akibat wujudnya perhubungan kekeluargaan yang begitu rapat, maka adakalanya juga wujud perselisihan faham di antara ibu dengan isteri anak lelakinya kerana masing-masing masih menginginkan perapatan yang sepenuhnya daripada lelaki tersebut.

5.4 BAHASA

Selain daripada aspek budaya, bahasa Portugis juga merupakan satu faktor penting yang menyumbangkan kepada keunikan identiti etnik Serani Portugis. Menurut Pintado (1974b : 39) Bahasa Portugis iaitu Cristao ataupun disebut Kristang yang ditutur oleh kaum Serani Portugis di Melaka pada hari ini adalah merupakan suatu dialek "lingua franca" di Perkampungan Portugis dan Praya Lane dan ianya bukanlah bahasa yang asli lagi. Ini adalah kerana bukan sahaja bahasa Portugis dipengaruhi oleh bahasa tempatan yang lain, bahkan terdapat sebanyak lebih kurang empat ratus perbendaharaan kata bahasa Malaysia adalah diperkenalkan oleh bahasa Portugis pada zaman penjajahan mereka (Patrick de Silva, 19 August 1979). Sebagai contohnya, perkataan-perkataan Kristang yang membentuk sebahagian daripada bahasa Malaysia adalah :-

	Bahasa Portugis	Bahasa Malaysia	Bahasa Portugis	Bahasa Malaysia
(1)	Almari	Almari	(8)	Mantega
(2)	Bendeira	Bendera	(9)	Garfo
(3)	Campu	Kampung	(10)	Misti
(4)	Careta	Kereta	(11)	Mesa
(5)	Janella	Jendela	(12)	Cabaia
(6)	Limao	Limau	(13)	Eskola
(7)	Sepato	Sepatu	(14)	Ananas

Walaupun kaum Serani Portugis sanggup menutur bahasa tersebut, namun mereka tidak tahu menulisnya kerana tidak wujudnya sekolah, buku-buku ataupun guru-guru yang mengajar bahasa tersebut.

Selain itu, terdapat juga senarai perkataan dan ayat yang telahpun dikutip oleh saya melalui penelitian dan penjelasan yang diberikan oleh kaum Serani Portugis. Sebagai contohnya:-

	<u>Bahasa Portugis</u>	<u>Bahasa Malaysia</u>		<u>Bahasa Portugis</u>	<u>Bahasa Malaysia</u>
(1)	kalsang	seluar	(8)	bos	awak
(2)	papiah	cakap	(9)	your	saya
(3)	jak	sudah	(10)	ellik	dia
(4)	kumik	makan	(11)	bebeh	minum
(5)	ki	apa	(12)	argu	air
(6)	korpu	badan	(13)	ki foi	mengapa
(7)	laba	cuci	(14)	podi	boleh
			(15)	empodi	tidak boleh

	<u>Ayat Bahasa Portugis</u>	<u>Makna dalam Bahasa Malaysia</u>
(1)	Jak kumi	Sudah makan
(2)	Laba korpu	Mandi
(3)	Your amor kubos	Saya cinta pada mu
(4)	ellik se kalsang	Seluarnya
(5)	ki papiah	Apa cakap/kata?
(6)	Your engke sabeh	Saya tidak faham

Akibat wujudnya percampuran bahasa Malaysia ke dalam bahasa Kristang, maka bahasa pertuturan kaum Serani Portugis di Melaka pada hari ini tidaklah difahami oleh seseorang Portugis yang berasal dari Portugal. Begitu juga, orang Serani Portugis juga kurang faham bahasa pertuturan orang-orang Portugal kecuali mungkin beberapa perkataan yang masih digunakan oleh orang Portu-

gal pada hari ini.

Dalam usaha mengekalkan identiti Serani Portugis, kaum wanita Perkampungan Portugis telahpun memainkan peranan yang penting dalam mengajari bahasa pertuturan Kristang ke dalam kanak-kanak yang sedang membesar. Sejak kecil lagi, kanak-kanak di Perkampungan Portugis telahpun diajar bertutur bahasa ibundanya oleh ibubapa ataupun datuk nenek yang menjaga mereka. Apabila mereka kian membesar, maka mereka pun bermula bergaul dengan kanak-kanak lain yang mungkin lebih besar daripadanya dan mungkin bertutur dalam bahasa Inggeris yang dibelajar dari sekolah. Maka dari sinilah kanak-kanak ini mula mengutip sedikit sebanyak bahasa Inggeris selain daripada yang diajar oleh ahli-ahli keluarga sendiri. Walau bagaimanapun, selepas mempelajari bahasa Inggeris, mereka tidak melupai bahasa ibundanya kerana masih bertutur dalam bahasa Portugis dengan kawan-kawan serta jiran tetangga dan ahli-ahli keluarga sendiri. Bahkan ramai kanak-kanak bertutur dalam dua bahasa yang bercampuran.

Walaupun kaum wanita dilihat sebagai berperanan penting dalam mendidik bahasa Portugis kepada anak-anaknya, namun ada di antaranya yang telah mengajar pertuturan bahasa secara tidak sempurna, terutamanya apabila mereka mengajar bahasa Inggeris. Ini adalah kerana ada di antara ahli-ahli keluarga yang bertutur dalam bahasa Inggeris basah. Sebagai akibatnya, kanak-kanak adakalanya berasa keliru terhadap perbendaharaan dan pembentukan ayat-ayat Inggeris tertentu menyebabkan mereka menjadi separa mahir dalam pertuturan kedua-dua bahasa tersebut.

Kaum Serani Portugis adalah amat bangga dengan keupayaan untuk bertutur dalam bahasa Kristang sepetimana tiap kaum berasa megah dapat menutur bahasa ibundanya. Tambahan pula mereka juga berasa gembira jika seseorang kaum lain mampu bertutur dalam bahasa Kristang, bahkan mereka akan mengalu-alukan orang luar ini dalam mempelajari bahasa mereka dan akan bersikap lebih mesra dan rapat dengan orang luar tersebut. Walau bagaimanapun, bagi kaum Serani Portugis yang telah berkahwin dan menetap di bandar-bandar lain, pertuturan bahasa Kristang adalah jarang digunakan akibat daripada pergaulan dengan kaum lain yang mana biasanya bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris dijadikan bahasa perantaraan. Oleh sebab itu, lazimnya, anak-anak di bandar-bandar lain seringkali dibawa balik ke kampung halaman datuk nenek mereka supaya dapat disemai nilai-nilai tradisi dan tidak terbawa-bawa oleh haluan pemodenan di bandar besar.

Kaum wanita yang menetap di bandar-bandar lain jarang berpeluang memainkan peranan mereka dalam memupuk kebudayaan tradisi Serani Portugis melainkan memasak makanan Portugis, memakan dengan tangan, menghadiri gereja dan sebagainya. Hal ini berlaku terutama sekiranya wujud perkahwinan campur yang mana budaya Serani Portugis mungkin didominasikan oleh budaya lain. Oleh itu, adalah menjadi kebimbangan orang ramai di Perkampungan Portugis bahawa mungkin suatu hari nanti mereka akan luput dari segi identiti akibat daripada proses akulturasi yang selanjutnya oleh budaya etnik yang lebih kuat dan berpengaruh.

5.5 RUMUSAN

Sebagai kesimpulan, perbincangan bab ini telah meneliti segala aspek yang berkaitan dengan etnisiti Serani Portugis. Peranan kaum wanita juga telah dilihat dari aspek makronya di mana bahagian-bahagian tugas yang patut dimainkan itu telah disepadukan ke dalam kebudayaan kehidupan sehari-hari. Sebenarnya, peranan wanita adalah ketara kerana mereka lah yang meneruskan zuriat serta warisan dari satu generasi ke generasi yang lain. Tanpa kaum wanita, nilai-nilai keseranian tidak dapat diteruskan secara sempurna kerana mereka lah yang menghabiskan kebanyakan masa dalam menjalankan tugas membimbing generasi yang muda. Oleh sebab itu, kaum wanita mempunyai kewajiban yang penting dalam mengekalkan identiti Serani Portugis serta meneruskan keunikan etnisiti mereka. Bagi mereka yang berada di luar Melaka, maka peranan ini adalah kian diperkecilkan kerana kekurangan peluang-peluang bagi menjalankan tanggungjawabnya. Oleh sebab itu, hal ini patut disedari oleh kaum Serani Portugis ini kerana sekiranya peranan mereka terbantut, maka kaum Serani Portugis akan menghadapi masa depan yang gelap gelita.

NOTAKAKI

1. Sebenarnya, God Parents hanya berperanan membantu menyemai nilai-nilai keagamaan ke dalam kanak-kanak yang sedang dibesarkan, terutamanya jika ibubapa kandungannya tidak berada di sisi kanak-kanak tersebut. Biasanya, God Parents yang dipilih adalah mereka yang mempunyai hubungan persanakan dengan bayi yang baru dilahirkan itu. Seseorang itu boleh menjadi God Father atau God Mother kepada beberapa orang yang berlainan tetapi keadaan yang sebaliknya tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, kehadiran sepasang God Parents hanyalah untuk menepati kewajipan keagamaan, ibubapa masih merupakan pembimbing yang terpenting dalam pembesaran kanak-kanak sebab mereka lah yang digelar Cathegist kepada anak-anak mereka.
2. Upacara-upacara sembahyang ini adalah sepertimana yang disebutkan dalam bab dua iaitu seperti Good Friday, Palm Sunday, Ash Wednesday dan sebagainya.

BAB VI

KESIMPULAN

Idea untuk mewujudkan sebuah petempatan bagi kaum Serani Portugis pada 1930an (Pintado 1974a: 36-37) sebenarnya adalah bertujuan untuk membantu kaum nelayan-nelayan Serani Portugis dan keturunan mereka supaya dapat hidup secara bersama untuk mengekalkan identiti.¹ Namun begitu, seiringan dengan polisi-polisi kerajaan yang diwujudkan selam ini, adakah tujuan mereka tercapai? Peranan wanita Serani Portugis dalam komuniti tersebut dikatakan memainkan peranan yang penting dalam menyemai nilai-nilai kebudayaan dan identiti ke dalam anak-anak mereka, tetapi pada dewasa ini, adakah matlamat ini masih boleh diteruskan tanpa diganggu?

Pada hakikatnya, kaum Serani Portugis masih mengalami masalah petempatan. Sejak penubuhan kawasan perumahan kastam kerajaan di dalam kawasan Perkampungan Portugis pada 1950an, banyak lagi eksloitasi telah dikenakan ke atas komuniti tersebut. Bagi kawasan kastam tersebut, ia hanya merupakan soal petempatan semula tetapi bagi kaum Serani Portugis, ia melibatkan isu kesesakan kerana permukaan tanah yang diperjuangkan itu menjadi kian kecil berbanding dengan pertumbuhan populasi kaum Serani Portugis. Isu ini telahpun ditentang secara hebatnya oleh kaum Serani Portugis tetapi kerajaan tetap tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi kepentingan kaum Serani Portugis di situ.

Penduduk-penduduk perkampungan Portugis mendakwa bahawa penubuhan kawasan perkampungan tersebut pada permulaannya adalah dianggap satu kawasan yang diberikan kepada mereka oleh Father Francois. Pada masa itu, rumah-rumah dalam Perkampungan Portugis adalah merupakan aset kepunyaan kerajaan negeri tetapi pada 1965, ia telahpun diberikan kepada kaum Serani Portugis (*The Star*, 10 Ogos 1979). Oleh sebab itulah mereka berasa kecewa terhadap tindakan kerajaan ke atas penubuhan rumah-rumah kastam di dalam kawasan Perkampungan Portugis memandangkan kaum Serani Portugis sendirinya memerlukan lebih kawasan untuk perkembangan penduduk yang selanjutnya pada masa depan.

Komuniti Serani Portugis juga menghadapi soal penubuhan flat-flat serba tingkat di kawasan mereka. Ini adalah kerana perjanjian permulaan mengatakan bahawa flat tersebut adalah dikongsi di antara komuniti Serani Portugis dengan kaum-kaum lain tetapi pada hakikat hari ini, flat tersebut telah diduduki sebahagian besarnya oleh kaum Melayu. Perkara ini bukan sahaja memaksa kaum Serani Portugis memindah ke kawasan di luar Perkampungan Portugis, bahkan flat itu telahpun merampas sebahagian daripada tanah yang dulu diberikan kepada kaum Serani Portugis. Sebenarnya, hal ini telah lama dijangkakan akan berlaku, tetapi malangnya, kerajaan telah mengenepikan kepentingan dan pendapat kaum Serani Portugis bagi tujuan-tujuan petempatan yang difikirkan perpatutan.

Di samping isu petempatan, soal kewarganegaraan juga merupakan satu masalah komuniti Serani Portugis kerana mereka

telah sekian lama memperjuangkan taraf bumiputra. Menurut mereka, dari segi taraf kemiskinan, mereka juga menyamai keadaan kaum Melayu di kawasan luar bandar. Namun, mereka diketepikan dari pelbagai faedah kerajaan seperti kemudahan mendapat rumah, kemudahan memperolehi kerja, kemudahan persekolahan, kemudahan pinjaman perniagaan dan sebagainya. Walaupun kini mereka telah diberi hak ke atas pinjaman Amanah Saham Berhad, namun ini adalah tidak mencukupi kerana berdasarkan sejarah perkembangan kaum Serani Portugis, samada dari segi keasalan atau perjuangan, mereka berhak menuntut lebih daripada itu.

Selain dari itu, menurut kaum nelayan Serani Portugis, kerajaan kini telah lebih mengalihkan perhatian kepada usaha penangkapan ikan di Laut China Selatan dengan pemberian subsidi-subsiidi peralatan penangkapan ikan yang lebih berteknologi tinggi. Menurut kaum nelayan Perkampungan Portugis lagi, kerajaan bermotif untuk membasmi lesen perikanan berskil kecil demi untuk mewujudkan peralatan perikanan yang lebih sofistikated seperti trawlers. Hal ini secara tidak langsungnya telah mempengaruhi pencarian rezeki kaum nelayan kerana mereka tidak mampu membeli peralatan-peralatan yang mahal ini.

Kaum nelayan juga mengalami masalah lain seperti pemprosesan lesen yang mengambil masa yang panjang, adakalanya selama tujuh hingga lapan bulan menyebabkan ada di kalangan kaum nelayan yang terpaksa menjalankan kegiatan perikanan secara sulit iaitu tanpa lesen. Hal ini secara tidak langsung telah menimbulkan pergaduhan di kalangan kaum nelayan sendiri kerana mereka yang mempunyai lesen telah bersifat cemburu dan marah terhadap kaum nelayan

tanpa lesen yang secara tidak langsung dianggap merebut kegiatan perikanan di satu kawasan yang sama. Tambahan pula, kerajaan juga mengenakan peraturan-peraturan yang ketat seperti membawa kad pengenalan, nama tag dan lesen perikanan semasa di laut. Oleh itu mereka khuatir bahawa jika berlaku apa-apanya malapetaka di laut, maka mereka akan kehilangan kesemua dokumen-dokumen ini dan terpaksa pula memohon yang baru pula.

Dari segi masalah pemasaran pula, kaum Serani Portugis terpaksa bergantung kepada orang tengah akibat tempat-tempat penjualan ikan adalah terlalu jauh. Ini adalah kerana kerajaan telah membasmi penjaja-penjaja penjualan ikan berskil kecil demi bertujuan untuk mewujudkan satu petempatan penjualan berpusat. Menurut kaum nelayan bahawa dahulunya, tanpa orang tengah, mereka sanggup bergantung kepada pencarian rezeki sehari berdasarkan satu jam kegiatan perikanan. Tetapi dengan adanya orang-orang tengah tersebut, masa perikanan terpaksa pula dipanjangkan supaya mendapat lebih hasil bagi meningkatkan pendapatan.

Selain daripada masalah-masalah yang disebutkan, kaum Serani Portugis juga kurang puas dengan keinginan kerajaan untuk menjalankan usaha tanah tebusguna di perkampungan mereka. Isu ini merupakan salah satu daripada masalah terbesar yang kini sedang dihadapi oleh mereka. Hal ini bukan sahaja akan menjelaskan kependudukan kaum Serani Portugis, bahkan ia akan mempengaruhi usaha perikanan mereka.

Projek tanah tebusguna telah mengenepikan kepentingan seba-

hagian besar komuniti Perkampungan Portugis dari segi penghinaan kebudayaan komuniti Kristang dan pengecualian daripada pencarian rezeki kaum nelayan. Sebagai contohnya, sebelum projek tanah tebusguna dilaksanakan di Bandar Hilir, usaha perikanan dilakukan dengan cara langgai dan sungkor. Tambahan pula, bot-bot dapat disinggahkan di sekitar pinggiran laut walaupun laut sedang menyurut. Tetapi setelah projek tanah tebusguna dilangsungkan, ia telah memindahkan pantai laut ke kawasan yang lebih luar. Keadaan ini bukan sahaja telah menjadikan perikanan pinggiran pantai dan penangkapan geragau serta udang yang diperlukan untuk industri kotej, bahkan ia juga telah mengakibatkan kesan akumulasi lumpur di sepangang pantai yang menyusahkan usaha perikanan. Akibatnya, kaum nelayan kini hanya dapat memulakan penangkapan ikan pada dua jam lebih lewat daripada biasa kerana terpaksa menunggu masa laut surut supaya sampan mereka dapat belayar ke laut tanpa digangu oleh lumpur. Hal ini juga telah menyebabkan kaum nelayan hanya sanggup menangkap ikan selama 14 hari sebulan dan mengurangkan pendapatan dari empat atau lima ratus ringgit sebulan ke dua ratus lima-puluh ke tiga ratus lima-puluh ringgit sebulan (Portuguese Settlement Committee).

Selain daripada itu, keadaan laut yang mencemarkan dengan bahan-bahan kimia dan kotoran-kotoran plastik telah meningkatkan lagi masalah perikanan. Kerajaan pula memberi nasihat supaya kaum nelayan Serani Portugis pergi mengusahakan perikanan di kawasan Laut China Selatan tetapi pada realitinya, hal ini adalah mustahil kerana ramai kaum nelayan tidak ingin meninggalkan kampung halaman mereka kerana di sinilah tempat yang dianggap

"negara" mereka pada hari ini.

Sebenarnya, budaya kemiskinan di kalangan kaum Serani Portugis adalah sebahagiannya diakibatkan secara tidak langsungnya daripada polisi-polisi kerajaan yang dijalankan. Ramai di antara kaum Serani Portugis ini pulang ke pekerjaan perikanan apabila mendapati upah dan pekerjaan yang ditawarkan adalah tidak memuaskan. Selain itu, ada juga yang terpaksa berusaha menangkap ikan sebagai kerja sambilan untuk meningkatkan pendapatan akibat upah pekerjaan luar yang rendah. Tambahan pula, selain daripada mendapat bantuan kewangan dari pihak biarawati di perkampungan mereka, kaum Perkampungan Portugis jarang berpeluang mendapat lain-lain bentuk tawaran biasiswa atau bantuan kewangan kerajaan bagi menggalakkan pendidikan atau untuk meneruskan pelajaran.

Kerajaan juga patut memainkan peranan secara lebih adil dalam memberi insentif untuk usaha perikanan di Selat Melaka memandangkan sebahagian besarnya komuniti Perkampungan Portugis adalah bergantung kepada pekerjaan tersebut. Dalam hal ini, bukan sahaja masa bagi kerja-kerja pemprosesan lesen patut disingkatkan, bahkan kemudahan memperolehi peralatan perikanan juga patut disediakan. Bagi usaha kerajaan yang menghantar kaum nelayan pantai timur ke kursus-kursus perikanan, peluang-peluang seperti ini juga patut dikongsikan dengan kaum nelayan di Perkampungan Portugis.

Walaupun cadangan projek tanah tebusguna di Perkampungan Portugis masih belum diluluskan, namun ia patut diberi pertim-

bangan yang selebihnya kerana menurut kaum nelayan (Fishermen Representatives 1980: 2) di situ,

"For the areas which have not yet been reclaimed, their fortunes similarly dwindled. The dumping of the earth only transferred the silt to the unreclaimed areas thus increasing the depth of the silt. Where the shore had sand previously, silt has increased to waist level; where the sea level was knee-deep prior to reclamation, its now over the head of the fishermen".

Selama ini, komuniti Kristang telahpun mempamirkan perlanjutan sejarah budaya dalam usaha penangkapan ikan bagi empat ratus tahun. Merekalah yang mewakili budaya utama komuniti Serani Portugis kerana usaha perikanan tersebut adalah seolah-olah merupakan nilai dan tradisi budaya mereka pada hari ini (Portuguese Settlement Committee). Dalam menyaksikan nasib yang menimpa kaum-kaum nelayan di Bandar Hilir, maka adalah menjadi kebimbangan kaum Perkampungan Portugis, terutamanya kaum nelayan kerana sekiranya rancangan tanah tebusguna tetap dijalankan, nasib yang sama akan tetap menimpa mereka.

Sebenarnya, budaya kemiskinan di kalangan komuniti Perkampungan Portugis tidak patut semata-matanya ditanggung atau dipersalahkan kepada satu pihak berkuasa sahaja. Masalah ini juga merupakan akibat daripada sikap "tidak apa" komuniti tersebut yang secara tidak langsungnya menyebabkan mereka berkelakuan cuai dan terasing. Tetapi di sebaliknya, walaupun mereka kelihatan bersikap happy go lucky, namun ramai di antara mereka membongkarkan perasaan jemu terhadap tindakan pihak berkuasa yang tidak mengambilberatkan kepentingan mereka walaupun telah berkali-kali berusaha untuk meningkatkan taraf hidup

ekonomi dan sosial di kalangan komuniti mereka sendiri. Menurut mendiang Bernard Sta Maria (1979b):

"....if we had failed in our objectives, it is not because we had not tried, it is because our appeals were not heard".

Mereka juga mengatakan bahawa pembangunan negara telahpun menyingkirkan kepentingan mereka kerana selama ini mereka tidak menyaksikan apa-apa cabaran yang positif. Segala yang mereka saksikan atau lakukan di sekeliling mereka adalah tidak banyak bezanya selama ini. Jiran tetangga berhidup dalam keadaan yang sama dan pencapaian dalam apa jua bidang pun juga masing-masing masih berada pada tingkat yang konstan. Kekurangan teladan yang sewajarnya juga merupakan salah satu faktor yang telah menurunkan motivasi dan semangat komuniti Perkampungan Portugis ini kerana mereka tidak diberi peluang untuk menunjukkan keupayaan dan kebolehan masing-masing. Bagi mereka yang betul-betul mencapai kecemerlangan, masing-masing telahpun berhijrah ke bandar-bandar besar untuk mencari kehidupan yang lebih sempurna kerana persekitaran perkampungan mereka dan pertumbuhan ekonomi di Melaka adalah tidak begitu menggalakkan.

Dalam menghadapi segala masalah-masalah tersebut, adalah jelas bahawa kaum Serani Portugis masih tetap berada dalam penderitaan. Keadaan sebegini secara tidak langsungnya telah sedikit sebanyak mempengaruhi peranan wanita dalam menjalankan tanggungjawabnya samada untuk mengekalkan identiti ataupun dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi. Sebagai contohnya, jikalau kerajaan mengimplementasikan projek tanah

tebusguna di kawasan Perkampungan Portugis, maka adalah jelas bahawa kerja-kerja industri kotej akan terjejas kerana kekurangan sumber-sumber bahan mentah akibat masalah perikanan. Selain itu, dari segi pembangunan pula, keadaan komuniti yang masih dalam keadaan mundur juga akan menjelaskan peranan wanita dalam memperturunkan pengajaran ciri-ciri budaya kepada generasi muda yang telah mengejar kemewahan di bandar-bandar lain. Keadaan ini pernah dicemuh oleh mendiang Bernard Sta Maria (1979d: 2) kerana menurutnya:

"... unless we irrevocably commit ourselves into a cohesive unit, mapping out co-ordinated avenues to improve ourselves, we would forever be living in a despair and destitude, and this country would appear to be one of transition and not permanant, for migration has been one of the characteristic curses of our community".

Tambahan pula, keadaan migrasi juga telah secara tidak langsungnya menimbulkan proses akulturasi yang selanjutnya oleh kaum-kaum majoriti yang lain ke atas komuniti Serani Portugis. Sebagai akibatnya, nilai-nilai kebudayaan akan kian melenyap kerana kaum wanita di bandar-bandar lain tidak sempat melaksanakan tanggung-jawab mereka melainkan jika masih berada di sekitar Perkampungan Portugis. Kaum wanita Serani Portugis yang kini bekerja di bandar-bandar lain telah banyak dipengaruhi oleh perubahan-perubahan sosial yang dipaksakan ke atas mereka. Seiringan dengan ini, mereka secara tidak sedar telah terjerumus ke dalam corak kehidupan yang lebih moden dan terhindar dari segala nilai-nilai dan adat-adat yang patut diamalkan sebagai seorang Serani Portugis. Di samping itu, pencapaian pendidikan

yang tidak diberi penggalakan atau insentif yang sewajarnya juga telah menjaskan kemajuan komuniti tersebut. Ini adalah kerana pendidikanlah yang dapat meningkatkan kesedaran terhadap hak-hak serta pembangunan komuniti mereka sendiri.

Walaupun pada dewasa ini masih terdapat beberapa orang pemimpin-pemimpin yang meneruskan perjuangan hak bagi komuniti mereka, namun tidak kelihatan adanya bakal-bakal pemimpin yang berpotensi untuk memikul tanggungjawab ini pada masa depan. Tambahan pula, kaum wanita Serani Portugis masih hanya merupakan driving froce di sebalik kaum lelaki yang amat diperlukan untuk perjuangan kehidupan komuniti mereka. Ini adalah kerana walaupun kaum wanita telah banyak menonjolkan keupayaan mereka dalam pelbagai bidang, namun bilangan mereka yang terdiri daripada peratusan yang kecil tidak akan memberi kesan yang kuat terhadap perubahan-perubahan yang mungkin diwujudkan. Maka sekiranya pemimpin-pemimpin masa kini tidak wujud lagi, komuniti Perkampungan Portugis pasti akan menempuh cabaran dalam krisis hidup. Ini adalah kerana mereka mengalami kekurangan pemimpin-pemimpin yang serba lengkap dengan sikap progresif serta perspektif-perspektif moden untuk mempertingkatkan taraf hidup komuniti mereka (Bernard Sta Maria 1979d: 1).

Selain daripada itu, Bernard Sta Maria (1979b) juga pernah mengatakan bahawa adalah malangnya Perlembagaan Malaysia tidak membekalkan pernaungan yang sewajarnya bagi melindungi hak-hak kaum minoriti. Beliau juga menambahkan bahawa kerajaan patut mewujudkan "Ministry or Minority Affairs" supaya tiap warganegara dapat menyalurkan penderitaan mereka serta mengharapkan langkah-

penyelesaian terhadap masalah mereka. Walaupun komuniti Serani Portugese merupakan kaum Eropah yang pertama sekali menjelak kaki di bumi timur, namun usaha mereka tidak diiktirafkan. Menurut Bernard Sta Maria (1979d: 1) lagi, walaupun komuniti-komuniti lain seperti kaum Melayu, Cina, India serta komuniti Kadazan dan Iban telah dimajukan sejak kemerdekaan pada tahun 1957 dan 1963 masing-masing, namun komuniti Serani Portugis masih mengalami kemunduran.

Peranan yang dimainkan oleh wanita di Perkampungan Portugis dalam pelbagai aktiviti yang telah disebutkan sebenarnya adalah bertindak sebagai satu cara untuk memperkayakan kehidupan mereka. Tambahan pula, ia adalah penting bagi memperlengkapkan peranan yang sepatutnya dimainkan sebagai salah satu daripada sumbangan mereka selain dari menjadi seorang suri-rumah. Hal ini adalah benar sepetimana menurut Rondakova (1984: 293), perubahan dalam kedudukan wanita dalam sesuatu komuniti dan bentuk transformasinya kepada seorang ahli yang aktif dalam masyarakat dapat dicerminkan melalui peranannya dalam sesebuah keluarga. Wanita telah menjadi lebih berdikari dan telah mempunyai hak untuk membuat keputusan tentang pembangunan dan rancangan masa depan untuk keluarganya. Peranannya telah berkembang bukan sahaja dari segi praktiknya, bahkan juga dari segi keintelektualannya.

Selain itu, Kari Waerness (1984: 271) juga mengatakan bahawa "most women become housewives, and all housewives are women". Menurut Waerness (1984: 277) lagi, hakikat bahawa suri-rumah memainkan peranan primer dalam hal rumah tangganya telah mencadangkan bahawa budaya wanita adalah suatu elemen yang

penting dalam mensosialisasikan anak-anak perempuan, tanpa merujuk kepada apa jua peranan yang mungkin dimainkan olehnya pada masa depan.

Dalam konteks Perkampungan Portugis, perubahan-perubahan dalam peranan wanita telah membawa kesan yang besar ke dalam pembangunan komuniti mereka. Apabila Perkampungan Portugis dipercakapkan, kaum lelaki bukan lagi semata-matanya dijadikan wakil atau fokus utama, bahkan kaum wanita juga telah dapat menonjolkan keketaraannya melalui pencapaian yang setanding dengan kaum lelaki walaupun mungkin dalam bidang yang berlainan.

Kaum wanita Serani Portugis sesungguhnya telahpun membuktikan kesudian dan keinginan untuk mempertingkatkan kedudukan dan taraf hidup di Perkampungan Portugis. Walaupun begitu, pada masa yang sama, mereka juga masih menanti-nantikan peluang-peluang yang lebih cemerlang dan adil di masa depan supaya peranan mereka dapat dijadikan lebih berkesan.

Dengan demikian, perhatian patut diberikan kepada kemajuan struktur peluang-peluang pekerjaan kepada kaum wanita kerana mereka kelihatan tersingkir dalam aspek ini. Keadaan-keadaan persekitaran dan pembangunan yang lebih sihat juga patut dibentukkan bagi kaum wanita, khususnya suri-suri rumah dan anak-anak dara yang tidak bekerja supaya mereka dapat mengalihkan masa lapang mereka kepada aktiviti-aktiviti yang lebih bernalas. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan ini adalah masih terpulang kepada pihak-pihak berkuasa untuk mempertimbangkan langkah-langkah yang sewajarnya agar harapan dan ikhtiar kaum wanita ini tidak akan di-

kecewakan.

Bagi komuniti Serani Portuguese, keamaan hidup adalah harapan utama kerana mereka sedar bahawa sebagai sesuatu kaum minoriti, adalah mustahil untuk bersaingan dengan kaum-kaum majoriti yang lain kerana sumber-sumber adalah terhad. Mereka telahpun menetapi di bumi timur selama 482 tahun dan telahpun masing-masing membiasakan diri dengan kehidupan tempatan, bahkan mereka labih menganggap Melaka sebagai negeri mereka dan Malaysia sebagai negaranya. Negara Portugal kini hanyalah merupakan suatu memori sejarah kepada mereka. Yang pentingnya adalah bahawa komuniti Perkampungan Portugis adalah suatu etnik yang disempadani oleh satu bahasa yang sama serta pengamalan tradisi-tradisi yang selama ini masih dikekalkan melalui warisan budaya yang unik. Perkampungan Portugis merupakan petempatan yang terakhir bagi pengekalan warisan-warisan tersebut dan ia telahpun selama ini dianggap Mekah oleh orang-orang Serani Portugis (Bernard Sta Maria 1979a: 1). Harapan mereka adalah sesungguhnya dapat meneruskan kesemua warisan ini ke masa depan; semoga-moga-nya dibantu oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana sebagai sebuah komuniti warisan Portugis, mereka tidak dapat wujud tanpa memiliki budaya, warisan dan identiti. Maka untuk kewujudan kesemua ini, mereka terpaksa hidup dalam satu keadaan dan persekitaran yang homogen. Dalam hal ini, Perkampungan Portugislah merupakan tempat yang tepat digambarkan kerana mereka tidak dapat meneruskan kehidupan berkomuniti jikalau mereka tidak mempunyai tempat untuk mengorganisasikan pesta-pesta, tidak berpeluang bertutur dalam bahasa Kristang sesama diri dan jika bilangan mereka kian

mengurang seiringan dengan masa (Bernard Sta Maria 1979a: 2).

NOTAKAKI

- (1) Ini merupakan pendapat-pendapat yang diberi oleh sebahagian besar daripada penduduk Perkampungan Portugis.

BIBLIOGRAFI

Bahan-bahan Yang Diterbitkan

- Berry, John W.
1980 Acculturation, Theory, Models, and some new findings. Colorado: Westview Press for the American Association for the Advancement of Science.
- Chan, Kok Eng
1969 A Study in the Social Geography of the Malacca Portuguese Eurasians. M.A. Thesis, University of Malaya.
- Clammer, John R.
1986 Ethnic Process in Urban Melaka. In Ethnicity and Ethnic Relations in Malaysia, ed., Raymond Lee, pp.47-72. Occasional Paper No.12, Centre for Southeast Asian Studies, Northern Illinois University.
- Croll, Elizabeth
1981 Rural Women's Organization. In Rural Women Workers in Asia : Development Strategies and Action at the Local, National and International Levels, ed., ILO, Geneva: International Labour Office.
- Daus, Ronald
1989 Portuguese Eurasian Communities in Southeast Asia. (Die Dr finding des Kolonialismus), Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. First published in 1983 in Germany by Peter Hammer Verlag.
- Hashim Hj Harun
1976/77 Ethno-Racial Marginality in West Malaysia - The Case of Portuguese Eurasians Community of the Portuguese Settlement, Malacca. B.A. Thesis, Department of Anthropology and Sociology, University of Malaya.
- Jahara Yahaya
1991 Women's Participation in Small Ruminant Enterprise: A Case Study of Three Felda Schemes in Negeri Sembilan. Kertas dan Laporan Berkala: KLB. Bil.5, Institute Pengajian Tinggi, Universiti Malaya.
- Jelin, Elizabeth
1984 Daily Lives of Urban Women. In Women On the Move: Contemporary Changes In Family and Society, ed., UNESCO, pp.221-244. Paris: UNESCO.

- Anon
1979 Why Portuguese Eurasians failed to improve standard. New Straits Times, 8th October 1979.
- Pintado, Fr. M.J.
1974a The Portuguese Settlement or Padre Sa Choa or The Priest's Land. In Survival through Human Values of Religion-Culture-Language, pp.36-39, Malacca.
- 1974b Christao or Portuguese Patois of Malacca. In Survival Through Human Values of Religion-Culture-Language, pp.39-42, Malacca.
- 1990 A Stroll Through Ancient Malacca. Macau: Instituto Cultural de Macau.
- Ridd, Rosemary
1981 Where Women Must Dominate: Response to Oppression in a South African Urban Community. In Women and Space: Ground Rules and Social Maps, ed., Shirley Ardener, pp.187-202, London: Croom Helm.
- Rondakova, I.E.
1984 Women's Employment and Role in the Family: Historical Trends and Modern Forms in the USSR. In Women On The Move: Contemporary Changes in Family and Society, ed., UNESCO, pp.283-296, Paris: UNESCO.
- Sta Maria, Bernard
1982 My People My Country. Malacca: Malacca Portuguese Department Centre.
- Tan Chee-Beng
1988 The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community of Malaysia. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Tong, Barbara Chek Buay
1986/87 The Socio-Economic Conditions of the Portuguese Eurasians in the Portuguese Settlement, Melaka. B.A. Thesis, Department of Anthropology and Sociology, University of Malaya.
- Waerness, Kari
1984 Women's Culture and the Care Crisis in Scandinavian Countries. In Women On the Move: Contemporary Changes in Family and Society, ed., UNESCO, pp.271-282, Paris: UNESCO.

Bahan-Bahan Yang Tidak Diterbitkan

- de Silva, Patrick
1979 Lingo-Cultural Aspect of the Malaysian Portuguese Community. A paper presented at the Seminar held by the Malaysian Portuguese Community in the Portuguese Settlement, 19th August, 1979.
- Lazaroo, George Bosco
n.d. The Portuguese Settlement and the Descendents of the Portuguese of 1511.
- Monteiro, Rony
1979 Ethnicity and the Malaysian Portuguese Community. Paper presented at the Seminar held by the Malaysian Portuguese Community at the Portuguese Settlement, 19th August 1979.
- Portuguese Settlement Committee
n.d. Statement on The Effects of The Land Reclamation Project.
- Sta Maria, Bernard
1979a A speech delivered at a meeting of Portuguese Settlement Residents, held at the Portuguese Settlement, Malacca, 2nd August 1979: 6p.m.
- 1979b Formation of First Liaison Committee of "Save Portuguese Community"/Government Urged to create "Ministry of Minority Affairs". A speech delivered at a General Meeting of Malaysian Portuguese Residents of Kampung Hilir/Praya Lane/kampung Tengah, 11th August 1979.
- 1979c Evolution of Malaysian Portuguese Community. Paper presented at the Seminar held by the Malaysian Portuguese Community in the Portuguese Settlement, 19th August 1979.
- 1979d Extract of Speech delivered at a Solidarity Dinner of Malaysian Portuguese Eurasians in the Portuguese Settlement, Malacca, 6th October 1979.
- Sta Maria, Rachel
1979 The Origin of the Portuguese Eurasian Settlement. Paper presented at the Seminar held by the Malaysian Portuguese Community at the Portuguese Settlement, 19th August 1979.